



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TUAN SAHIRIN BIN PONO, PEMBUAT WAU,
MENGENAI SENI WARISAN NEGERI SELANGOR, WAU KAPAL.

NUR AINA SOFIA BINTI IDRIS

(2022970377)

NUR ELYNA BALQIS BINTI HAMZAH

(2022919797)

SEMESTER MAC 2023 – JULAI 2023

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TUAN SAHIRIN BIN PONO, PEMBUAT WAU,
MENGENAI SENI WARISAN NEGERI SELANGOR, WAU KAPAL.

NUR AINA SOFIA BINTI IDRIS

(2022970377)

NUR ELYNA BALQIS BINTI HAMZAH

(2022919797)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC 2023 – JULAI 2023

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	1
PENGHARGAAN	2
SENARAI ABREVIASI	3
SENARAI NAMA	3
RUJUKAN KATA	4
1.0 BIODATA PENEMUBUAL	5
2.0 BIODATA TOKOH	6 - 8
3.0 PENDAHULUAN	9 - 10
3.1 LATAR BELAKANG KAJIAN	10 - 12
3.2 PERMASALAHAN KAJIAN	13
3.3 OBJEKTIF KAJIAN	13
3.4 PERSOALAN KAJIAN.....	14
3.5 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN	14 - 15
4.0 TINJAUAN LITERATUR	
4.1 PENDAHULUAN	16
4.2 KESENIAN WARISAN DI MALAYSIA	16 - 17
4.3 KEPENTINGAN KESENIAN WAU.....	17 - 19
4.4 JENIS SUMBER PENYELIDIKAN	19 -23
4.5 KEPENTINGAN PENYELIDIKAN LISAN	23 - 24
4.6 KESIMPULAN	24
5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL	25 - 168
6.0 LOG TEMUBUAL	169 - 176
7.0 RALAT	177

8.0 RINGKASAN	178 - 179
9.0 GLOSARI	180 - 185
10.0 INDEKS	186 - 191
11.0 BIBLIOGRAFI	192
12.0 LAMPIRAN	193 - 230

ABSTRAK

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TUAN SAHIRIN BIN PONO PEMBUAT WAU BAGI MENGENALI LATAR BELAKANG WAU KAPAL, CARA PEMBUATAN WAU KAPAL, DAN CARA PERMAINAN

Abstrak: Penyelidikan ini berdasarkan sumber utama iaitu secara lisan kemudiannya temubual itu akan di dokumentasikan. Tugasan ini melibatkan tokoh yang berkenaan didalam kalangan warga pemain dan pembuat wau di negeri Selangor, dan salah satu daripadanya ialah Tuan Sahirin Bin Pono atau lebih dikenali sebagai Wak Rin. Terdapat banyak perkara yang dibincangkan dan diterangkan di dalam temubual dan dokumentasian ini. Antaranya adalah mengenai kisah latar belakang beliau, latar belakang wau kapal, cara pembuatan wau kapal dan cara bermain wau kapal dalam pertandingan. Beliau telah lama mengekalkan seni warisan negeri Selangor iaitu Wau Kapal ini sehingga sekarang. Beliau dijadikan sebagai bahan rujukan kepada masyarakat terutamanya pelajar universiti untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai pembuatan wau dan memberi sumbangan kepada negeri Selangor kerana mengekalkan seni warisan yang tidak diketahui oleh ramai orang.

Kata Kunci: Wau Kapal, Wak Rin, Pembuat Wau, Selangor.

Abstract: This research is based on the primary source of verbal interview and then the interview will be documented. This assignment involves a relevant figure among kite players and makers in the state of Selangor, and one of them is Tuan Sahirin Bin Pono or known as Wak Rin. There are many things discussed and explained in this interview and documentation such as about his background story, the background of kites, how to make kites and how to play kites in competition. He has long maintained the heritage art of Selangor, which is Wau Kapal, until now. He is used as a reference for the public, especially university students, to learn more about kite making and to contribute to the state of Selangor for maintaining a heritage art that many people do not know about.

Keywords: Wau Kapal, Wak Rin, Pembuat Wau, Selangor.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah S.W.T kerana kami telah berjaya melengkapkan kerja kumpulan bagi subjek IMR604 - Pendokumentasian Sejarah Lisan (Oral History). Walaupun banyak cabaran dan ujian dalam melengkapkan kerja ini, tetapi syukur pada Ilahi, kerana telah bantu dan memudahkan segala urusan dengan jayanya. Seterusnya, kami ingin memberi penghargaan kepada tokoh yang telah kami temubual iaitu Tuan Sahirin Bin Pono atau lebih dikenali sebagai Wak Rin kerana sudi memberi kerjasama dengan kami untuk menjayakan projek ini. Beliau telah memberikan komitmen yang tinggi terhadap projek ini dengan sudi berkongsi pelbagai maklumat ketika proses temubual dijalankan.

Kami juga ingin memberi penghargaan pensyarah kami bagi subjek ini iaitu Sir Jafalizan Md Jali. Kami amat bersyukur dapat beliau sebagai pensyarah untuk membimbing kami untuk subjek ini. Beliau juga telah memberi keterangan yang jelas dan memberi maklumat yang lengkap tentang tugas ini, dan banyak memberi sokongan kepada kami dari segi pengajian mahupun kehidupan dan beliau sentiasa menghulurkan bantuan jika kami perlukan.

Seterusnya, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa kami kerana telah menyumbangkan kewangan, tenaga dan masa pada kami sepanjang proses menyiapkan tugas ini. Mereka juga telah memberi sokongan dari segi moral untuk terus positif untuk mengharungi sebarang kemungkinan yang mungkin akan berlaku ketika membuat tugas ini. Tanpa bantuan dan sokongan mereka, agak sukar untuk teruskan perjalanan ini.

Akhir Sekali, ribuan terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah membantu kami terutamanya kepada Nur Batrisyia Izzah Binti Ahmad Khan dan Nur Hidayatul Nisha Binti Hussin kerana telah menyumbang tenaga untuk membantu kami pada hari temubual dijalankan. Terima kasih juga kepada rakan-rakan yang lain yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung. Dengan ini, kami berharap kajian ini memberikan impak yang positif dan kejayaan pada kami dan dapat membantu para penyelidik untuk kajian mereka dan membantu dalam memelihara warisan negara dari hilang dek telan oleh masa. Sekian, terima kasih.

SENARAI ABREVIASI

Abreviasi	Maksud
UiTM	Universiti Teknologi Mara
PKS	Pelayang Kapal Selangor
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
JKR	Jabatan Kerja Raya

SENARAI NAMA

Bil	Nama	Singkatan Nama
1	Nur Aina Sofia Binti Idris	NAS
2	Nur Elyna Balqis Binti Hamzah	NEB
3	Mohd Sahirin Bin Pono	MSP
4	Njujir Bin Sardono	NSA
5	Hairizan Bin Muslim	HMU

RUJUKAN KATA

Bil	Istilah	Maksud
1	Tak	Tidak / Tiada
2	Tu	Itu
3	Je	Sahaja
4	Tapi	Tetapi
5	Lepas tu	Selepas itu
6	Camtula	Macam Itu Lah
7	Ko	Kau
8	Dekat	Pada
9	Amek	Ambil
10	Taruk	Letak
11	Macam ni	Macam ini
12	Sakat	Setakat
13	Kena	Perlu
14	Diorang	Mereka
15	Dah	Sudah
16	Besok	Esok
17	Takkan	Tidak akan
18	Gini	Begini
19	Gitu	Begini
20	Paham	Faham
21	Dulu	Dahulu
22	Kitaorang	Kami

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

<u>Penemubual 1</u>	
	
Nama	Nur Aina Sofia Binti Idris
Nombor Telefon	012-3456789
E-mel	ainasofia5901@gmail.com
Alamat	123, Jalan Pahlawan, Kuala Lumpur

<u>Penemubual 2</u>	
	
Nama	Nur Elyna Balqis Binti Hamzah
Nombor Telefon	012-3456789
E-mel	Elyna01.balqis@gmail.com
Alamat	123, Jalan Pahlawan, Kuala Lumpur

2.0 BIODATA TOKOH

Tokoh 1	
	
Nama	Sahirin Bin Pono
Nama Panggilan	Wak Rin
Tarikh Lahir	25/9/1962
Tempat Lahir	Kampung Labuhan Dagang
Tempat Tinggal	Kampung Dagang
Nama Bapa	Pono Bin Haji Bakar
Nama Ibu	Siti binti Yusoff
Bilangan Adik Beradik	Sebelas orang
Anak ke-	Kedua
Status	Berkahwin
Bilangan Anak	Enam orang

Tokoh 2



Nama	Ngujir bin Sardono
Nama Panggilan	Pak Cik Ngujir
Tempat Lahir	Kampung Labuhan Dagang
Tempat Tinggal	Kampung Dagang
Nama Bapa	Sardono bin
Nama Ibu	Latifah binti Abdulla
Bilangan Adik Beradik	Lapan orang
Anak ke-	Kedua
Status	Berkahwin
Bilangan Anak	Lima orang

Tokoh 3



Nama	Hairizan Bin Muslim
Nama Panggilan	Ijan
Tarikh Lahir	26 September 1971
Tempat Lahir	Labuan Dagang, Selangor
Tempat Tinggal	Bangi, Selangor
Nama Bapa	Muslim Bin Daihat
Nama Ibu	Yusufah Binti Yusoff
Bilangan Adik Beradik	Sepuluh Orang
Anak ke-	Kedua
Status	Berkahwin
Bilangan Anak	Dua Orang

3.0 PENDAHULUAN

Negeri Selangor Darul Ehsan terletak di bahagian tengah pantai barat Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan Perak di sebelah Utara, Pahang di sebelah timur dan Negeri Sembilan di sebelah selatan. Negeri Selangor yang terletak dibahagian barat Banjaran Titiwangsa ini dibahagikan kepada sembilan daerah yang terdiri daripada Sabak Bernam, Sepang, Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Hulu Langat, Kuala Selangor, Kuala Langat, dan akhir sekali Klang. Sebagaimana yang kita sedia maklum, perkembangan awal negeri Selangor ini sebagai sebuah kawasan penempatan telah banyak disumbangkan oleh faktor keistimewaanannya iaitu faktor geografinya. Selain itu, dengan kekayaan flora dan faunanya yang sangat indah, maka kemudiannya terhasil lah penempatan serta hubungan perdagangan dengan dunia luar. Namun demikian, suatu hakikat yang tidak boleh dinafikan bahawa, berdasarkan kajian menerusi penemuan arkeologi, seawal zaman Hoabinhian, perkembangan sejarah dan warisan budaya Selangor boleh dilihat. Negeri Selangor berkeluasan 8,104 km² (3,129 sq mi) km². Tambahan pula, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, pada tahun 2010 menunjukkan bahawa negeri Selangor mempunyai populasi yang paling ramai dan terpadat di Malaysia iaitu seramai 5 juta atau 5,462,141.

Dalam memperkatakan penulisan dan kajian mengenai keunikan, keindahan dan kelebihan negeri Selangor termasuk di daerah Kuala Selangor khususnya dalam aspek seni warisan telah banyak diceritakan, dan dilakukan secara ilmiah mahupun bukan ilmiah. Oleh itu, usaha-usaha penulis, sarjana dan juga pengkaji seni warisan yang telah pun membuat penyelidikan turut menyentuh tentang seni warisan penduduk tempatan. Walaupun telah banyak pihak institusi, pengkaji penyelidikan telah membicarakan keunikan dan keistimewaan sejak zaman dahulu lagi, kendatipun begitu, maklumat mengenai seni warisan negeri Selangor ini masih lagi terhad pada masa kini. Merujuk kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005, seni warisan tergolong dalam kategori “warisan tidak ketara”. Seni persembahan, adat dan budaya, permainan tradisional, seni halus, makanan warisan, busana tradisi dan akhir sekali seni muzik merupakan seni warisan. PADAT pada tahun 2011-2015 dalam rancangan Malaysia ke-10 telah melaksanakan satu penyelidikan dan juga telah mengadakan “Konvensyen Identiti Negeri Selangor” bagi tujuan untuk mengenalpasti seni warisan yang boleh dijadikan identiti di Negeri Selangor.

Antara seni warisan yang terdapat di negeri Selangor adalah wau kapal Negeri Selangor. Seperti yang kita ketahui, wau merupakan satu permainan tradisi yang telah dimainkan sejak zaman dahulu lagi dimana tidak semua individu yang mengetahui kewujudannya lebih-lebih lagi generasi pada masa kini. Wau merupakan salah satu khazanah masyarakat melayu yang amat tinggi nilainya oleh kerana keunikan dan kecantikan pada corak yang diukir pada sesebuah wau tersebut. Di Malaysia, terdapat banyak jenis wau yang mempunyai coraknya tersendiri. Seperti yang kita ketahui, di Malaysia terdiri daripada empat belas buah negeri dan di antara beberapa negeri mempunyai wau mereka tersendiri. Antara wau yang paling terkenal adalah 'Wau Bulan' yang berasal dari negeri Kelantan dan telah diiktirafkan sebagai wau kebangsaan. Manakala, di negeri Selangor juga terdapat wau tersendiri iaitu wau kapal negeri Selangor dimana ia berbentuk seperti kapal yang membawa simbolik kepada negeri tersebut. Wau kapal ini mempunyai lambang dan motifnya tersendiri yang membawa maksud kepada kesejahteraan, pembangunan, perkapalan dan akhir sekali sebagai tanaman padi.

3.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Wau atau layang-layang merupakan permainan yang amat popular di kalangan kanak-kanak dan kalangan orang dewasa sama ada dimainkan oleh orang biasa mahupun golongan istana sejak zaman dahulu lagi. Permainan wau biasanya dimainkan pada waktu lapang, menunjukkan kegembiraan serta menyambut sesuatu perayaan. Sekitar tahun 15 masehi, kepercayaan masyarakat Melayu terhadap permainan wau mempunyai kaitan dengan semangat angin dan juga langit (Fieda 2003). Menurut masyarakat Melayu pada zaman dahulu, mereka mempunyai pertalian yang amat kuat dengan alam dan manusia. Seperti yang kita ketahui, wau mempunyai reka bentuk yang berbeza-beza kerana ia mengandungi unsur-unsur budaya Melayu yang tersendiri. Justeru, permainan tradisional wau ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri dan menjadi satu warisan kepada sesebuah negeri atau masyarakat. Menurut sejarah wau, permainan wau atau layang-layang telah lama wujud di Negara China iaitu sekitar pada 3000 tahun yang lalu (Shamsiah Sabarudin et al. 1993). Bukan itu sahaja, pada sekitar 500 tahun yang lalu, khususnya di Tanah Melayu telah dikenali iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah. Bagi mengenali sejarah wau lebih mendalam, masyarakat Kelantan khususnya, mereka bermain wau untuk menghilangkan lelah setelah penat bekerja di sawah padi, manakala di negara China wau digunakan untuk menghantar makanan kepada masyarakat

yang berada dalam kesusahan seperti terperangkap di bukit ataupun semasa banjir. Akan tetapi, kegunaan wau pada masa kini telah berbeza. Di Malaysia digunakan untuk bermain dan juga sebagai hiburan bagi mengisi masa lapang.

Terdapat beberapa jenis wau di Malaysia antaranya Wau Kapal Selangor, Wau Bulan di Kelantan, Wau cantik, Wau Jala Budi di Kedah, Wau Merak, Wau Dodo Helang di Terengganu, Wau Seri Bulan di Perak dan pelbagai lagi jenis wau. Seperti yang kita ketahui, Wau Bulan merupakan wau amat terkenal di negeri Kelantan dimana wau ini telah mendapat pengiktirafan daripada Majlis Pelayang Malaysia sebagai wau tradisi Malaysia. Bahkan, tidak dilupakan juga dengan wau kucing dan wau jala budi yang juga mendapat pengiktirafan seperti wau bulan. Disebabkan wau bulan adalah wau yang sangat terkenal di Malaysia, wau bulan telah dijadikan sebagai lambang kebudayaan orang Melayu. Oleh sebab itu, gambaran wau bulan telah dicetak pada wang ringgit Malaysia, manakala lakaran wau bulan pada wang syiling pula adalah sempena memperingati Sukan SEA ke-9 pada tahun 1997. Sehubungan dengan itu, ini dapat dilihat dengan jelas bahawa wau amatlah memberi impak yang sangat tinggi nilainya dan betapa uniknya seni kebudayaan Melayu yang telah melambangkan budaya di Malaysia.

Ekoran daripada itu, tidak dilupakan juga Wau Kapal Selangor. wau kapal merupakan wau rasmi Negeri Selangor. Negeri Selangor kaya dengan seni warisannya dari segi permainan wau, tarian, dan pelbagai lagi. Memandangkan di setiap negeri mempunyai keistimewaan, namun, negeri Selangor juga mempunyai seni warisan tersendiri iaitu wau kapal yang telah wujud sekian lama iaitu sekitar 300 tahun dahulu. Walaupun wau bulan telah menandingi semua wau yang terdapat di Malaysia, namun begitu tidak dilupakan juga dengan wau kapal negeri Selangor yang telah dimainkan sejak turun-temurun lagi. Terdapat dua jenis wau kapal yang telah dihasilkan iaitu wau kapal tradisional dan juga wau kapal moden. Teknik telepuk, tebuk dan tampal merupakan salah satu teknik yang amat terkenal dan agak rumit dalam pembuatan wau negeri Selangor.

Tema pada wau kapal ini telah menjadi ciri-ciri warisan pada wau kapal kerana ia menggunakan sepenuhnya elemen dan konsep reka bentuk daripada alam semula jadi dan imej kapal iaitu objek-objek buatan manusia yang menjadi asas dan simbolik wau ini tersendiri. Disamping itu, yang paling istimewanya adalah reka bentuk pada wau ini tidak menggunakan sebarang unsur yang bertentangan dengan Islam seperti rupa haiwan mahupun imej-imej agama lain. Justeru, jelas dapat dilihat bahawa wau kapal ini mempunyai identitinya tersendiri. Teknik- teknik ini telah diterapkan dalam hiasan pembuatan untuk wau kapal tradisional sejak

dari dahulu lagi dan telah menjadi satu simbolik untuk pembuatan wau kapal. Teknik telepuk ini mempunyai cara pembuatan yang memerlukan ketelitian dan kesenian tangan yang halus. Antara barangan yang diperlukan untuk membuat wau kapal Selangor ini adalah kertas berwarna, dimana kertas berwarna itu perlu diukir dengan bunga-bunga kecil kemudian ditebuk dan diulang beberapa kali untuk dijadikan corak. Manakala bagi wau kapal moden pula, ia lebih mudah dihasilkan berbanding wau kapal tradisional oleh kerana cara pembuatannya dan juga tiada motif hiasan seni tradisional yang diperlukan. Seperti yang tertera pada nama nya iaitu wau kapal, reka bentuk ekor wau tersebut kelihatan menyerupai sebuah perahu manakala bahagian sayap dan kepala wau tersebut adalah sama seperti wau-wau tradisional Melayu yang terdapat di negeri lain. Oleh sebab itu, perkataan “kapal” ini wujud dan dianggap lebih sesuai ekoran daripada reka bentuknya berbanding dengan perkataan perahu bagi dijadikan tema atau simbolik untuk wau Selangor ini.

Pada tahun 1940-an, wau kapal kian popular dimainkan dalam kalangan masyarakat Negeri Selangor lebih-lebih lagi penduduk yang tinggal di persisiran pantai dan mereka yang bekerja sebagai nelayan. Menurut sumber, wau kapal ini akan dinaikkan oleh anak-anak nelayan yang tinggal disitu bagi menyambut kepulangan bapa atau ahli keluarga mereka yang pulang dari laut ke pengkalan. Wau kapal ini akan dinaikkan atas tujuan untuk menjadi penunjuk kedudukan daratan dan pengkalan sebenar kepada nelayan. Hal ini kerana, pada masa dahulu, mereka tidak mempunyai sebarang kemudahan dalam penunjuk arah iaitu rumah api untuk berhenti di sesuatu tempat seperti yang terdapat pada masa kini. Pada waktu yang sama, wau kapal ini mempunyai maksudnya yang tersendiri bagi menyampaikan pengajaran, nilai-nilai murni, dan cara masyarakat tradisional tersebut melalui reka bentuk dan ragam hiasannya yang sangat unik. Sehubungan dengan itu, ini dapat dilihat bahawa wau kapal telah menjadi mekanisme dalam perpaduan pelbagai daerah dan suku kaum lebih-lebih lagi apabila pertandingan wau ini dianjurkan.

3.2 PEMASALAHAN KAJIAN

Terdapat banyak seni warisan yang kita tahu di negeri negeri lain seperti di Kelantan, Terengganu, Johor dan banyak lagi, akan tetapi jarang kita dihebohkan dengan warisan seni budaya yang berasal daripada negeri Selangor. Terdapat banyak warisan yang menarik yang ada di negeri ini dan salah satunya adalah Wau Kapal. Masih ramai anak muda yang tidak tahu akan kewujudan wau ini walaupun mereka menetap di Selangor, lebih lebih lagi zaman sekarang yang lebih terdedah dengan teknologi moden. Jadi, permasalahan yang pertama adalah ketidaktahuan kewujudan Wau Kapal. Hal ini akan menyebabkan generasi yang akan datang tidak akan mengetahui tradisi dan kewujudan Wau Kapal yang dihebohkan pada masa dahulu. Rentetan itu, generasi Z lebih cenderung untuk mengetahui tentang tradisi luar negara kerana zaman sekarang lebih ekspos dengan teknologi yang kian moden berbanding dengan masa dahulu. Bak kata pepatah, melentur buluh biarlah dari rebungunya, jadi dengan adanya kajian ini Wau Kapal dapat dikekalkan dan diterapkan pada masa akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana generasi pada masa kini merupakan tunjang utama yang bakal mewarisi pucuk kepimpinan dan mewarnai masyarakat kita kelak.

Seterusnya, apabila membicarakan tentang wau di Malaysia, ramai orang lebih memberi perhatian pada wau yang terdapat di negeri Kelantan dan Terengganu sahaja. Ini kerana wau di negeri ini mempunyai keunikannya yang melambangkan mahkota dan kebudayaan sesebuah negeri tersebut. Bertitik tolak daripada kenyataan di atas, sejak dahulu lagi memang telah didedahkan dengan wau yang berada di negeri Kelantan dan Terengganu tanpa ketahui tentang kewujudannya Wau Kapal di Negeri Selangor. Ini akan menimbulkan prasangka orang ramai bahawa Wau Kapal ini asalnya dari negeri Kelantan atau Terengganu. Ini juga boleh terjadi kerana maklumat yang terdapat di internet tentang Wau Kapal adalah terhad.

3.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk beberapa objektif yang ingin dicapai:

- Mengetahui kewujudan dan sejarah Wau Kapal Selangor.
- Mengetahui secara mendalam dan keseluruhan mengenai Wau Kapal Selangor.
- Mengetahui keunikan dan perbezaan Wau Kapal berbanding dengan wau yang lain.

3.4 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat beberapa soalan yang ingin ditekankan untuk kajian ini semasa temubual:

- I. Apakah kewujudan dan sejarah di sebalik Wau Kapal Selangor.
- II. Bagaimanakah penghasilan dan penggunaan Wau Kapal Selangor.
- III. Apakah perbezaan keunikan Wau Kapal Selangor dengan wau negeri lain?

3.5 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini dilakukan adalah untuk membantu para pembaca, pelajar, penyelidik dan lain-lain bagi menambah ilmu pengetahuan mereka di dalam keunikan kesenian warisan yang terdapat di Malaysia. Dengan adanya maklumat berkaitan dengan wau, seseorang individu tersebut sedikit sebanyak dapat mengetahui beberapa jenis wau, negeri manakah yang terlibat dalam pembuatan wau, dan juga tokoh yang masih mengekalkan permainan tradisional ini. Hal ini dapat membuka mata kepada pengkaji untuk mengetahui lebih mendalam tentang kesenian yang begitu istimewa terdapat di Malaysia bukan sahaja dari segi keunikan budaya dan bangsa, malah keunikan dalam permainan tradisional. Tambahan pula, melalui kajian sejarah lisan ini juga dapat memberikan sedikit sebanyak tentang perkara yang tidak diketahui umum.

Antara kepentingan sejarah lisan di dalam permainan tradisional iaitu 'Wau Kapal' ini adalah dapat meningkatkan rasa minat yang sangat mendalam terhadap permainan tradisional. Hal ini kerana, wau kapal ini merupakan salah satu permainan yang masih dikekalkan di Negeri Selangor dan tidak semua penduduk dan masyarakat sekitar itu mengetahui kewujudan wau kapal ini lebih-lebih lagi penduduk di luar negeri Selangor. Ini disebabkan oleh, kebanyakan daripada masyarakat Malaysia hanya mengetahui kewujudan wau di sebelah selatan sahaja iaitu di Negeri Kelantan di mana ia amat terkenal dan telah mengembangkan wau bulan itu ke peringkat yang lebih tinggi berbanding wau kapal yang terdapat di negeri Selangor. Justeru, dengan adanya kajian seperti ini, ia dapat membantu golongan yang berminat dalam permainan tradisional ini untuk membangkitkan rasa minat dan memupuk minat itu di dalam diri bagi mencuba dan melestarikan wau ini ke serata dunia.

Selain itu, kepentingan yang kita dapat perolehi daripada kajian ini adalah kita dapat mengetahui keunikan dan perbezaan yang sebenar mengenai wau kapal berbanding dengan wau yang terdapat di negeri lain. Pentingnya bagi seseorang individu itu untuk mengetahui

perbezaan jenis-jenis wau ini adalah supaya mereka tidak tersalah tafsir dari mana kewujudan wau tersebut. Seperti yang diketahui, keunikan dan perbezaan wau ini terletak pada cara pembuatannya dan motif yang digunakan. Oleh itu, ia amatlah penting bagi sesebuah negeri itu mengekalkan cara pembuatan mereka sendiri agar generasi pada masa yang akan datang dapat membezakan keunikan wau-wau yang terdapat di Malaysia.

Akhir sekali, kepentingan wau kapal ini adalah supaya ia dapat diketahui dan membuka mata orang ramai tentang kewujudan dan tanggapan orang ramai terhadap wau kapal agar ia dapat dikekalkan dan akan berterusan sehingga masa hadapan. Hal ini kerana, generasi pada masa kini lebih cenderung dengan permainan gadget di mana ia mampu melemahkan mereka tentang kewujudan permainan tradisional. Oleh itu, dengan meningkatkan informasi tentang wau kapal ini di internet, ia mampu membuka mata semua pihak dimana wau kapal ini kian dilupakan lebih-lebih lagi generasi muda yang tidak mengenali kesenian ini. Tuntasnya, kewujudan wau kapal ini amatlah penting lebih-lebih lagi dalam meningkatkan warisan kesenian di Malaysia.

Intihannya, jelaslah bahawa wau kapal iaitu salah satu permainan tradisional di kalangan rakyat Selangor ini memberi banyak kepentingan kepada generasi muda dalam memupuk minat mereka untuk menyemai rasa pentingnya meneruskan legasi Wau Kapal ini pada masa yang akan datang, malah dapat mengekspreskan perbezaan dan keunikan yang terdapat pada Wau Kapal berbanding dengan wau di negeri-negeri lain iaitu di Kelantan dan juga Terengganu dan akhir sekali dapat membuka mata orang ramai tentang kewujudan Wau Kapal Selangor ini. Lantaran itu, sehingga kini masih lagi terdapat gologon kesenian dan warisan yang masih bersemangat untuk menerokai lebih mendalam di dalam permainan tradisional ini. Oleh itu, kesemua kajian yang dilakukan ini telah banyak menyumbang kepada para pengkaji, dan pelajar dalam harapan mereka untuk mengetahui lebih mendalam mengenai Wau Kapal Selangor yang kian dilupakan bahkan masih lagi belum dieksploitasi secara keseluruhan di media sosial mahupun secara lisan kepada semua golongan tidak kira tua atau muda.

4.0 TINJAUAN LITERATUR

4.1 PENDAHULUAN

Dalam marcapada, apabila kita menyebut sesuatu warisan, sudah pastinya ia merupakan sesuatu yang telah diterima secara sejak turun-temurun lagi oleh seseorang individu mahu pun sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi yang terdahulu. Menurut (Akta Warisan Negara, 2005), ia melambangkan sesuatu ketamadunan yang menggambarkan memori secara keseluruhan kehidupan kepada sesuatu bangsa. Umum mengetahui bahawa, terdapat dua jenis warisan iaitu warisan ketara dan warisan tidak ketara. Ilmu-ilmu dan kepakaran yang ditafsir melalui tradisi lisan, bahasa dan persurutan, nilai-nilai adat dan budaya adalah merupakan salah satu warisan tidak ketara. Bagi membuktikan perkara ini, contoh warisan tidak ketara yang boleh diketengahkan ialah acara perayaan, seni persembahan, seni perubatan tradisional, seni tampak, ritual dan kepercayaan, sukan dan permainan tradisional. Disebabkan keistimewaan inilah kita perlu pelihara dan mengembangkan lagi kepada generasi muda malah kepada generasi yang lebih tua sekalipun agar ianya terus dipandang oleh setiap pelusuk dunia dan terus berkembang dan diterapkan tradisinya dalam kehidupan seharian oleh setiap individu di Malaysia (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2012). Bertitik tolak daripada itu, walaupun kesenian di Malaysia masih lagi kurang di dalam aktiviti pendokumentasian, jika dilihat dari sudut lain, warisan tidak ketara ini telah meliputi secara keseluruhan tentang cara hidup masyarakat melayu di Malaysia yang telah diperturunkan dari mulut ke mulut dan cara sesuatu warisan diterbitkan sejak dari dahulu lagi kerana ia adalah sangat unik dan mampu menarik perhatian di mata dunia luar.

4.2 KESENIAN WARISAN DI MALAYSIA

Kesenian dan kebudayaan merupakan dua identiti yang amat berkait rapat antara satu sama lain. Kedua-dua perkara ini adalah perkara yang sangat kompleks di mana ia tidak boleh dipisahkan sekiranya ingin memartabatkan nama negara Malaysia. Ini membuktikan bahawa, identiti kesenian dan kebudayaan yang tersendiri telahpun membentuk keunikan cara hidup sesebuah masyarakat. Dalam konteks ini, selain daripada dikenali atau disimbolkan sebagai kesenian dan kebudayaan, perpaduan dan sosialisasi juga, ia juga adalah kesenggangan dan salah satu rekreasi yang menjadi keutamaan dalam masyarakat kita. Hal ini bersangkut-paut dengan aktiviti riadah yang dilakukan oleh masyarakat kita pada waktu lapang di mana ia dapat menyatupadukan masyarakat pada ketika itu. Bukan itu sahaja, dari segi pendidikan pula,

bidang kesenian dan kebudayaan ini dapat menghasilkan generasi yang celik dalam bakat dan meminati citarasa kesenian yang amat tinggi dalam diri individu tersebut. Seterusnya, dari sudut lain iaitu melalui identiti pula, ia dapat membentuk sesebuah identiti Malaysia sebagai salah satu negara yang mempunyai pelbagai keistimewaan dari segi tarian, permainan, kreativiti, kepelbagaian amalan dan seni kebudayaan. Oleh hal yang demikian, kesenian dan kebudayaan yang terdapat di Malaysia ini amatlah disanjung tinggi oleh negara lain atas sebab Malaysia adalah sebuah negara yang multikultural malah menjadi keagungan negara dan dipandang tinggi serta disanjung.

4.3 KEPENTINGAN KESENIAN WAU

Menurut sumber daripada Jabatan Warisan Negara, wau, congkak, sepak raga, gasing, aci sorok, batu seremban merupakan beberapa contoh permainan tradisional masyarakat Melayu. Permainan-permainan ini boleh dimainkan oleh golongan lelaki mahupun golongan perempuan. Menyedari hakikat ini, bagi meneruskan kesenian warisan yang telah wujud sejak berzaman lagi iaitu sejak zaman kesultanan Melayu lagi, permainan tradisional yang merupakan permainan masyarakat Melayu ini hendaklah dihidupkan kembali dan diteruskan sehingga masa yang akan datang kerana ia merupakan lambang warisan dan kebudayaan masyarakat Melayu. Bak kata pepatah ‘tak lapuk dek hujan, tak lapuk dek panas’. Bertitik tolak daripada itu, keaslian, keunikan dan keistimewaan permainan tradisional ini seperti alat permainan tradisional perlu dimodifikasikan supaya ia menjadi lebih menarik dan mengikut arus pemodenan pada masa kini supaya ia lebih terkenal dan diminati lebih-lebih lagi generasi zaman sekarang yang lebih cenderung dengan teknologi yang kian canggih pada masa kini. Intihannya, kesinambungan tamadun perlulah diberi perhatian yang lebih supaya permainan tradisional ini dikekalkan supaya generasi muda celik dan tidak lupa daratan dimana sebenarnya asal usul mereka. Justifikasinya, kepentingan warisan kesenian tidak kira dari segi permainan tradisional, tarian tradisional, dan sebagainya yang terdapat di Malaysia yang menunjangi fokus perbincangan akan dikupas secara terperinci sehingga ke akar umbi demi kebaikan negara Malaysia yang tercinta ini.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, apabila membicarakan tentang warisan kesenian, ia bukan lah meliputi warisan kebudayaan sahaja, malah ia merangkumi kesemuanya. Oleh hal yang demikian, pentingnya warisan ini adalah ia merupakan satu elemen yang melambangkan identiti sesebuah negara. Selain daripada permainan tradisional, tarian tradisional juga

merupakan identiti kepada sesebuah negara. Seperti yang kita ketahui, di Malaysia terdapat pelbagai jenis kaum dengan kepelbagaian kebudayaan mereka sendiri. Bagi membuktikan hal ini, sebagai contoh, tarian Mak Yong dan zapin oleh kaum melayu, Bharata Natyam oleh kaum India, dan tarian kipas oleh kaum Cina. Ketiga-tiga tarian tradisional oleh setiap kaum ini hendaklah diketengahkan dan dinaikkan semula kerana ia melambangkan identiti sesebuah negara. Dengan erti kata lain, semua jenis tarian tradisional yang terdapat di Malaysia mempunyai warisan kesenian, keistimewaan dan sejarah terdahulu mereka tersendiri.

Seterusnya, berbalik kepada permainan tradisional, kepentingan memelihara kesenian permainan tradisional adalah supaya negara Malaysia menjadi salah sebuah negara yang menjadi daya tarikan pelancong sama ada daripada golongan pelancong domestik mahupun pelancong antarabangsa dari segi keistimewaan dalam permainan tradisional bukan sahaja dari segi kebudayaan dan bangunan bersejarah sahaja. Selain daripada memfokuskan pelbagai jenis hidangan menarik dan lazat yang terdapat di Malaysia, pelancong juga boleh mengamati keindahan pelbagai kesenian berwarna-warni terdapat di sini. Rentetan daripada itu, permainan tradisional seperti wau dapat menambat hati pelancong kerana keunikannya dari segi saiz, corak, cara pembuatan, warna dan keistimewaannya yang tersendiri. Lantaran daripada itu, ia dapat memukau pelancong untuk datang ke Malaysia. Oleh hal yang demikian, apabila permainan tradisional ini diperkenalkan kepada pelancong luar, mereka akan berasa tertarik untuk mencuba bermainnya, bahkan berasa teruja untuk melihat cara bermain permainan tradisional yang tidak semua orang tahu untuk mengendalikannya. Bak kata peribasa, “tak kenal maka tak cinta”. Jelaslah bahawa, permainan tradisional ini bukan sahaja dapat memangkinkan industri pelancongan di Malaysia, malah dapat memperkenalkan pelbagai kebudayaan dan juga mampu mendorong dalam memantapkan lagi dalam usaha menaikkan daya tarikan yang terdapat di Malaysia seperti peribahasa “serampang dua mata”.

Seterusnya, kepentingan kesenian dan kebudayaan yang terdapat di Malaysia adalah dapat mengeratkan perpaduan kaum. Ini membuktikan bahawa, penglibatan aktif semua kaum dan individu dalam seni dan budaya dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia. Sehubungan dengan itu, dengan membangunkan dan mewujudkan satu bangsa yang positif dapat mengekalkan perpaduan dan keharmonian negara dalam usaha untuk memartabatkan pembangunan lebih-lebih lagi dalam kepelbagaian etnik dan keistimewaan negara. Tambahan pula, jika kesenian ini diketengahkan, ia dapat membangunkan dan meningkatkan kreativiti bahkan kualiti kraf Malaysia. Tamsilnya, wau bulan yang dihasilkan oleh Encik Wan Annuar yang telah terbang ke Busan, Korea. Ini dapat membuktikan bahawa, kesenian permainan

tradisional iaitu wau berpotensi untuk berkembang dan memajukan nama Malaysia ke negara luar. Intihannya, penglibatan masyarakat dan individu mampu menunjukkan betapa pentingnya kesenian yang terdapat di Malaysia bahkan dapat mengukuhkan sepakat diantara masyarakat untuk mengukuhkan warisan nenek moyang kita.

4.4 JENIS SUMBER PENYELIDIKAN BERKAITAN WAU

Apabila membicarakan mengenai wau di Malaysia, pasti ramai masyarakat yang berpendapat bahawa wau hanya terdapat di negeri Kelantan dan Terengganu sahaja, akan tetapi tidak kita ketahui bahawa di Selangor juga terdapat wau nya yang tersendiri iaitu Wau Kapal. Ramai orang tidak tahu tentang kewujudan wau ini kerana kurangnya pendedahan di media sosial, internet, dan sumber penulisan tentang keunikan wau di negeri Selangor ini. Bahan yang boleh dirujuk juga kurang mendedahkan atau memberi informasi tentang Wau Kapal. Antara sumber yang dirujuk adalah seperti berikut:

➤ Bahan Terbitan

- **Buku**

Berdasarkan buku yang dirujuk yang didapati di Arkib Malaysia bertajuk 'Wau - Wau di Malaysia', ia telah berkongsikan banyak informasi tentang wau. Ia menceritakan secara general tentang apa itu wau dengan memberi keterangan tentang perbezaan wau dan juga layang-layang. Ia juga menyatakan asal usul ayat wau, iaitu daripada Thailand dan ada juga daripada sumber carian yang lain menyatakan perkataan wau wujud kerana bunyi yang dihasilkan oleh wau itu apabila diterbangkan. Selain itu, ia terdapat juga banyak jenis wau dari pelbagai negeri yang diperkenalkan dalam buku ini, seperti wau burung murai, wau merak, dan banyak lagi wau lain. Di dalam buku ini juga, ia ada berkongsikan cara cara untuk membuat wau dengan terperinci untuk setiap langkah langkah yang perlu dilakukan. Akan tetapi, buku ini lebih fokus kepada wau yang dikenali ramai iaitu wau bulan. Ia ada menceritakan tentang wau kapal selangor, akan tetapi maklumat yang diberikan hanya sedikit. Ia hanya menceritakan kisah sebenar disebalik wau kapal dan ianya dikongsikan daripada beberapa kajian dan salah satu kenyataan diberi oleh Encik Yahya bahawa wau kapal selangor bukan sahaja dimainkan saja saja akan tetapi ia juga digunakan sebagai penanda kepada nelayan untuk tahu arah pulang

dari laut untuk mereka yang tinggal di persisiran pantai. Itu sahaja maklumat yang dikongsikan tentang wau kapal Selangor di dalam buku ini.

- Surat Khabar

Surat khabar merupakan salah satu sumber bahan yang diterbitkan oleh seseorang individu yang memberikan banyak informasi dan boleh digunakan pihak ramai. Surat khabar bukan sahaja memberikan maklumat tentang kejadian semasa yang berlaku di dunia, ia malah berkongsi tentang banyak iklan, informasi dan tawaran yang menarik seperti tentang Wau Tradisional. Kebanyakannya bahan yang dikeluarkan menceritakan tentang Wau Bulan, Kelantan akan tetapi terdapat juga bahan tentang Wau Kapal. Terdapat banyak surat khabar dari pelbagai penerbit yang telah mengeluarkan informasi berkenaan Wau Kapal. Sebagai contoh, keluaran daripada Utusan Malaysia, oleh Ahmad Fadhullah Adnan, Mac 2023. Beliau berkongsi tentang 'Pertandingan Wau Terbuka Selangor Untuk Kembalikan Kegemilangan Seni Warisan.' Isi untuk perkongsian ini, beliau menkongsikan tentang penyertaan orang ramai dalam bermain Wau Kapal. Ia menghuraikan segala situasi yang berkenaan dengan Pertandingan Wau Kapal itu dari awal sehingga lah pemberian hadiah.

- Majalah

Majalah adalah bahan yang lebih kurang sama dengan surat khabar, akan tetapi majalah mempunyai penyampaian maklumat yang lebih menarik berbanding surat khabar. Maklumat yang dikongsikan melalui majalah juga lebih kepada hiburan. Majalah sering mengeluarkan informasi yang menarik tentang pelbagai topik yang rawak termasuklah tentang seni warisan dan permainan tradisional, maka tentang 'wau' juga ada dikongsikan oleh seseorang. Akan tetapi kisah dan permainan wau kapal jarang diterbitkan kerana kurang pendedahannya. Masih terdapat sedikit maklumat tentang Wau Kapal akan tetapi kurang untuk dijadikan sumber menambah ilmu pengetahuan tentang Wau. Melalui bahan majalah yang ada tentang Wau Kapal hanyalah daripada 'GayaTravel Magazine'. Ia mempunyai maklumat yang sama seperti bahan dari surat khabar iaitu berkaitan dengan pertandingan Wau Kapal. Pada November 8, 2022, telah diterbitkan tentang pertandingan Wau Kapal dari mula pertandingan dijalankan sehingga tamat majlis pertandingannya secara terperinci. Itu sahaja yang dijumpai melalui hasil kajian ini tentang Wau Kapal daripada sumber majalah.

➤ Laman Sesawang

- Google

Laman sesawang merupakan platform yang digunakan untuk mencari pelbagai jenis maklumat berkaitan tajuk ataupun informasi yang diinginkan oleh seseorang individu. Website mempunyai banyak kepentingannya tidak kira dari segi apa jua. Terdapat banyak informasi mengenai kesenian yang terdapat di seluruh Malaysia. Sama ada kebudayaan, tarian, permainan tradisional dan pelbagai lagi. Di website, terdapat banyak maklumat mengenai wau sebagai contoh mengenai sejarah wau, cara pembuatan wau, keistimewaan wau di beberapa negeri dan pelbagai lagi. Akan tetapi, maklumat berkaitan Wau Kapal ini kurang diberi penekanan kepada umum. Hal ini menyebabkan masyarakat kurang pendedahan terhadap permainan tradisional Selangor ini. Maklumat-maklumat ini tidak terlalu terperinci dan masih lagi ada maklumat yang tidak dibincangkan.

➤ Media Sosial

- Youtube

Youtube merupakan platform yang digunakan oleh seseorang pengguna bagi menyimpan video sama ada berkaitan hiburan, pembelajaran ataupun untuk tatapan menonton. Berdasarkan video mengenai wau yang dimuat naik di laman ini, kebanyakan daripadanya menceritakan mengenai wau tradisional yang paling terkenal di Malaysia iaitu di pantai timur yang dikenali sebagai wau bulan. Akan tetapi, terdapat juga banyak siaran yang telah mula membuka mata masyarakat dengan mengetengahkan dan memperkenalkan Wau Kapal yang terdapat di Selangor di mata dunia. Selangortv antara halaman yang sering mengungkap keunikan yang terdapat di negeri Selangor memandangkan ia salah satu daripada halaman utama yang khas bagi menceritakan keunikan yang hanya terdapat di Negeri Selangor. “Wau Kapal Selangor, permainan tradisi turun temurun” merupakan salah satu siaran atau tajuk yang dikeluarkan oleh Selangortv yang telah menceritakan tradisi yang amat terkenal di Negeri Selangor dan episod pada kali ini dengan menceritakan kisah disebalik wau kapal. Bukan itu sahaja, siaran-siaran lain juga telah banyak menceritakan bagaimana wujudnya dan sejarah mengenai wau kapal. Bukan itu sahaja, terdapat beberapa siaran yang dimuat naik di platform

youtube ini juga telah merakam kenangan mereka dalam menyertai pertandingan wau yang dianjurkan oleh masyarakat setempat disitu. Dari situ kita dapat lihat bahawa wau kapal ini terdapat pelbagai jenis rupa, bentuk, saiz dan cara bagaimana mereka melayangkan dan menaikkan wau. Platform youtube telah memberi pendedahan yang sangat mendalam buat masyarakat atau insan yang meminati dengan permainan tradisi ini. Melalui video yang dikongsikan, ia dapat membantu mereka yang minat dalam permainan wau ini dengan memberi tunjuk ajar secara lebih mudah dalam proses pembuatan wau dari mula sehingga akhir. Oleh itu, dengan adanya video wawancara bersama tokoh dalam penghasilan wau, ia lebih mudah difahami dan lebih menarik.

- Facebook

Facebook merupakan salah satu halaman yang amat penting dalam memberikan sumber informasi kepada pembaca dan penyelidik lebih-lebih lagi untuk mencari maklumat yang mendalam sebagai contoh dari segi ahli atau penganjur yang sepatutnya dihubungi untuk menanyakan sesuatu mengenai Wau Kapal ini. Di facebook ini juga adalah tempat dimana mereka mengemaskini segala aktiviti yang dianjurkan seperti atur cara majlis untuk pertandingan yang akan datang, pemenang-pemenang wau kapal, harian yang dilakukan oleh anak-anak murid dalam pembuatan wau kapal dan kumpulan yang boleh mereka sertai untuk mengetahui lebih lanjut dalam aktiviti permainan wau ini. Selain itu, terdapat banyak juga akaun yang dibuka mengenai wau kapal akan tetapi tidak semua akaun adalah aktif. Oleh itu, ia agak sukar bagi penyelidik untuk mencari akaun yang aktif dan akaun utama bagi wau kapal ini. Di facebook, akaun “Adiguru Wau Kapal Selangor” merupakan salah satu akaun yang masih aktif dimana ia memuat naik segala informasi, nombor penganjur, mengemaskini segala aktiviti yang dilakukan, apakah projek seterusnya yang akan dilakukan dan pelbagai lagi. Bukan itu sahaja, di platform facebook ini juga mereka telah membuka minat orang ramai untuk menyertai aktiviti permainan wau kapal dan juga mengadakan bengkel penulisan mengenai kesenian wau.

➤ Kajian Lepas Tentang Wau Kapal.

Ianya adalah kajian atau pencarian maklumat tentang sesuatu perkara yang telah dikaji oleh penyelidik sebelum ini. Ia dapat memberikan serba sedikit maklumat tentang tajuk yang penyelidik baharu kaji untuk mengukuhkan dan menambah pengetahuan diri sendiri tentang sesuatu perkara sebagai persediaan untuk meneruskan kajian dengan lebih jauh. akan tetapi, tiada kajian lepas yang membuat kajian tentang Wau Kapal secara spesifiknya memberi maklumat keseluruhan yang menceritakan semua perkara tentang Wau Kapal seperti sejarahnya, cara pembuatannya, cara bermainnya dan lain-lain. Kajian yang dilakukan yang berkaitan dengan wau hanyalah wau bulan, wau burung dan lain-lain. Untuk mendapatkan maklumat dari kajian penyelidik sebelum ini tentang Wau Kapal terdapat sedikit sahaja iaitu ia hanya mempunyai informasi tentang bentuk Wau Kapal dan sejarah ringkas Wau Kapal.

4.5 KEPENTINGAN PENYELIDIKAN LISAN

Setiap kajian atau penyelidikan sejarah yang dilakukan ke atas seseorang seharusnya meletakkan sesuatu lisan yang merupakan sumber utama kepada penyelidik itu sendiri mahupun kepada pembaca tersebut. Penyelidikan lisan merupakan sumber primer di dalam konteks sejarah malah merupakan sumber yang kukuh dan boleh dipercayai. Fakta-fakta daripada sumber primer ini adalah lebih sahih berbanding fakta yang dibicarakan di dalam sumber sekunder kerana pasti ada nya informasi yang tidak benar dan ditokok tambah supaya sesuatu perkara itu lebih menarik dan memberi keuntungan kepada mereka yang mengeluarkan sumber tersebut.

Penyelidikan lisan secara umumnya ia merupakan proses yang melibatkan seseorang individu yang menceritakan tentang peristiwa yang mereka alami. Penyelidikan lisan amat penting di dalam sesuatu penyelidikan dimana ia hasil daripada rakaman perbualan daripada individu berkenaan. Justeru, peranan penyelidikan lisan amat penting agar ia dapat membina semula tentang peristiwa-peristiwa sejarah atau peristiwa yang memberi manfaat kepada seseorang bagi menggantikan rekod-rekod yang telah hilang bahkan yang dimusnahkan. Tambahan pula, penyelidikan lisan ini bukan sahaja sebagai sumber primer, malah ia amat memberi manfaat untuk mengisi kekosongan yang terdapat dalam sumber-sumber bertulis, menambah sumber bertulis yang sedia ada dengan keterangan-keterangan informasi yang telah

dicatatkan, untuk menyelamatkan keterangan-keterangan daripada ia terjejas atau hilang dan ia juga sebagai pendorong kepada penyelidik untuk membuat penyelidikan ke atas perkara-perkara yang telah disediakan dengan sumber-sumber lisan (Nadzan, 1979).

Selain itu, penyelidikan lisan mampu membantu penyelidik di dalam kesahihan sesuatu sumber atau maklumat yang diperolehi. Tambahan pula, pengkaji atau penyelidik dapat memastikan ilmu dan pemahaman yang mereka perolehi mampu untuk mengekspresi dengan lebih mendalam tentang peranan yang dimainkan melalui rakaman yang dihasilkan. Justeru bagi memudahkan proses dalam lisan atau kepentingan dan kelebihan melakukan penyelidikan lisan ini adalah dengan melaksanakan langkah-langkah menyemak kesahihan maklumat lisan, pemahaman yang lebih mendalam tentang sesuatu sumber dan peranan yang dimainkan melalui rakaman berkenaan sesuatu peristiwa. Seterusnya maklumat yang diperolehi mampu menjana ilmu atau informasi baharu melalui kajian dan penyelidikan lanjut untuk dijadikan sebagai alat rujukan atau panduan generasi akan datang.

4.6 KESIMPULAN

Tuntasnya, kajian literatur ini merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk memperolehi maklumat daripada penyelidikan lepas, dokumen, buku, jurnal dan sebagainya. Ia juga merupakan bahan yang bercetak ataupun bahan yang terdapat di internet di mana ia berkaitan dengan tajuk yang hendak dikaji. Tinjauan literatur ini dilakukan bagi seseorang itu memahami sebuah topik yang dipelajarinya dan ia juga adalah dokumentasi yang ada sama ada ia telah diterbitkan ataupun tidak diterbitkan mengenai topik yang kita bincangkan. Melalui penghasilan tinjauan literatur ini ia dapat memberikan idea sedikit sebanyak mengenai penyelidikan ini. Oleh itu, tinjauan literatur ini amat penting untuk dilakukan bagi memulakan proses meneroka, menganalisis maklumat berkaitan topik dan mengenal pasti. Akan tetapi, kesenian yang terdapat di Negeri Selangor ini masih kurang didehkan kepada masyarakat menyebabkan penyelidik yang akan datang sukar untuk melakukan penyelidikan mereka mengenai topik berkaitan. Justeru, melalui dapatan daripada kajian-kajian lepas ini dapat membantu serba sedikit para penyelidik, pelajar dan sebagainya dalam panduan mereka untuk memperolehi maklumat mengenai kesenian warisan yang terdapat di Negeri Selangor.

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah tradisi mengenai wau kapal, iaitu tentang sejarahnya, cara pembuatan wau kapal serta cabaran, strategi dan banyak lagi bagi memartabatkan seni warisan di selangor. Bersama-sama kami ialah Tuan Sahirin bin Pono yang merupakan seorang pembuat wau kapal. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 28 mei 2023 bersamaan dengan hari Ahad pada pukul 2 petang bertempat di Banting, selangor. Temubual ini dikendalikan oleh Saya Nur Aina Sofia Binti Idris dan rakan saya Nur Elyna Balqis Binti Hamzah. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

NAS: Assalamualaikum wak, boleh kita mulakan sesi temu bual ini?

MSP: Okey boleh.

NAS: Okey seperti yang kita tahu wak merupakan salah seorang daripada penggiat dalam pembuatan seni wau kapal. Jadi boleh wak ceritakan sedikit latar belakang wak?

MSP: Okey, latar belakang saya, saya dah berkeluarga dah ada anak, anak enam [6] orang yang - - berumah tangga dah tiga [3] orang, yang belum tiga [3] orang.

NAS: Boleh saya tahu nama penuh wak?

MSP: Okey. Nama saya Muhammad Sahirin bin Pono beralamat Kampung Labuhan Dagang lah.

NAS: Wak mempunyai nama panggilan lain selain daripada wak?

MSP: Tiada la, nama timangan biasa sahaja Wak Rin sahaja –

NAS: Boleh saya tahu bila wak dilahirkan?

MSP: Saya dilahirkan pada 25/9/1962.

NAS: Dimana wak dilahirkan?

MSP: Saya dilahirkan di Kampung Labuhan Dagang --

NAS: Dimanakah wak tinggal sekarang?

MSP: Sekarang saya tinggal di Kampung Labuhan Dagang.

NAS: Boleh saya tahu nama ibu dan bapa wak?

MSP: Boleh. Nama arwah bapa saya, Pono bin Haji Bakar, nama ibu saya

NAS: Wak anak keberapa daripada enam adik beradik?

MSP: Saya adik berad -- Kalau adik-beradik saya ramai. Itu yang tadi saya cerita anak saya.

NAS: ooo okey maafkan saya. (ketawa)

MSP: Macam itu. Dalam adik-beradik saya ada sebelas orang. Saya anak yang kedua [2].

NAS: Macam mana wak boleh minat dalam seni wau kapal ini?

MSP: Itu dalam minat seni wau kapal ini (orang berborak) dia cara memang ditakdirkan lah macam itu lah saya rasa memang sudah dari dulu dari kecil saya kan. Memang dari kecil. Saya berusia tujuh lapan tahun (bunyi motosikal) saya aktif main layang ini umur saya.

NAS: Adakah ahli keluarga wak terlibat dalam seni pembuatan wau ini juga?

MSP: Tiada. Adik-beradik saya tiada. Hanya seorang saya sahaja yang sambung layang ini.

NAS: Okey. Selain daripada wak, adakah kawan-kawan wak juga terlibat dalam pembuatan wau ini?

MSP: Ada -- Saya ada kawan saya sekarang ini ada tiga lah. Saya dengan Wak Nujir. Yang satu Hairul itu kan, yang itu hari.

NAS: Siapa yang mendorong atau penguat semangat wak untuk teruskan pembuatan seni wau ini?

MSP: Ini semua kita kawan-kawan lah -- (orang borak) (bunyi gelas)

NAS: Umur berapa wak mula minat dalam bidang kesenian wau kapal ini?

MSP: Saya berusia berjinak-jinak dengan kawan, dengan apa dulu mula-mula umur tujuh [7] tahun itu, lapan [8] tahun itu kita cuma ikut sahaja tiada nak kata kita buat. Belum buat lagi, cuma kita mengikuti sahaja dia orang, tengok macam itu lah. Sudah selepas sembilan [9] tahun itu (bunyi menghidupkan kenderaan) baru saya belajar buat sendiri. Macam itu. Umur sembilan [9] tahun lah saya belajar buat sendiri sampai lah sekarang.

NAS: Sampai sekarang kiranya dari usia tujuh tahun.

MSP: Tujuh [7] tahun dah mengenali layang-layang lah. Tapi pembuatan sendiri pada usia sembilan [9] tahun lah saya buat sendiri.

NAS: (bunyi kenderaan) Adakah wak mahir membuat semua jenis wau?

MSP: Kalau kita, layang yang kita tradisional kampung, betul memang saya semua ada buat. Memang. Tapi yang sekarang ini layang kapal baru ini kita pun ada buat jugak. Memang ada saya ada buat.

NAS: Boleh wak ceritakan sedikit apa pekerjaan wak sekarang selain daripada membuat wau?

MSP: Saya sedang sekarang ini nak cakap itu memang ada dekat estate la. Saya kerja dekat estate. Kerja saya sebagai pemandu sahaja. Umur dah berusia macam ini. (tokoh ketawa).

NAS: Boleh saya tahu latar belakang pendidikan wak?

MSP: Saya latar belakang saya, pendidikan sekolah saya semua hanya darjah enam [6] sahaja. Saya mengakui darjah enam sahaja. Sekolah rendah darjah enam [6].

NAS: Adakah tempat yang wak belajar itu ada terlibat dalam kemahiran membuat wau ini?

MSP: Kalau masa dulu tiada --. Dalam dekat sekolah tiada *skil* [kemahiran] buat layang-layang tiada.

NEB: Kita teruskan ke soalan seterusnya.

MSP: okey

NEB: Hmm terdapat banyak kesenian yang ada di Malaysia

MSP: okey

NEB: Tapi apakah kesenian yang ada di kawasan Banting [Selangor] ini?

MSP: Aaa yang pertama sekarang ni kebanyakan memang Wau Kapal lah, Wau Kapal dan gangsing [gasing] ahh menggangsing ahh (notifikasi telefon bimbit berbunyi) yang saya rasa itu lah yang paling sini banyak macam itu lah.

NEB: Wau Kapal dan juga gasing?

MSP: Ha'ah gasing.

NEB: Apa perbezaan wau dengan layang-layang?

MSP: Sebetulnya wau ini kalau nak diikutkan perkataan wau ini dari pantai timur, kalau diikutkan, kalau layang-layang sebahagian daripada pihak sebelah sini (tokoh merujuk kepada kawasan negeri Selangor). Tapi disebabkan kita pasal wau ini, dengan layang-layang kita nak layang memang bezanya kita layang kapal lah. Kalau kita nak cakap wau kapal, sumbang lah sikit, berbeza lah dia. Pasal wau ini kebanyakan pantai timur pantai utara yang gunakan bahasa wau- ha dekat kita ini layang-layang jadi kita ini - disatukan semua cuma kita disebutkan layang-layang keseluruhan ataupun wau keseluruhan. Cuma nanti bentuk nama dia aaa ni wau kapal, yang ini wau ini – macam-macam pelbagai-bagai lah.

NEB: Ohh okey

MSP: Ha dia macam tu, ceritanya.

NEB: Faham, erm boleh wak ceritakan lebih, tentang wau di kawasan Banting ini?

MSP: Kalau diikuti sekarang, ikutkan wau kawasan banting, memang layang kapal lah yang diutamakan sekarang. Itu sahaja. Layang tradisional lama-lama – jarang digunakan lah

NEB: Mm-mm (mengangguk)

MSP: Jarang digunakan. Kita wau kapal sahaja. Itu sahaja lah.

NEB: Okey jadi kita akan ceritakan tentang latar belakang wau kapal.

MSP: Okey

NEB: Adakah asal usul wau kapal ini memang berasal dari Banting atau diambil dari kawasan lain atau negeri lain?

MSP: Sebetulnya wau kapal ini berasal dari Banting, kawasan Banting Selangor ini lah.

NEB: Adakah wau kapal mempunyai sejarah yang tersirat yang tidak diketahui oleh masyarakat?

MSP: Nak kata macam itu saya tidak berapa pasti betulnya, tidak berapa pasti tapi memang sekarang dah mula lah, semua diketahui lah, semua sekarang sudah, sudah mula lah - - wau kapal ini. Dulu sebelum ini, sebelum wau kapal ini diorang layang tradisi masing-masing tau. Satu daerah dan satu kampung satu kawasan mana, masing-masing bentuk layang dia. Tapi sekarang kebanyakan kita kena buat dekat, ini lah, wau yang kapal ini. Macam itu, sekarang keseluruhan lah keseluruhan. Bila kita ada pertandingan, *game-game* [permainan] ke apa, semua memang kapa- layang kapal, layang kapal Selangor.

(Gangguan dari tokoh kedua)

NEB: Berdasarkan kajian yang kami ada buat apa semua itu

MSP: okey

NEB: Kami ada buat carian so (jadi) kami ada jumpa sedikit informasi tentang wau kapal (tokoh mengangguk) dia (wau kapal) ada kisah yang dikatakan macam wau kapal ini sebenarnya dia (wau) adalah macam simbolik sebagai penanda, macam dahulu – selangorkan ada bahagian – laut (mencelah)

MSP: Memang ada sebetulnya, dekat Selangor itu memang ada dulu kat sini, Selangor ini memang jajahan, jajahan kapal dari luar negara luar negara dekat Banting lah dekat area (kawasan) Jugrah, ha itu memang contohnya dekat situ lah, memang – memang ada.

NEB: (mencelah) Oh jadi –

MSP: Ha'ah untuk berdagang

NEB: Ouh jadi – maksudnya wau kapal ini ada sebagai penanda juga la?

MSP: Hah penanda, memang betul, memang betul. Pasal dulu sini pun untuk pedagang pedagang – kamu dalam mendagang ni, kitaorang buat belanja, sayur hasil kampung kan, ikut anak sungai, ikut anak sampan sebab sampan sampai ke kapal kan? ada sejarah dia lah memang ada sejarah dia.

NEB: Boleh wak ceritakan lebih, tentang sejarah yang wak tahu selain daripada sebagai penanda?

MSP: Tapi nak kata lebih sangat itu, saya pun tak berapa sangat lah tapi mana yang saya ingat memang pedagang dari Kampung Dagang ini dahulu bawa sampai ke Pekan Banting menggunakan sampan. Selepas itu, bila sampan macam dekat Kelanang, Morib, Jugra [Selangor] itu memang tempat pelabuhan kapal-kapal dari Melaka, dari mana-mana lah, dia macam itu. Itu sebabkan sini dicopkan dibanggakan dengan kapal. Macam Pelabuhan Klang, tempat – labuhan kan? Memang, memang kawasan kita. Jadi dia (tokoh merujuk kepada Wau Kapal) situlah, sejarah dia situlah disebutkan nama kapal.

NEB: Jadi, macam yang wak cakap tadi, Wau Kapal ini adalah sebagai penanda yang ada dekat Selangor, sebab itu ke warnanya ikut warna bendera Selangor? [Bendera Selangor berwarna kuning dan merah]

MSP: Iya, dari Selangor.

NEB: Apakah keistimewaan Wau Kapal berbanding Wau yang terdapat di negeri lain?

MSP: Keistimewaan (ayam berkokok) dia (tokoh merujuk kepada Wau Kapal) ini, dari segi permainan dia. Berbeza dengan wau-wau di negeri-negeri lain. Macam wau di negeri-negeri lain, (ayam berkokok) dia tak boleh untuk kita tarik tegak sampai ke paras sembilan puluh darjah, sembilan puluh lima darjah, tak boleh. Kalau Wau Kapal ini, kita boleh sampai cecah seratus [100] peratus darjah, boleh tegak dia. (ayam berkokok) aaa dia perbezaan dia, macam itu. Kalau wau lain

tak boleh, memang tak boleh. Wau Kapal ini perbezaan dia itu sahaja lah. Dia boleh sampai cecah seratus [100] peratus tegak dia.

NEB: Boleh wak ceritakan sedikit tentang bentuk Wau Kapal?

(ayam berkokok)

MSP: Okey boleh, aaa ini wau bentuk kapal, aaa ini lah dia. (tokoh menunjuk salah satu hasil pembuatan Wau Kapal beliau). Kalau nak diikuti, bentuk kapal dia yang okey memang ini lah. Ini kalau yang sebelah atas ini, (tokoh menunjukkan bahagian badan Wau Kapal) ini badan dia lah kan, untuk menyimpan angin. Tapi bentuk asalnya macam ini, (tokoh menunjukkan bahagian bawah wau yang berbentuk kapal) ha ini kita bentuk sampan, kapal tau. (bunyi kamera) Kita ambil ringkas macam ini. (ayam berkokok) aaa macam itu. Jadi, sebetulnya kalau ikutkan betul-betul bentuk kapal ada - - ada yang itu hari saya bawa (tokoh merujuk kepada wau kapal tradisional yang ditunjuk pada hari preliminary), aaa itu baru betul yang memang tradisional, yang memang *original* (asli) punya, aaa sebelum ini. Selepas itu, sekali ada buat pertandingan, mungkin bagi dia (tokoh merujuk kepada wau kapal tradisional) kurang sesuai kan, Pasal itu untuk kampung-kampung tradisional yang betul. Jadi, untuk keseluruhan semua, jadi dia (pembuat Wau Kapal) ubah sedikit, seperti ini lah (menunjuk Wau Kapal nya). Bentuk kapal betul-betul macam ini, sampan. haa dia macam ini jadinya.

NEB: Jadi, pada mulanya ia (Wau Kapal) berbentuk yang macam - -

MSP: Ha'ah yang macam itu hari saya bawa, saya tadi lupa nak bawa. ada ke? cuba tengok ini, ada ke tidak ada. Sebetulnya itu lah *original* (asli) dia, bentuk dia. Yang ini yang kedua lah, (tokoh merujuk kepada wau kapal lajak) bermakna ini yang kedua. Yang betul-betul, yang itu hari.

NEB: Boleh saya tahu, Wau Kapal ini ada berapa jenis?

MSP: Dia sekarang Wau Kapal ini, sebetulnya satu jenis sahaja. Dia tidak ada berbagai-bagai macam, tidak ada. Dia (Wau Kapal) hanya ada satu jenis bentuk - - Bila kita buat, kemana-mana kawasan kita ini, baik dekat Sabak Bernam, dekat Klang, dekat Kuala Lumpur ke, dekat *area* (kawasan) Sepang ke memang kita satu jenis sahaja, bentuk dia macam itu. Satu bentuk sahaja, dia tidak boleh berubah-ubah, tidak boleh. Bila kita ubah suai bentuk, dia tidak akan masukkan penyertaan.

NEB: Mengapa wak memilih untuk meneruskan legasi Wau Kapal ini?

MSP: Ini satu-satu daripadanya lah, pasal kita ini - berminat, hobi dan seni layang kan, jadi kita nak teruskan lah. Pasal mungkin generasi akan datang pun susah juga. Tak - - pada masa sekarang ini pon sudah kurang. Sudah kurang, terpaksa macam kita ini terpaksa lah - - Kadang-kadang bukan apa, anak saya sendiri pun kadang ada lelaki dua, dia (anak lelaki kepada MSP) pun tidak berminat. Jadi, macam

saya pun ada kawan, ada rakan, ada budak-budak, kita ajak. Pasal yang ini memang seni kebudayaan kan, kita kan. Kita nak teruskan juga walau macam mana. Itu sahaja bagi saya kena teruskan.

NEB: Pada pendapat wak, apakah kelebihan wak dalam pembuatan Wau yang orang lain tidak ada?

MSP: Sebetulnya kalau diikutkan layar ini, sebetulnya sama dengan orang ini. Cuma dia cara dia masing-masing, itu sahaja bagi saya. Tapi kedudukannya sama sahaja.

NEB: Siapakah tokoh rujukan wak dalam seni pembuatan Wau?

MSP: Tokoh saya dulu, tidak ada. Semua sebagai - - kawan-kawan lah, orang yang lebih dewasa sebab dia - - Masa saya dahulu lah, pada usia saya lapan, sembilan tahun itu, aaa tokoh dia itu orang yang lebih tua daripada saya. Ha itu sahaja, masa dahulu lah.

NEB: Boleh saya tahu nama beliau?

MSP: Uii sudah lama orang itu, sudah meninggal. Sudah lama, semasa saya budak, dia pun sudah berusia kan. Jadi sudah tiada lah anak orang itu, sudah tiada. Jadi itu -

- yang saya ingat dulu kawan saya, macam itu, Muhyi. Nama dia Muhyi, ingat saya, dia sudah meninggal, dan yang saya duduk di rumah dia dahulu, kalau lepak sahaja kan, itu nama dia Motarom. Motarom, arwah juga itu, sudah arwah yang saya cakap. Orang itu semua sudah tiada.

NEB: Jadi, wak tiada tokoh yang wak rujuk untuk buat wau ini, tetapi wak ajak erm wak macam

--

MSP: Kawan lah, macam kawan kita ada kawan kan, ha -- tapi rujukan untuk itu tiada. Masa dahulu tiada.

NEB: (mencelah) tetapi sama-sama minat dengan benda (Wau Kapal) itu lah

MSP: Haa (mengiyakan) sama sama macam itu, tetapi sekarang kita dalam berapa tahun ini, saya ada rujukan sejak kena Wau Kapal yang baharu ini, saya ada rujukan lah dengan kawan itu, Wak Kancil [Ismail Bin Yahya]. Pasal itu saya ada kelab di situ sekali, persatuan dekat situ.

NEB: Jadi, orang yang wak rujuk adalah Wak Kancil?

MSP: (mengangguk) Wak Kancil.

NEB: Muhyi?

MSP: Aah Muhyi dengan arwahnya Motarom.

NEB: Ejaan nama Motarom itu, boleh?

MSP: Boleh juga, tetapi mereka sudah tiada kan. (NEB mencelah) tetapi memang itu, memang saya dahulu layang kapal ini memang saya selalu buat (notifikasi telefon berbunyi) dengan dia.

NEB: Jadi ejaan untuk Motarom itu, M-O-K?

MSP: M-O-T-A-R-O-M, Motarom.

NEB: Selain daripada kawan-kawan wak, wak ada rujuk mana-mana kitab rujukan untuk membuat wau?

MSP: Tiada, saya - - tiada. Kita cuma di kampung sahaja lah, kawan-kawan, sahabat-sahabat ini sahaja lah, lain tidak ada rujuk di mana-mana. Pasal kita sudah tahu kan, kalau kita sudah seorang buat macam ini, okey semua sudah sama. Jadi, tidak ada buat rujukan dekat lain-lain. Cara masing-masing, itu sahaja.

NEB: Berapa lama tempoh masa yang diperlukan untuk seseorang mahir membuat Wau?

(gangguan bunyi kapal terbang)

MSP: Nak kata - - peringkat umur lah, kalau usia dia agak-agak dia matang membuat layang. - - Paling tidak pun, dalam lima belas tahun keatas lah, baru boleh lah. Kalau setakat budak-budak, kadang-kadang dahulu saya budak-budak pun buat layang, belum kemas sangat. Tidak teliti kan. (suara lelaki berdehem)

NEB: Berapa lama wak mengambil masa untuk mahir dalam pembuatan Wau?

MSP: Aaa itu tidak lama lah, kalau kita nak buat betul-betul, nak kata dua tiga bulan, sudah boleh, kita buat mahir buat layang ini. Dua tiga bulan.

NEB: Kebiasaanya Wau ini terdapat di Pantai Timur

MSP: (mencelah) Wau Pantai Timur, Wau Bulan. Pantai Timur dia gunakan Wau Bulan. Kita dekat sini, Selangor, Wau Kapal. Haa itu perbezaannya.

NEB: Apakah pencapaian yang membanggakan dalam dunia pembuatan Wau Kapal sebagai seorang pembuat Wau?

MSP: Ha ini yang sedap ini, (ketawa kecil) pembuatan kapal wau ini, kita selalu ada buat *game* (pertandingan) kan, bila buat *game* walaupun masa itu memang dalam satu hari lah, kalau kita - - pasal dia, bila kita main itu, sampai beribu keping layang. (bunyi barang terjatuh) Jadi, kepuasan kita itu kalau kita sampai ke tahap ke *final* (terakhir). *Final* ataupun *Grand Final* kan. *Grand Final* itu cuma ada tiga biji sahaja, kalau *final* itu ada lima. Dia lain, berbeza. Dia final dengan *grand final* berbeza (NEB mencelah). Haa kalau yang betul *Grand Final*, bermakna dia cuma - - kita ambil nombor satu, nombor dua, nombor tiga sahaja, juara. Ha yang itu sedap, kita boleh mencapai - - kalau layang kita dapat nombor tiga pun dah kira memang *tiptop* (yang terbaik) lah. Pasal itu memang boleh diakui lah.

NAS: Okey wak, soalan yang seterusnya, (tokoh mencelah okey) apa tips yang wak boleh kongsikan untuk menghasilkan sebuah wau yang terbaik dengan menarik?

MSP: Okey dia kalau buat wau yang terbaik ini sepertinya kita tengok pada buluh dia. Bahan-bahan buluh dia kan. Itu buluh yang baik, yang liat lah yang susah mudah nak patah susah, dia susah macam itu. Yang lagi, memang itu la keutamaan dia

memang tentang faktor buluh lah kita nak yang kualiti lah yang sebetulnya. Itu sahaja.

NAS: Tips untuk menaikkan wau ini apa memandangkan tidak semua orang pun boleh buat?

MSP: Kalau nak -- ya kita nak pasal layang ni pun orang kadang-kadang ramai yang buat tetapi tidak semestinya layang itu boleh naik. Itu dia kita pun nak kita nak ukur betul, kita kena timbang layang itu *balance* [seimbang] ke tidak *balance* [seimbang] macam mana dia boleh naik. Haa kita kena tengok pada situ. Saya rasa memang ramai orang boleh buat tetapi tidak tentu dia boleh naik ataupun kemas, dekat situ.

NAS: Okey pada pendapat wak apa kelemahan wau kapal ini?

MSP: Wau kapal ini kelemahan dia nak kira kelemahan dia, kalau kita buat tidak betul memang dia lemah lah. Kalau dia terlampau kering sangat, keras sangat memang tidak boleh naik, kalau terlampau lembut dia tidak berani menampung angin. Itu permasalahan dia dekat situ masalah dia.

NAS: Jadi macam mana wak atasi kelemahan ini?

MSP: Itu daripada kita lah. Okey kita kali ini kita buat berapa, dua tiga biji layang. Kalau dia tidak boleh sesuai, kita akan ubah, kita akan ubah macam mana buat pembuatan macam ini. Itu hari yang kita buat macam ini tidak boleh, kita buat lagi kita akan cuba buat juga sampai dia berjaya lah layang itu sampai boleh naik *stay* [kekal] sampai ke tahap macam itu lah.

NAS: Selain itu, wak rasa adakah perlu untuk pembuatan wau ini dikekalkan sampai sekarang? (orang berborak)

MSP: Saya rasa memang perlu di kekalkan. Ini memang tradisi kita sampai bila-bila. Saya rasa selagi ada yang boleh mewarisi memang terus lah kalau boleh lah kekalkan.

NAS: Adakah wak akan memartabatkan seni pembuatan wau ini pada peringkat yang lagi tinggi?

MSP: Kalau diikutkan memang kita nak memartabatkan sampai ke lebih tinggi lah, pasal kita pun selalu pergi di seni kebudayaan kan. Kita pun ada ikut *game* [pertandingan] buat mana majlis-majlis seperti dun-dun kan, wakil rakyat-wakil rakyat dia ada buat lah. Kita memang akan pergi. Kita memang ada *support* [sokong] lah mereka semua. Mereka pun ada *support* kami. Dia macam itu.

NAS: Okey wak, siapakah tenaga pengajar generasi muda yang baru berjinak-jinak dalam permainan wau ini?

MSP: Itu yang ini -- kita ada kelab-kelab kita lah yang dikatakan kelabnya Wak Kancil itu. Itu lah.

NAS: Okey wak, soalan seterusnya, apakah teknik yang digunakan untuk membuat wau?

MSP: Teknik dia dalam segi peralatan ataupun -- nombor satu [1] memang peralatan lah teknik itu. Kita nak ada teknik dia benda-benda ini semua cara dia, cara perautan dia, ambil buluh yang macam mana, itu teknik-teknik dia lah.

NAS: Apa motif yang digunakan untuk buat wau ini?

MSP: Motif dia - motif dia maksudnya motif yang macam mana itu?

NAS: Corak yang ada pada wau tersebut.

MSP: Dia corak dia memang wau kapal ini corak dia tidak berlebih sangat. Dia memang macam itu sahaja ringkas seperti lainnya. Dia tidak diperlukan corak-corak. Corak-corak sikit-sikit itu cuma kehendak masing-masing la kan, itu sahaja. Lain-lain tiada.

NAS: Macam wau tradisional ada lah corak-corak.

MSP: (mencelah) Dia ukiran-ukiran dia ada, tapi kalau wau kapal tidak perlu. Itu yang disebabkan *design* [reka bentuk] ringkas sikit - - memang susah daripada layang tradisional. Dia perbezaan dia ada berbeza.

NAS: Kenapa wau kapal tiada corak tetapi wau tradisional boleh ada corak?

MSP: Dia kalau - - kita dalam wau kapal kita selalu buat pertandingan game, bila layang tradisional dibawa ke situ tidak boleh. Benda itu akan tidak boleh, pasal kita menggunakan angin, benang, kan, bila kita diterbangkan, dia akan masuk ke celah sini, celah-celah itu (tokoh merujuk kepada bahagian badan wau kapal) jadi masalah. Layang itu tidak boleh terbang naik.

NAS: Jadi berat kan?

MSP: Haa (tokoh mengiyakan) jadi berat. Semua tersangkut antara satu sama satu layang itu. Dia akan sangkut. Kalau wau kapal sekarang ini kalau dia kena tali di sini sahaja dia boleh lepas, dia tidak ada masalah. Itu sahaja.

NAS: Selain daripada corak-corak yang simple diguna itu, kenapa tidak boleh guna corak bunga-bunga flora fauna selain macam corak patung ke?

MSP: Kita tidak digalakkan guna corak patung ke macam rama-rama apa itu kan. Memang kalau dah nama wau kapal, kita semua wau kapal. Kalau kita sendiri nak buat nak saja-saja main boleh tiada masalah. Tetapi bila kita ada macam ini, persatuan ini Wau Kapal Selangor kita terpaksa ikut la ikut arahan. Macam itu la, pasal kita ada persatuan dia.

NAS: (bunyi motosikal) Untuk saiz wau pula macam mana? Ada saiz-saiz tertentu ataupun ikut kita saiz macam mana?

MSP: Apa dia?

NAS: Saiz wau.

MSP: Tali wau ke?

NAS: Rangka, badan dia ada saiz tertentu ke?

MSP: Ada - -. Ada saiz dia. Dia kalau nak ikutkan *standard* dia, panjang dia la kan wau ini panjang dia lebih kurang tiga puluh enam [36]. Tiga puluh enam [36] inci. Kalau ketinggian dia lebih kurang dalam tiga puluh [30]. Dia macam itu.

NAS: Ini dikira saiz normal lah?

MSP: Ini saiz normal. Itu yang kita selalu masuk ke dalam acara pertandingan ke apa ke itu memang saiz dia. Itu yang *normal* [biasa].

NAS: Okey wak, adakah wau kapal ini wak jual pada orang? Kalau ya berapa harga dia?

MSP: Kalau memandangkan macam itu memang - - ada siapa ada yang nak - - kita niat nak jual itu. Dulu memang tiada tetapi kalau ada orang yang nak, itu kita terpaksa juga kita jual dalam harganya pun boleh tahan juga. Tengok layang dia lah. Kalau layang dia cantik diterbangkan boleh sampai dapat ranking kan, mencecah tiga ratus lapan puluh [380] hingga empat ratus [400] lah. Dia tengok pada layang.

NAS: Okey wak, berbalik kepada motif tadi, corak tadi itu macam wak, wak akan menggunakan corak yang macam mana?

MSP: Kalau saya, kalau corak memang tetap yang macam ini lah seperti ini, corak.

NAS: Boleh tunjuk corak yang macam mana?

MSP: Kalau kata corak pada badan ataupun corak yang bentuk kapal. Dia macam corak lain tiada, memang ini corak ini. Mana-mana pun semua macam ini cuma - - pada masing-masing la buat kreatif.

NEB: Kami nak tengok wak punya *design* [reka bentuk]. Coraknya memang corak kapal tapi dia punya mungkin dia punya design. Design dekat kertas yang wak guna itu.

MSP: Tapi kalau saya, saya tiada -- ya la ini memang nak kata design, kita tidak perlu ikut design - design anu tiada. Kita memang cara *live* [secara langsung] kita memang buat macam itu, macam itu kita buat terus. Tiada kita “ooo kita kena buat plan macam ini”. Kita dah tahu ukuran dia. Baik layang itu buat kertas kita nak tampal, buluh dia kita nak raut nak potong kita ambil pembaris kita ukur, dia macam itu sahaja. Tiada macam-macam tiada. Macam saya nak buat ukiran macam ini. Saya ambil pen terus saya tulis buat secara langsung sahaja.

NAS: Kiranya simbol superman dan IOI itu ikut wak sendiri?

MSP: Ikut sendiri

NAS: Wak suka, wak buat macam itu?

MSP: Haa dia macam tu - -. Itu pada masing-masing la seni suka-suka. Macam dia (tokoh merujuk kepada hasil buatan wau kapal milik Encik Nujir), okay bentuk dia corak dia macam itu. Dia kosong ada kertas dua *colour* [warna] dia macam itu.

NAS: Apa cabaran yang dihadapi ketika membuat wau ini?

MSP: Ooo itu masalah kadang-kadang kita tekanan juga buat wau ini sebenarnya. Kadang-kadang buluh kurang cantik. (bunyi batuk) Kita sudah buat - - betul-betul dah *setting* [tetapkan] betul-betul, tiba-tiba buluh itu dia tidak - - memenuhi apa kita nak kepuasan kan bila melenturkan dia berbeza dah lari, dia macam itu. Itu yang jadi kita jadi masalah dekat situ sebab itu sahaja. Kalau buluh itu tidak cantik, tidak elok jadi masalah.

NAS: Okey wak, apa persepsi masyarakat dalam seni reka wau kapal ini?

MSP: Dalam masyarakat tiada masalah. Semua dapat sambutan. Okey la Alhamdulillah
[segala pujian bagi Allah] la tiada masalah.

NEB: Soalan seterusnya berkenaan dengan bahan yang digunakan untuk menghasilkan Wau Kapal.

MSP: okey

NEB: Apakah bahan yang digunakan untuk menghasilkan Wau?

MSP: Okey, pertama sekali buluh. Buluh yang tercantik lah. Yang kedua, umpama tali, benang, haa dia macam itu sahaja keperluan dia (Wau Kapal). Kalau setakat meraut itu, mungkin semua orang tahu lah, pakai pisau senjata yang tajam kan. Itu sahaja.

NEB: Bagaimanakah wak dapatkan bahan mentah untuk membuat wau?

MSP: Aaa bahan mentah untuk - - hal buluh-buluh ini, kita perlu cari lah dekat kawasan kebun ke, hutan ke aaa itu memang ada lah, kita ada kawasan dia ada untuk cari bahan-bahan, semua ini.

NEB: Jadi wak cari sendiri atau wak memang ada pembekal?

MSP: okey, saya cari sendiri. Benda bahan buluh ini untuk buat layang, saya akan cari sendiri dan memilih sendiri. Akan memilih sendiri itu bermakna buluh ini digunakan sesuai digunakan untuk buat layang ataupun tidak. Kita perlu pilih sendiri, kita tidak boleh nak minta dengan orang, pilih dengan orang, benda itu lagi okey. Kalau kita nak macam ini, kita perlu buat sendiri, cari sendiri, tengok itu okey, buloh yang tua. Ha dia buluh muda tidak boleh, buluh yang tua yang boleh.

NEB: Macam yang wak cakap tadi, bahan dia (Wau Kapal) adalah benang, buluh. Selepas itu, yang untuk dia punya - - (tokoh mencelah)

MSP: Lekat, kertas itu? Ha itu masalah kertas itu, kita gunakan kertas yang ada ni lah, kertas macam ini (kertas layang-layang) dan gunakan gam. Ha yang itu sahaja. Gam ada dua jenis, kalau yang kertas, untuk gam yang kertas punya lah, gam kayu. Tapi kalau yang untuk yang buluh itu, ada kita gam yang untuk melekatkan antara kayu, buluh dengan buluh itu lah. Ha dia ada gam kering lah maksudnya. Dia (gam) berbeza.

NEB: Adakah bahan kertas itu, susah untuk dicari?

MSP: Selama ini (suara kanak-kanak) saya banyak - - puluh tahun lah, buat layang ini, cari bahan kertas ini, tak susah. Sekarang jaman [zaman] teknologi lagi gunakan – tekan tekan tekan sahaja (tokoh merujuk kepada telefon bimbit), tahu-tahu dah sampai depan rumah. Tinggal bayar sahaja (tokoh ketawa)

NEB: Jadi kertas warna ini digunakan khas untuk buat wau sahaja atau lain?

MSP: Tidak, ini kita ambil khas untuk buat wau sahaja.

(gangguan dari orang lain)

NEB: Dari segi buluh, adakah buluh itu memainkan peranan penting untuk membuat wau?

MSP: Aaa itu memang paling utama, buluh dia. Aaa kita – buat wau ini pakai buluh, buluh yang berkualiti. Berkualiti, dan dia tidak mudah patah. Aaa dia macam itu, Itu sahaja yang penting. Dan bengkok pun, kita tak nak cari yang bengkok-bengkok, tak nak. Kita ambil yang (suara lelaki menjerit) *straight* [tegak], nak *clear* [bersih] lah, perlu *clear* lah. (mengiyakan) (ayam berkokok)

NEB: Macam mana nak tahu buluh yang digunakan itu berkualiti atau tidak?

MSP: Okey, kita tahu. Kita memang faham lah kalau mana yang sudah biasa kita cari buluh yang berkualiti dan yang tidak. Kita akan faham lah sendiri, kita tengok benda ini dahulu. Kadang kita perlu ambil dahulu sebatang, tengok. Kita tebang, kita belah dan kita lenturkan dahulu dia. Tengok macam mana, dia ketahanan dia - - dia ada – ada *sepring* [lenturan] ke atau tidak ada *sepring* dia. Aaa kalau yang ada *sepring* itu, bemakna yang kualiti yang cantik. Tapi kalau yang tak ada sepring, dia tidak ada apa. Tak ada masalah. Tak boleh diguna lah untuk buat layang, wau tegak ini, kapal. (suara kanak kanak).

NEB: Jadi buluh itu boleh digunakan terus atau keringkan dahulu ke macam mana?

MSP: Tidak tidak. saya - - kita kalau yang – buluh yang basah dia hijau lagi kan? Kita nak buat layang ini (ayam berkokok) kita kena belah dahulu, bagi dia jemur, kering (suara kanak-kanak) aaa okey dah cantik, ha baru kita boleh buat raut, buat layang. (ayam berkokok) (suara kanak-kanak) (tokoh mengiyakan)

NEB: Berapa lama perlu keringkan buluh itu?

MSP: Kalau kita sudah - - kalau keadaan cuaca lah, kalau keadaan cuaca nya cantik, dua minggu kering lah. Cantik lah buluh dia. Dua minggu.

(ayam berkokok)

NEB: Apa jadi sekiranya buluh yang digunakan itu tidak berkualiti?

MSP: Aaa itu memang mungkin masalah besar lah. memang kita - - layang itu tidak -- sempurna lah, senang cerita, tidak sempurna lah. Tidak boleh nak buat macam mana. (ayam berkokok)

NEB: Apakah penggunaan kertas warna untuk membuat Wau Kapal?

MSP: Itu kertas itu warna - - aaa terpulang pada masing-masing seleranya lah. dia tak diwajibkan dalam untuk pertandingan tak diwajibkan khas untuk kertas, kali ni sahaja, tiada, dia bebas. Ko [kau] corak, macam mana ko bentuk, *colour* [warna] apa, dia tak kisah. Yang penting, Wau Kapal. Bentuk layang kapal, itu sahaja. Kertas, corak tiada masalah.

NEB: Untuk tali pula, adakah tali khas yang digunakan?

MSP: Ada. Memang ada khas tali dia - - dalam layang ini, dia ada dua tali lah. Dua tali berbeza. (bunyi kapal terbang) Okey kalau yang kecil itu, untuk - badan dia kan [tokoh merujuk kepada untuk mengikat bahagian wau kapal] yang tali yang kedua ini untuk ini buat tali teraju dia. Aaa tali teraju, yang putih ini [sambil menunjukkan tali bulu kambing yang terikat pada wau kapal] tali teraju.

(tokoh mengambil salah satu hasil buatan Wau Kapal beliau untuk memberikan penjelasan yang lebih jelas)

MSP: Kalau yang tali yang kecil seperti ini, [sambil menunjukkan bahagian badan wau kapal] dia hanya untuk ikat buluh, antara buluh dengan buluh, pada tiang, pada tepi semua, dan boleh buat dia tali tahan. Ha dia tahan kan ini (tokoh mengetuk secara perlahan badan wau kapal). (ayam berkokok) ha itu yang pertama, yang keduanya, tali ini berbeza. Dia tali ini memang - - dia kira yang utama dia juga dalam penerbangan kalau dia, tali ini tidak tahan, tak kuat, tak kualiti, dia akan putus. Haa jadi kalau yang tali yang ini, ini penting. Ini nama dia tali teraju. -- Kalau kita senget [kedudukan yang miring], kita buat tak betul pun, layang ini akan senget terbang dia tak betul. Ha dia macam itu, ini nama dia tali teraju.

(ayam berkokok)

NEB: Contoh macam untuk pertandingan dengan main biasa, adakah dia ada jenis-jenis dia?

MSP: Maksudnya jenis layang ataupun apa?

NEB: Yang ini, tali dia.

MSP: Tali dia, okey memang berbeza. Kita tak boleh - - okey ya sekarang macam ini, kalau kita buat pertandingan, benang dia gunakan benang tangsi. Bila layang biasa, penerbang biasa kita pakai benang jaring. Ha dia perbezaan macam itu. Itu minta pada pihak penganjur lah, penganjur dia memang minta tali macam itu kan, ha kita perlu ikutlah. Ikut penganjur lah.

NEB: Jadi benang tangsi dengan benang jaring yang kecil itu, yang benang teraju itu memang ada?

MSP: Memang ada lah. Dia lain, berbeza-beza semua. Memang, memang macam itu. Benang ini memang berbeza. (Notifikasi telefon bimbit berbunyi) Memang khas lah, dia khas contoh lah teraju memang dia lain, memang dia kasar, dia lain. Dia kualiti dia pon lain.

NEB: Berapa lama wak amik masa untuk menyiapkan satu wau?

MSP: Okey, kalau setakat kita meraut, satu biji wau itu, kira dua hari lah. Okey la, dalam dua hari satu biji wau. Haa rangka, belum kita taruk [letak] kertas, apa semua, belum. Rangka sahaja. Ha itu, bermakna kita buatan perlu teliti lah. Kalau kita nak buat cepat boleh, satu hari boleh siap satu biji layang, boleh. (bunyi motosikal) Tapi kalau kita yang cantik kita buat *slow* [perlahan] sikit lah kan, dua hari lah. Dua hari.

NEB: Adakah kemahiran bermain wau bergantung kepada angin atau apa?

MSP: Ha ye dia bergantung kepada angin dan cuaca. Kalau cuaca hujan, dia tak boleh lah kita terbangkan wau. Kalau angin tidak ada, pun kita tidak boleh menerbangkan wau. Haa biasanya kita bila nak buat game, nak perlukan ruang (bunyi kapal terbang). Mereka akan cari tarikh yang sesuai, mereka tahu lah, mana yang ada pengalaman mereka sudah ini, bagi kawasan ini, angin dia biasa, hala ke mana, musim angin atau tidak. Haa dia akan tahu lah. Memang nak perlukan angin (bunyi motosikal) (notifikasi telefon bimbit berbunyi).

NEB: Macam mana nak tahu angin itu, berdasarkan pengalaman atau --?

MSP: Tidak, dia [tukang pengukur angin] ada apalah, kita gunakan satu benda-benda yang apakan jadi tahu. Angin dia arah - - ada angin atau tiada angin, kita tahu lah. Mereka memang sudah tahu sudah.

NEB: Dia ada bahan dia lah?

MSP: Ada bahan dia, ada semua benda mereka ada

NAS: (mencelah) alat yang khas betul-betul --

MSP: Ha (mengiyakan) itu pada pihak penganjur lah, kita tidak boleh. Pasal pihak penganjur, nak diteruskan main layang pun pihak penganjur, dia nak batalkan ke nak di tunda ke itu pihak penganjur. Kita tidak boleh. Haa itu sahaja yang boleh.

NAS: Okey wak seterusnya kita akan tanya tentang kaedah pembuatan wau kapal ini. Jadi apa perbezaan cara pembuatan wau kapal ini dengan yang lain?

MSP: Cara dia ada perbezaan dia. Kalau wau kapal itu, yang lain kita tidak berapa teliti sangat pun tidak apa. Tetapi kalau layang wau kapal ini kita memang nak kena teliti betul dengan rautan dia nak kena rapi, buluh dia pun nak cantik memang nak seimbang la. Memang - - berbeza layang ini pasal kita kalau macam ini, kita

nak cari yang kualiti kan, jadi kita kena pembuatan itu nak kena cantik. Ha itu. Sebab yang utamanya macam itu lah.

NAS: Boleh wak ceritakan lebih mendalam proses pembuatan wau kapal ini dari awal sampai akhir?

MSP: Okey! Ini yang dikatakan kan, okey buat wau kapal ini nombor satu [1] buluh tau. Buluh dia memang nak kena yang ini yang ada sekarang ini buluh kualiti (tokoh menunjukkan buluh pada rangka wau kapal yang dihasilkan). Betul, ini memang terbaiklah bagi saya lah. Bagi orang lain saya tidak pasti, tetapi bagi saya ini buluh yang terbaik. Dan yang terpilih lah untuk buat wau kapal ini dan cara membuatnya kan kalau - - okey kalau kita - kalau dah raut - - semua siap dah raut dah selari sama dengan bawah semua (tokoh merujuk kepada buluh untuk setiap bahagian wau kapal), kita akan pertama sekali yang ini pun okey yang seimbang semua, dia macam ini semua dia tidak akan patah. Buluh yang terbaik tidak akan patah. Okey ini tidak akan patah dia tidak patah (tokoh cuba membengkokkan buluh) - -. Pertama sekali, bila dah raut kita akan ikat sini pertama kali (tokoh merujuk kepada bahagian tengah yang dikenali sebagai tiang untuk Wau Kapal). Tapi itu la semua dah ukur sama kita ambil tengah. Pertama dekat sini. *So* [jadi] yang kedua kita ambil yang dekat sini dekat yang bawah. Ini yang dekat atas ini sebelah bawah lepas itu kita tembungkan antara tepi sana dan tepi sini. Yang ini yang atas ini sebelah depan. Buluh dia berlapis kan, kita ambil sebelah depan kita silangkan belah depan kita ikat. Dan seterusnya yang kedua pun kita buat sebelah sini sama jugak dia silang ke depan. Buluh yang atas ini sebelah depan yang bawah ini sebelah belakang (tokoh menunjukkan pengikatan untuk bahagian sayap Wau Kapal). Dan seterusnya, sebelah ekor dia yang bentuk kapal ini kan, pertama kali kita buat, buat benda ini, ini nama dia merak (tokoh merujuk kepada buluh kecil dibahagian ekor atau bentuk kapal pada Wau Kapal), merak ini dekat sini merak dan lepas itu kita buatnya bukan

ikut - - macam yang asal kepak tau. Kalau kepak biasanya kita memang dari atas tadi kan, sekarang kalau kita buat kapal ini kita ikat dari bawah kita bentuk ikat tengah sini dan kita ukur di sini. untuk panjang dia kita suka hati kita la lapan inchi, tujuh inci okey kita akan buat terus sampai ke tepi sini. Ini kesini pon kita nak kena ukur ini (tokoh merujuk kepada cara pembentukkan untuk membuat bentuk kapal) - - Sini kesini berapa inci -- ikut saiz lah. Dah siap bentuk macam ini lepas itu baru kita ambil yang atas ini yang ini kita ikat dekat sini pertama [1], kedua [2], ketiga [3], keempat [4] dekat sini sampai kelima. Bentuk dia macam ini - -. Dia tidak boleh buat dari atas dulu tidak boleh. Biasanya kita buat dari bawah dulu baru pasang atas baru dapat bentuk sebijik kapal. (sambil menunjuk cara pembuatan wau)

NAS: Kiranya nak ikat itu pun ada step?

MSP: Ada cara. Nak ikat dia bukan main sembarangan ikat. Pental-pental tiada. Dia tengok umpama ikat yang ini. Dia kena silang lah. Kalau sini lima silang sini pun lima silang. Dia macam itu. Atas pon sama juga. Kita tidak boleh satu [1] tempat satu [1] tempat. Kalau tempat itu nanti dia tidak boleh *balance* [seimbang] - -. Dan tali dia pun kita nak kena ukur. masalahnya. Nak kena ukur jarak dia berapa inci. Dari sini nak kena ukur berapa inci. Semua dari sini sampai ke sini enam inci (tokoh merujuk kepada ukuran jarak antara buluh ke buluh yang lain). Kalau yang *balance* [seimbang] ini tidak kisah, yang penting ruang angin. Kalau enam [6] inci - -. Sama jugak sebelah sini enam [6] inci. Bawah pon sama. Kalau tidak ikut sama, dia bila kena angin diterbangkan, dia akan tidak boleh menahan. Berbeza lain dia akan lari akan senget. Dia macam itu kelebihan dia.

NAS: Tali itu nak kena tengang ke?

MSP: Nak kena tegang. Kalau betul-betul. Ini yang apa. Ini yang dah tegang. Dah cantik dah. Yang ini dah tegang - -. Dia macam ini. Nak kena tegang lah. Secantiknya macam ini kemas, macam ini bentuk dia. Dia dah tegang lah ini tali dia dah tegang la ini. Macam ini sudah kendur kan. Ini yang pertama [1] ini (tokoh merujuk kepada rangka wau kapal) yang kedua [2] (tokoh merujuk kepada wau kapal yang hampir siap), ketiga [3] (tokoh merujuk kepada Wau Kapal yang siap sepenuhnya) bila sudah tampal dia jadi macam ini - -.

NEB: Jadi mula - mula kita raut buluh.

MSP: Okay

NEB: Selepas itu kita ikat.

MSP: Okey

NEB: Selepas itu?

MSP: Okey, kita dah tampal kertas - - (berdehem). Nak tunjuk cara kertas itu balut? (sambil bertanya kepada penemubual) Okey kertas ini memang dia cara dia kan. Dia keperluan dia gunakan gam la kan. (tokoh mengambil kertas). Ini asas-asas dia lah. Asas-asas dia untuk yang – kalau corak suka hati kita apa bentuk apa cara. Kita tadi biasanya bila kita dah buat macam ini, kita akan gosok dengan seterika supaya dia akan licin jadi macam ini. Bukan baju sahaja kita gosok seterika. Layang pon nak kena gosok, dia macam itu, macamni. (tokoh menunjukkan kertas yang dironyok).

NAS: Tapi sebelum itu wak, kenapa kertas itu perlu dironyok dulu?

MSP: Dia kalau tidak dironyok dia benda itu - dia berkilat. Dia kertas dia kasar, keras, kering maksudnya kering tau. Umpama macam ini, bentuk dia macam ini. Dia ada perbezaan dia. Ini belum digonyoh kiranya (tokoh menunjukkan kertas yang masih belum dironyok). Ini kalau sudah digonyoh, tapi dia berbeza. Betul tidak dia berkilat macam ini, yang ini tidak. Cuma ini belum kita gosok pakai seterika. Kalau betul-betul kita kena gosok pakai seterika bagi dia lembut lagi. Ini dia kasar (sambil meronyok kertas) macam ini bunyi dia lembut sahaja. (menunjuk kertas)

NAS: Dia ada kacau faktor layang ke?

MSP: Ada - -, dia kalau kita tegang benda ini, angin dia tidak boleh dia akan menendang terus. Bila dia macam ini lembut, dia kalau angin kurang - - dia menyimpan angin, - - kalau ini pun kalau dia mudah koyak, pecah kalau ini angin kurang sikit

yang dah digonyoh. Tapi _ _ _ _ (tokoh bertanya pada penemubual) okey, kalau kita layang, kita gunakan gam ini gam kertas - -.

NAS: Memang khas.

MSP: Memang khas untuk kita pakai gam ini. Khas kita buat kertas buku ke layang ke apa ke. Mungkin dekat perabot pun boleh jugak kot. Jadi kita boleh letak macam ini cara dia. Kita letak, kita lilit dulu macam ini (tokoh menyapukan sedikit gam pada permukaan buluh). Pertama, kita dekat area dekat sini dekat tengah ini umpamanya ya. Umpamanya la kalau ini kita ringkas sahaja la ya. Okey kita buat macam ini, keringkan dulu sampai dia kering, dia tidak perlu banyak sangat gam ini agak-agak boleh okey. Selepas itu sekurang-kurangnya kalau kita tiada seterika malas nak seterika, pusing macam ini boleh. Kita bersihkan macam ini boleh, dia tiada masalah okey (tokoh meratakan kertas yang dironyok tadi untuk ditampal). Macam ini pun boleh. Suka hati la nak buat kan. Dia cara dia - - kadang-kadang benda ini nampak senang tetapi sebetulnya rumit benda ini. Pasal banyak nak bersabar. Layang ini kena kesabaran. Kalau marah-marah tidak payah [tidak perlu]. Okey kita ambil tengah tau. Kita buat tidak boleh ambil dekat tepi tau. Kita ambil atas dekat tengah seperti ini. Kita letak dekat tengah macam ini (tokoh merujuk kepada bahagian tengah kertas) - -. Tapi kita kena makan masa. Dia akan macam ini lah. Kita buat tengah dulu sampai habis. Kalau gam banyak senang sikit. Kalau sikit dia tiada apa, risiko dia memang banyak. Dia, buat layang ini memang perlu kesabaran. Kipas ini angin (tokoh merujuk kepada kipas angin). Tapi memang betul, bila saya dekat mana-mana lah kalau buat layang ini memang kita tidak boleh di ganggu angin kipas-kipas. Dia kena angin dia ringan dia memang boleh _ _ _ _ Macam ini lah umpama. Ini kepaknya memang cantik kita tampal semua nya kan. Tapi corak ikut selera masing-masing, dia macam itu. Selepas itu, okey yang ini - - ekor dia. Kita buat kapal ikut ekor dia lah. Yang ini ekor dia kepak dia macam ini. Pertama, kedua, ekor

last [terakhir]. Biasanya ekor *last* [terakhir] dia macam itu. Itu kalau sudah siap semua dia buat macam itu dia akan jadi macam ini lah jadi dia. Macam sebiji seperti ini - -. Jadi seperti ni (tokoh merujuk kepada Wau Kapal yang sudah siap sepenuhnya). Tengok, dia tiada kertas dia akan lembut dia bila kita ada kepek ada benang. Tapi layang dia ringan baru berapa gram tidak sampai lima puluh gram tidak sampai keberatan dia. Dia layang ini dia ringan lebih baik baru buluh dia kualiti cantik tetapi dia lebih ringan itu layang yang paling baik lah. Ringan!

NAS: Kalau ringan itu ikut buluh itu jugak ke?

MSP: Ikut buluh - -. Buluh yang berat itu ada, tetapi kalau boleh dia yang macam ini ringan - -. Buat layang ini perlu. Dan satu lagi, dia untuk *balancing* [keseimbangan] - - kepala macam ini kan umpamanya dia atas bawah ekor dia macam itu yang ini. Dia nak kena *balance* [seimbang] macam itu. Dia kena gunakan benda timah lah.

NAS: Kena timbang.

MSP: Kena timbang kepala - -. Letak timah. Jadi kita bagi untuk *balance* [seimbang] naik. Kalau tiada ini tidak sesuai pasal dia ekor dia besar. Wajib, wajib ada. (ayam berkokok) Kalau setiap layang wajib ada kepala dia.

NEB: Jadi untuk wau kapal dia perlukan timah untuk bahagian kepala?

MSP: Untuk kepala. Pasal dia untuk *balance* [seimbang] kan timah pon boleh tapi biasanya macam kita lilit, kita bungkus macam itu tiada masalah. Dia tidak kacau layang lain. Semua - - kita peserta semua sama dia macam itu.

NAS: Kalau kata tidak seimbang itu apa lagi?

MSP: Ada layang tidak boleh naik. Dia meronta lah meronta layang itu. Layang itu dia kira tidak menentu. Dia tiada "*balancing*" [keseimbangan] la.

NAS: Wak ubah balik?

MSP: Nak kena ubah balik semua apa tidak boleh. Memang. Layang itu kalau kita tidak letak benda itu dia tidak boleh boleh *balance* [seimbang]. Layang itu tidak akan mara ke depan - -. Dia boleh naik tapi tidak boleh mara tidak lajak tidak boleh pasal kita ini layang-layang Wau Kapal Selangor ini dia ada beberapa perkara yang penting la. Nombor satu [1], dia terbang tegak selepas itu lajak dia nak sampai. Pasal dalam masa itu dia ada beberapa *second* [saat]. Jadi layar kita lambat, kita *team* [kumpulan] kita akan kalah. Tetapi kalau kita letak benda ini dia akan lajak. Dia lajak akan cepat laju naik kedepan macam ikat situ kelebihan dia. Ini pasal kita memang dalam pertandingan macam-macam taktik la yang dia orang gunakan, kan untuk kelebihan masing-masing. Dia macam itu kegunaan dia ini bahan-bahan.

NAS: Jadi timah ini banyak lah kegunaanya.

MSP: Memang. Memang semua, semua layang ada. Mana yang sudah siap ini semua itu pun ada dekat dalam tetapi dia mengikut dia punya keseimbangan la. Dia tidak boleh letak kelebihan. Kalau letak lebih sangat, layang itu tidak akan naik. Memang tidak boleh naik. Dia akan jatuh bummm (tokoh membuat bunyi umpama Wau itu jatuh ke tanah) macam itu. Memang tidak boleh naik.

NAS: Jadi kena betul-betul.

MSP: Jadi itu sebab kita nak kena *balance* [seimbang] betul-betul. Kena seimbang dengan dia. Itu memang kadang-kadang teknik ini sebetulnya kalau dia orang ini sebenarnya masing-masing sebenarnya. Dia orang tidak mahu tunjuk *skill* [kemahiran] masing-masing kan. Itu cara masing-masing. Itu sahaja buat layang ini.

NAS: Okey wak macam yang wak katakan sebelum ini, buluh itu perlu dikeringkan dulu, untuk dua minggu, betul?

MSP: Okey betul.

NAS: Selepas dikeringkan, adakah buluh itu boleh terus diguna?

MSP: Terus, kita buat terus. Terus jadi buat layang. Boleh, selepas dua [2] minggu itu kering, kita raut, terus buat layang. Sudah tiada masalah - - macam itu.

NAS: Sekiranya buluh yang wak lentur itu masih keras, adakah wak akan mengasah dia sampai dapat wak dapat?

MSP: Memang betul. Itu kita selagi dia keras sampai kehendak kita macam mana nak layang itu lembut. Kita kena raut sampai ikut dia punya *step* [turutan] dia lah apa yang layang kita kena kena ini lah.

NAS: Okey, untuk wak sendiri, berapa masa yang wak ambil untuk raut buluh untuk sebuah wau ini?

MSP: Oii, itu kalau ikutkan yela itu kadang-kadang bergantung kepada faktor kita *mood* [emosi] kita sepertinya. Kalau kita ada *mood*, cantik buat layang kalau setakat empat [4] jam boleh siap. Empat [4] jam tapi kalau kita kadang-kadang “ah penat la esokla kita sambung” itu macam itu. Tapi kalau betul-betul satu [1] hari boleh siap. Kalau lapan [8] jam boleh siap.

NAS: Kiranya raut buluh itu untuk sebuah wau sahaja atau raut banyak-banyak sekali?

MSP: Tiada, kita biasanya buat wau, kita raut untuk satu sebiji wau. Tidak boleh raut simpan buat stok tidak boleh. Kita raut buat satu wau. Sudah siap satu biji wau esok kita nak buat lagi, kita raut satu biji wau lagi macam itu.

NAS: Kenapa tidak raut terus?

MSP: Tidak boleh. Tidak boleh pasal benda itu nanti kalau kita simpan, kita raut kita simpan, dia akan mengolah lah akan mengolah. Tetapi kalau kita sudah siap sudah kan, macam ini walaupun belum letak kertas tidak apa, yang penting kita ikat dulu badan dia sudah ikat tali sudah simpan letak gam sudah. Dia tidak akan mengolah, tapi kalau dia simpan sahaja tidak pasang memang mengolah lagi layang ini.

NEB: Mengolah itu apa?

MSP: Maksudnya mengolah itu dia boleh berubah-ubah. Haa mengolah itu maksud dia berubah. Contohnya dia macam ini. “Eh semalam aku buat layang ini okey cantik semua lurus kan, sekali dua tiga hari tengok dia sudah semot”. Dia tidak boleh. Itu mengolah kata orang tu. Itu mengolah - -.

NEB: Jadinya raut pada hari yang sama yang dan buat pun pada hari sama.

MSP: Hari yang sama kalau boleh. Kalau setakat nak tunggu malam nanti apa balik malam-malam nanti nak ikat apa tiada masalah. Tetapi sepertinya biasanya untuk satu biji wau itu satu [1] hari siapkan kalau boleh cantiknya memang boleh. Takut itu la kalau disimpan-simpan takut dia mengolah benda itu buluh itu.

NAS: Siapkan untuk rangka sahaja?

MSP: Untuk rangka sahaja. Sudah ikat sudah tidak apa. Biasanya kalau kena panas dia akan merekah. Dia akan berubah. Dia akan berubah - - macam itu. (tuan rumah berborak dengan wak)

NAS: Okey wak, macam wak cakap tadi benang pun main peranan juga kan benang warna putih. Warna benang tu macam mana? Kena warna hitam sahaja ataupun lain?

MSP: Dia tengok pada bermain pembuatan. Kalau pembuatan layang buat wau ini kisah apa *colour* [warna] pun tidak kisah. Ikat atau buat tali angin ini tidak kisah. Tetapi kalau hari penerbangan kita ada pertandingan *game* dia nak satu *colour* sahaja semua. *colour* jernih macam tali pancing kan tali ringan itu sahaja. Itu kalau pertandingan la. Kalau kita main layang sendiri tidak kisah la *colour* hijau, merah, kuning, tidak kisah. Tapi kalau di hari pertandingan kita nak kena ikut pihak penganjur. Tapi kalau ikat macam ini (tokoh merujuk kepada tali untuk mengukuhkan wau) tidak kisah kamu nak guna tali hitam ke putih ke hijau ke tidak kisah tiada masalah dia macam itu. Kalau tali macam ini cuma - -boleh

tahan lebih besar untuk tali teraju. Kalau ini tali kecil sahaja tiada masalah dia macam itu. Itu je perbezaan dia.

NAS: Tali jernih yang wak cakap itu ada keistimewaan dia ke?

MSP: Tali yang mana?

NAS: Tali yang jernih yang pertandingan itu.

MSP: Itu bermakna dia memang tali itu tidak mudah putus. Itu kegunaan tali dia enam puluh [40] sehingga ke lapan puluh [80] paun. (ayam berkokok) Layang ini enam puluh tujuh [67] paun ini yang akan dibawa terbang ini. Panjang jarak dia lebih kurang dalam tiga puluh [30] meter - lima belas [15] meter panjang kita tarik kan. Dia boleh naik tali enam puluh [60] (ayam berkokok) hingga lapan puluh [80] paun. (suara kanak-kanak) Kalau ikutkan tidak logik. Tetapi dia boleh pergi itu sebabnya keistimewaan dia berbeza layang ini, itu dia masuk pertandingan. Nampak layang ini ringan tetapi dia bawak benang, benang yang besar, Panjang. Boleh naik pergi itu kelebihan layang wau kapal ini. (ayam berkokok) Sedapny main sahaja lah. Itu hanya orang yang menjiwai la. Kalau suka-suka sahaja takut buat terseksa.

NAS: Okey wak untuk benang, satu gulung benang boleh dapat berapa buah wau?

MSP: Okey kita tergantung pada benang yang kita gunakan ada yang kecil (ayam berkokok) ada yang besar itu nak kata macam saya biasanya gunakan benang ini. Dia ada dua [2] jenis (tokoh mencari benang). Okey, ini berbeza dia sebetulnya kalau diikutkan benang ini yang ini (tokoh merujuk pada tali mancing) untuk buat tali yang ini tau. Tali ini halus sikit kan. Dia berbeza. Tetapi kalau benang yang ini saya akan gunakan untuk buat kepala dia ini untuk tiang yang ini penting yang ini berbeza *colour* [warna] dia. Dia terpulang kepada selera masing-masing tetapi kalau nak kata satu [1] gulung ini boleh kata kan ini - - *branded* [berjenama] benang ini harga dia memang mahal yang ini. Yang ini tujuh puluh [70] ringgit satu [1] gulung ini. Kalau yang ini baru empat [4] ringgit (tokoh menunjuk jenis benang yang berbeza). Orang masing-masing suka guna. Tapi kalau nak pikir macam ini boleh kata kan benang ini (tokoh merujuk pada benang biasa) boleh kata kan dalam sepuluh [10] biji layang boleh dapat. Sepuluh [10] biji la. Kalau macam ini pun lebih kurang (ayam berkokok) kita guna untuk ini. Kalau yang ini dia kurang untuk gunakannya pasal dia cuma antara ini - - hujung-hujung sahaja. Kalau yang ini terus *straight* [lurus] macam ini. Tali dia tali angin dia semua. Kalau segulung ini lebih-lebih lapan [8] biji layang macam itu. Kalau yang ini boleh dikata kan sepuluh [10], dua belas [12] biji boleh dapat. Ini kalau kita besar. Ini kalau lagi kita boleh bukak lagi banyak dia kan bukak dia macam itu dia berbeza.

NEB: Jadi wak akan guna dua jenis benang yang jernih untuk angin.

MSP: Ini untuk pengikatan buluh dia macam itu. Ini satu lagi jarak dia ini berapa inci (bunyi kapal terbang) kan okey enam inci (tokoh membuat ukuran pada wau). Kita pun nak kena ikut juga saiz dia enam inci sama semua sama enam inci, tidak boleh lari punya mesti enam inci dia tidak boleh lari enam inci.

NAS: Kalau dia lari?

MSP: Kalau dia lari tidak boleh. Tahan dia angin. Kalau dekat sini enam inci, sini lapan inci dia tidak seimbang - -. Sebabnya dia tidak seimbang sini ruang dia besar sini ruang dia kecil. Jadi angin dia banyak simpan sini. Ini kelebihan dia layang wau tegak, dia akan macam itu. Okey sekarang ini ada tiga puluh tiga [33], (tokoh mengukur wau) betul tidak saya cakap tadi tiga [3] enam [6] ha ya tak ya tiga puluh enam [36] saya cakap. Ini standard kita main untuk pertandingan. Standard dia ini lah memang ukuran dia. Kalau jarak ukuran ini tadi saya cakap tiga puluh kan, jarak dia atas ke bawah tiga puluh [30] tapi itu pada kita itu kan ini tiga puluh empat [34], tiga puluh lima [35]. Kalau nak panjang boleh, kalau nak pendek biasanya enam belas ke bawah. Ini enam belas [16]. Ini bawah tujuh [7], lapan [8] biasanya macam itu la. Selepas itu ukuran dia nak kena sama sini macam mana pun kena ukur sini berapa inci sini berapa inchi tidak sama. Tidak boleh lari. Memang tidak boleh lari kita lari ukuran dia. Layang tidak akan naik. Susah nak naik. Lama-lama kita pun naik *fed up* [menyampah] nak simpan dah.

NAS: Kalau tak sama kita buat baru lah?

MSP: Buat baru balik ataupun kita nak bukak balik buat balik macam itu - -. - Yang ini sebetulnya kalau layang ini kalau nak buat ukir-ukir macam ini kan, gambar-gambar macam ini kan kita main tebuk bukan main lukis tau. Kita main tebuk - -. Kalau nak dikira harga mahal ini.

NAS: Tebuk yang macam mana?

MSP: Maksudnya kita lukis bentuk pakai pen lepas itu kita tebuk tampal (tokoh merujuk kepada corak yang ada pada Wau Kapal). Kita tampal semua. Kita bukan main lukis sahaja bukan. Ini kena tebuk. Ini kalau kita dapat tangan cantik ini – macam ini yang selalu dapat hadiah. Kalau setakat main lukis, kau pandai pakai maker tidak ada markah –.

NEB: Jadi dia tebuk, selepas itu tampal balik?

MSP: Tebuk tampal balik. Okey kalau kamu la ‘O’ni dekat tengah ini IOI ini macam mana kita nak buat dekat tengah ini kita tiada sengkang biasanya buat ada sengkang tetapi ini tiada. Ini unik payah nak buatnye. Risiko. Risiko betul-betul kalau orang susah saya kadang-kadang orang panggil buat saya tidak mahu. Diri saya, saya boleh buat kalau orang saya tidak mahu. Saya tidak mampu. Nanti saya caj mahal orang kata mahal. Saya murah saya susah buat kerja jadi saya tidak mahu itu sahaja.

NAS: Jadi wak, yang IOI itu pun ada jarak-jarak?

MSP: Ada, tengok ini (tokoh menunjuk jarak corak IOI) - - jarak dia berapa inci - - semua ada jarak dia. Ukuran dia sini berapa inci ada. Dalam - ruang ini pun ada jarak dia. Ade semua ada ukuran dia. Itu saya cakap kalau kita nak buat ini kena

orang yang sabar. Betul saya cakap kena sabar. Betul. Tetapi saya pun IOI ni tidak tahu la dia cakap berkenan buat macam ini. Dari dulu la.

NAS: Okey wak untuk selepas kita dah letak gam semua itu, ada kena tunggu masa dia kering ke?

MSP: Tiada. Sebetulnya, bila kita guna gam ini, kita sudah ikut buluh macam ini kita ratakan kita boleh terus tampal. Kalau kita tunggu dia kering nanti dia tidak akan melekat. Keringkan terus tampal. Tampalkan lebih kurang dalam seminit dua kita potong kertas itu. Kita akan potong kertas itu, tiada masalah.

NAS: Okey berbalik kepada buluh, sekiranya buluh yang wak pakai itu dia patah ke wak akan buang lah?

MSP: Kita tidak guna. Bila kita dah raut, raut - - semua, buluh itu patah, rosak kan. Kita tidak akan guna. Jadi yang kita gunakan itu patah, jadi buluh yang ada lagi kita tidak akan buat - -. Mustahil. Benda ini mesti nanti akan patah juga. Kita tidak mahu. Kita cari buluh lain. Jadi makna buluh ini kurang kualiti dia macam itu.

NAS: Kiranya satu buluh tidak jadi terus buang?

MSP: Tidak perlu - - bermakna tidak perlu - -. Bermakna esok dia buat akan patah juga.

NAS: Kiranya wak cari buluh lain?

MSP: Buluh yang lebih kualiti la maksud nya.

NAS: Okey wak, bila rangka wau sudah siap, proses yang seterusnya kita akan letak kertas warna.

MSP: Kertas warna kehendak kita lah apa yang kita nak macam itu lah - -.

NAS: Kita akan letak benang.

MSP: Kita letak benang, baru lapik kertas. Biasanya ini, kalau lapik kertas ini yang senangnya dua orang. Jadi dia kita letak tarik sama ketegangan dia. Jadi sama seimbang kan. Tetapi kalau seorang itu boleh, saya biasanya dekat rumah saya buat seorang tiada siapa nak tolong-tolong tiada, walaupun ada kawan. Kawan pun masing-masing dia pun - -. Kata orang itu kena berdikari sendiri. Walaupun

kita dalam kelab kan. Saja tengok kau boleh buat. Kalau orang itu tidak boleh buat dia akan minta tolong dia macam itu. Secara tidak langsung kita tengok pun kita tolong dia macam itu. Tetapi kalau kita kena buat dekat rumah masing-masing diri sendiri lah. Kalau ade orang rumah, orang rumah la minta tolong. Kalau tiada diam-diam sahaja lah.

NAS: Kiranya wau untuk pertandingan semua jenis wau wak akan seorang-seorang lah?

MSP: Biasanya masing-masing la. Macam saya seorang, kawan saya dia seorang, yang ini seorang. Nanti kita nak main dekat mana-mana, kita bergabung, okey jom” macam itu. Tetapi sebelum kita masuk pertandingan kita akan “*test* [menguji] layang itu. Kita kena *test* dulu layang itu betul tidak betul boleh terbang ke tidak boleh - apa yang kita nak *alter* [mengubah] lah.

NAS: Kiranya kalau tidak sampai apa yang wak nak itu wak akan ubah ke?

MSP: Ubah ataupun tinggal kita buat lagi. Dia macam itu. Biasanya macam itu lah. Biasanya lah.

NAS: Untuk test itu bila boleh dilakukan, seminggu awal?

MSP: Sebelum pertandingan seminggu sebelum kita buat pertandingan, kita akan *test* [uji]. Kita sempat lah kita akan mengolah-mengolah nak buat nak betulkan layang ini ke atau kita nak buat balik kita - - tapi memang kita setidaknya-tidaknya nak buat pertandingan lima belas keping seorang. Lima belas keping seorang kita boleh tau boleh ke tidak boleh macam mana. Macam itu lah. Itu sahaja.

NAS: Okey untuk warna kertas pula, dia ikut kesukaan masing-masing.

MSP: Iya.

NAS: Macam wak sendiri, wak suka yang macam mana?

MSP: Saya - - terus terang, saya layang saya boleh kata kan empat puluh [40], lima puluh [50] biji keping. Saya kebanyakan *colour* [warna] nya *colour* merah, kuning. Saya memang melambangkan Selangor (ketawa) itu dia tidak tahu saya suka dari dulu merah kuning ini.

NAS: Dalam pembuatan wau ini ada petua-petua yang diamalkan ke?

MSP: Tetapi sebetul-betul petua itu dekat buluh ada la. Ini kata-kata orang dulu la. Kalau kita nak cari buluh yang cantik supaya jangan dimakan dek anai dek apa, kita cari buluh diwaktu gelap. Bulan tua maksudnya. Bulan muda dan bulan terang tidak boleh, dia akan dimakan anai. Anai apa, apa bubuk, bubuk ya tak dimakan itu. Kalau bulan gelap, memang tiada. Kualiti buluh dia akan tua. Memang tua. Perbezaan tua itu. Ini petua lah. Memang mana-mana pun saya cakap. Tidak tahu lah orang lain. Orang lain saya tidak pasti la. Tetapi kalau dekat sini kami memang gunakan macam itu.

NAS: Jadi memang betul lah petua itu?

MSP: Memang - - saya dah saya dah *try* [cuba]. Bukan saya nak saja-saja. Saya akan cuba. Okey, saya cari bulan terang awal bulan dan tengah bulan dan hujung bulan yang tua. Yang hujung bulan tidak akan. Sama kita letak dimakan bubuk tidak. Yang kita hujung bulan tidak dimakan bubuk. Yang awal bulan dengan pertengahan bulan memang habis. Dia habuk-habuk - - lubang-lubang dia punya buluh. Tetapi yang bulan tua alhamdulillah tiada.

NAS: Jadi dari situ wak akan tengok buluh itu berkualiti.

MSP: Berkualiti dekat situ pada kualiti dia bermakna. Bermakna buluh itu tahan, tua, kukuh matang la. Matang la maksudnya macam itu la. Itu petua sahaja la bukan kita nak apa tidak, itu petua.

NEB: Jadi selepas sudah siap pembuatan wau, baru lah kita nak terbangkan semua itu kan. Jadi, untuk sekarang ini saya nak tanya untuk selepas siap itu pula.

MSP: Okey, selepas layang kita siap sudah tampal kertas semua lapik semua kan ini ya, okey kita pasang ini lah ini, haa pasang tali teraju dia ini (tokoh mengambil Wau Kapal dan tunjukkan tali teraju yang diikat pada wau tersebut). Haa ini nama dia ini tali teraju, ini tali utama, teraju. Haa dia ini, ini. Kita pun ukuran dia tidak boleh bebas, suka hati berapa panjang, tidak boleh. Dia ada had dia dekat sini kan, okey dan yang ini, untuk setting dia tau. Ini untuk setting, tali ini boleh *disetting* (diubah) macam ini. (bunyi kayu patah) Ha tengok dia boleh lari tau. Ha ini, ha boleh ditengah - - ini untuk kita *setting* layang lah. Kalau layang itu dia senget ke sini, dia ke senget ke kanan, kita akan tarik dia ke kiri. Ha kena golekkan. Tapi biasanya layang ini, kalau yang cantik memang kita buat cantik, dia takkan berubah. Dia memang dekat tengah, haa dia kelebihan dia ini, tali dia ini. Ini nama dia tali teraju. Ha yang ini, tengah, kita tak boleh sampai ke sini. Bila dekat sini, layang tu takkan naik. Kalau dekat bawah, layang itu akan jatuh macam ini. Jadi kita kena seimbangkan, sebelum kita buat pertandingan, kita akan *test* [uji] layang itu. Bila kita dah *test*, keadaan layang itu okey, tali ini pertama kita kat sini akan letak gam. Gam supaya jangan lari, bermakna kau layang kau, bila masuk pertandingan, bermakna sudah, sudah okay sudah *ready* [bersedia]. *Standby* [siap sedia] sahaja. Cuma nasib, bagi masing-masing lah, ikut dia. Ha itu kelebihan tali dia ini.

NEB: Berapa ukuran untuk tali teraju?

MSP: Aaa nak kira meter, saya pun kadang-kadang pun (ayam berkokok) sudah cukup. Paling tidak pon satu meter, satu meter sudah tentu lah, haa tali teraju ni ke sini.

Satu [1] meter, satu meter setengah lah, macam itu lah. Siap, dia macam ini. Tali ni pun yang berkualiti tau, kita tali ini tak boleh main - - pasal kalau tidak di gam, tidak di apa, dia akan lari-lari. Ha itu bila yang dekat atas, dia akan berubah, bila kena kawan punya, dia akan lari. (ayam berkokok) seittt [tokoh mengajuk bunyi sebagai simbolik wau bergerak ke arah lain] macam dia lari sudah, awak - - jadi kita akan pergi ke sana, sudah tak menentu sudah. Ha dia macam itu. Aaa yang betul-betul cantik, layang, dekat tengah betul-betul dia punya ini, 'V' dia ini kan (tokoh merujuk kepada bahagian tengah tali teraju yang digabungkan) dekat tengah-tengah tiang ini. (tokoh menunjuk pada bahagian tengah badan wau) Ha itu, itu yang penting, utama lah tali ini. Ini - -

NEB: (mencelah) Fungsi utama dia?

MSP: Ha?

NEB: Fungsi utama tali ini? (ayam berkokok)

MSP: Untuk - apa, fungsi dia memang untuk menahan angin ini. Untuk menarik kita layang dia akan terbang.

NEB: (mencelah) untuk terbangkan wau?

MSP: Ha untuk terbangkan, ini lah dia, ha tali ini sama, kalau tali ini tiada, layang tidak akan naik, tidak akan terbang. Ha macam ini, ini lah penting dia ini, untuk keperluan untuk menaikkan layang, ini dia, tali ini. Tali utama.

NAS: Tali teraju itu pernah putus tak?

MSP: Ada kalanya. Kadang-kadang pernah, saya mengalami dan pernah saya banyak kali saya layangkan, saya pernah dia putus, dia bukan putus dekat sini tau, dia putus dia dekat sini. Mungkin itu putus sebabkan tanggal – ikatan kita tak kuat ataupun lebih gam. Kalau lebih gam, tali ini akan kecut. Ha dia boleh jadi, putus. Pernah mengalami sekali, saya pernah mengalami benda ini. Ini biasalah siapa yang pernah mengalami, mengalami lah kan, benda-benda macam ini memang pernah mengalami. Bila dia putus sebelah, dia tidak akan naik dan dia akan berpusing macam kipas. Haa dia tali ini, itu pasal kita perlu tali ini yang berkualiti lah, tahan lah.

NAS: Jadinya kalau, terputus satu bahagian sahaja, semua tali ini kena tukar ke macam mana?

MSP: Haa kena tukar lah. Jadi nanti kalau nak biar ini, pendek jadi dia. Jadi pendek kita tukar lah, kita buka balik, kita tukar yang baharu lain. Ha buat macam itu. Paling tidak, kalau yang putus ini, kita buka dekat sini, dekat sini kita tak perlu, kita amik yang ini simpan, tukar yang ini sahaja. (tokoh menunjuk tali teraju yang diikat pada Wau) Ha macam ini, yang ini sahaja. Sini boleh dibukak ini,

kita adalah memang dia punya apakan. Kamu boleh dibukak, cara dia - - ha nanti saya buka (tokoh membuka ikatan tali yang tersimpul sebagai sambungan ikatan yang terputus)

NEB: Jadi tidak semua bahagian lah yang kena buka? Bahagian yang - -

MSP: Ha (tokoh mengiyakan) dia ada - - itu sebabnya kita ni pun, tali ini ada tektik dia. Okey, sekarang - - saya buka kan buka, macam mana - - ha okey, tengok jadi dua ya. (ayam berkokok) okey kalau layang ini putus, sini (tokoh memberi contoh dengan menunjukkan salah satu daripada tali itu terputus) kita buka sini sahaja, _____ biar. Yang ini tak perlu, yang ini tak perlu kita - - kita ada, memang ada tempat dia ada *part-part* [bahagian] dia, tengok haa (sambil menunjuk tali teraju yang terikat di Wau) ha kita masuk dekat sini, dan ikat dekat sini dah. Senang aja macam itu, itu sahaja. Sudah okey, ha tiada masalah. Sudah. Kalau putus yang sini, ini kita buka sini, kita tinggal sambung kan yang ini sahaja (bunyi zink) Ha takde, dia tiada, satu tidak ada, boleh di - - itu mana yang putus, itu yang kita tukar. Itu sahaja. Ha ini kelebihan dia, kadang-kadang orang memang tidak faham. Ha dia macam itu.

NEB: Jadi untuk naikkan wau, berapa orang yang selalunya naikkan?

MSP: Dia kalau kita nak *test* [uji] ke atau nak apa, tetap dua orang. Dia tidak boleh seorang. Kalau seorang, tiada yang pegang, tiada yang tarik. Haa jadi yang pegang dekat belakang sana (tokoh menunjuk arah yang bertentangan dimana orang yang akan menarik wau akan berdiri) pegang layang itu, umpamanya

macam ini kan (tokoh mengambil wau) ha diorang tu anjung nama dia kan, dia anjung layang macam ini (tokoh menunjuk cara untuk menganjung wau, iaitu dengan memegang bahagian kepala dan badan wau) itu pun ada tektik dia pegang dia cara dia, haa - budak-budak disuruh je tak boleh, pasal kita kena letak pegang macam ini. Dekat bawah layang kepak, dan ini pegang macam ini (tokoh memegang bahagian kepala wau menggunakan dua jari diantaranya) jadi layang dia *straight* [tegak]. Ha kalau kadang-kadang kita suruh budak, tah pegang macam ini macam ini, dah jadi masalah kan. Memang yang memegang ni pun nak ada kemahiran lah, senang cerita. Kemahiran, dia ada dua cara. Begini pun ada (memegang bahagian kepala dan sayap) yang bawah macam ini pun ada (memegang bahagian kepala dan bawah) tapi kebanyakan posisi dia pegang ini macam ini, cara dia. Ini masuk dalam pertandingan lah, mesti macam ini - - penerbangan dia nak kena dua orang ye, yang satu tarik benang belah depan.

NEB: Seorang menarik, lagi seorang memegang.

MSP: Ha memegang (tokoh mengiyakan)

NAS: Kiranya wak orang yang pegang itu, bukan yang main wau itu kan?

MSP: Dia macam ini, kita macam bersaing dengan kawan saya - - okey, layang kau buat – dia yang kena pegang layang itu. Yang tarik saya, ha macam, okey ini layang saya, saya – yang pegang layang ini saya, yang pegang saya, yang tarik orang lain, yang terbangkan orang lain. Pasal dia tidak tahu yang kita punya main layang, masing-masing. Boleh suruh orang lain pun boleh, bukan tidak boleh,

boleh. Tapi takut dia nanti tidak betul, pasal layang itu bukan dia yang buat, yang buat kita. Tarikan diorang tarik takpe, kita yang kena *control* [kawal] dekat sini layang dia. Ini wau kapal tegak, kalau yang tradisi biasa, lain. Siapa-siapa boleh anjung. Tapi tegak tak boleh, memang tak boleh. Nak kena betul-betul. Bukan sebarang-barang orang semua nak yang tarik, nak pegang, nak layangnya. Tidak boleh, nak suruh budak-budak pun tidak boleh. Orang dewasa pun, nak suruh pun orang yang faham. Kalau tidak faham, memang tidak boleh, hancur layang itu nanti. Boleh jadi itu, boom (ajukan wau terjatuh) jadi macam itu, memang tak boleh. Dia ada cara dia lah, memang ada cara. Itu sebab layang ini, nampak senang tapi sebetulnya rumit. Dia ada cara masing-masing.

NEB: Seperti rujukan yang kami ada baca, wau ada menghasilkan bunyi kerana ada meletakkan sesuatu di bahagian kepala. Jadi, bagaimana dengan wau kapal?

MSP: Wau Kapal kita tak perlu itu, yang taruk bunyi yang kita kata orang itu, sini kalau orang jawa cakap _ _ _ _ _ kebanyakan dia, dengung ataupun sandaren. Haa itu akan bunyi itu, Kitaorang kalau yang kampung tradisi, kampung original, kita akan gunakan. Tapi kalau wau kapal, tak boleh. Dia tak boleh mengimbangi keadaan (bunyi motosikal) layang, tidak boleh betul, *hundred percent* [seratus peratus] tak boleh. Memang tak boleh, kalau layang tegak kapal ini, kapal tegak ini, (bunyi kapal terbang) lajak semua ini, memang tak boleh gunakan benda, alat ke tak boleh. Memang tak sesuai.

NAS: kenapa ye?

MSP: Dia akan menjunam, dia – okey, (tokoh mengambil wau) kalau nak tunjuk dekat sini, kita sekali layang main wau kapal ini, kita sekali satu penerbangan, dia ada tiga belas biji layang sekali. Sekali terbang, bukan satu satu, tidak ada. Dia akan pegang tali ini, sekali derek [sekaligus] tiga belas biji layang. Kalau dia ada – alat yang membunyi itu kan, tali dia dekat sini tau (tokoh menunjuk bahagian kepala wau kapal) - - buluh. Dengan plastik, ataupun reben, dia gunakan macam-macam kaedah lah. Kalau dia terbang, nanti dia tersangkut sini layang pun tidak boleh naik. Memang tak boleh naik, lagipun dia berat. Dia berat – dia akan menahan angin kan. Bila dia bunyi itu, benda itu menahan angin, tidak boleh. Memang tidak boleh, tidak pernah digalakkan selama saya ikut dalam bidang wau kapal ini, tidak pernah. Ha kalau tradisi memang ada, itu memang kita suka, memang untuk malam ke petang ke, dia akan berbunyi. Ha tapi kalau yang untuk ini, tiada – (tokoh meletakkan wau ke lantai). Kita tak pernah lah, mana mana saya pergi tak pernah jumpa.

NEB: Tapi wau ini ada menghasilkan bunyi juga ke?

MSP: Tiada. Dia tiada menghasilkan bunyi. Tiada.

NEB: Masa bila yang sesuai untuk bermainkan wau?

MSP: Wau kapal ini?

NEB: Ermm (mengiyakan)

MSP: Haa, iya lah, waktu siang hari, keadaan ada angin, ha dan kesuaian lah. Macam mana keadaan dia.

NEB: Selalunya pada bulan berapa yang disetkan untuk - -

MSP: Tak semestinya, ini kalau nak kata, nak main pada - - pasal kita ini keadaan kita ramalan cuaca kita tak menentu asalnya. Kadang-kadang kita dah *plan* [rancang], “okey, bulan enam kita nak buat game” macam ini. Tiba-tiba kena musim hujan. Ha jadi kita kena tunda, ha kita tak boleh - - *target* [sasaran]. Kadang-kadang ini, diorang sudah satu – sudah separuh penerbangan umpunya, sudah satu hari itu, dari pagi sampai ke petang, *game* [permainan] ini akan habis, tapi dalam pertengahan itu, keadaan cuaca hujan, ribut ke apa kan, dia itu pada pihak penganjur. Dia ada dua cara. Ha dua cara, satu cabut undi, pakai kertas dan satu lagi, pakai bola. Ha dia letak nombor, kau (ayam berkokok) kena cabut undi, ambil bola ke, ha dia antara dua itu. Kalau keadaan tidak boleh, dengan keadaan padang yang basah, hujan lebat, tak boleh. Tapi, pihak masa sudah berjalan separuh hari kan. Kita tak boleh buat - - kita gunakan cara macam itu lah. Itu pun minta persetujuan pada pelayang-pelayang. Haa kalau dekat sana dia cakap pada pelayang-pelayang tau, diorang bila time dekat *game* ni haa. Dia majlis urus setia lain, penganjur lain, macam kita ini pelayang-pelayang dia akan sebut. Diorang kata ada 200 pelayang, semua dipanggil. Dipanggil, kita akan berbincang, ini macam mana keputusan, keadaan cuaca macam macam ini, kalau kita nak buat undi macam mana, kalau pelayang-pelayang cakap okey buat, kita buat, dia akan buat, penganjur akan buat undi. Secara automatik lah. Saya pernah mengalami benda ini banyak kali sudah kena sudah.

NEB: Jadi buat undi itu untuk?

MSP: Untuk mendapatkan yang awak ini - - layang awak dapat nombor berapa, nombor berapa untuk sampai ke juara lah. Ha yang itu mesti nak ada macam kamu pun nak kena tahu juga, pasal aturan-aturan dekat padang lah maksudnya kan, pertandingan ha itu ada. Dia nak ada - - Jadi, kalau engkau dekat mana-mana, - - ah tidak ada, “dulu wak cakap, tiada macam ini, wak tidak cakap pun”. Ha tak macam itu, berbeza kan. Tapi itu memang – sebetulnya macam itu. Tengok keadaan faktor cuaca kan. Haa kalau dah – itu lah digunakan, pakai undi lah. Manalah tahu esok satu hari kau masuk terserempakkan, ni tengok lain haa. (tokoh ketawa)

NEB: Jadi, kalau macam ada waktu yang tak sesuai, macam hujan ke apa, cabut undi untuk *decidekan* diorang punya pemenang?

MSP: Haa Haa (tokoh mengiyakan) menentukan untuk pemenang yang kedua, ketiga sampai sagu hati ke apa apa, ha dia macam itu lah.

NEB: Apakah cabaran yang dihadapi untuk menaikkan wau?

MSP: Cabarannya, sebetulnya, tiada berapa sangat lah. Cabarannya, antara kita sama sama kita lah. Layang itu takut, berlaga. Pasal dia, jarak dia dekat tau. Okey, haa saya dekat sini, layang kita dah enam [6] kaki kan dan sebelahnya jaraknya pun macam itu juga, layang dia pun enam kaki. Yang ini jaraknya dekat sini (tokoh menunjuk jarak antara pelayang dan pelayang lain) Memang kita yang dekat bawah ini boleh lepas, tapi bila ditarik sekali serentak, naik atas, dia akan begini (tokoh menunjukkan contoh wau berlaga antara satu sama lain) Takut haa - - ini cabaran dia yang paling – bila sudah begini, layang kita pun jatuh, ataupun layang dekat awan, jatuh dah tak dapat masuk pertandingan. Ha dia macam itu, itu cabaran dia yang bahaya.

NEB: Dia sekali jatuh terus *failed* [gagal]?

MSP: *Failed*, haa berkecuali dalam penerbangan itu, dia tarik, dia putus, haa itu dia akan – dibawa kedepan lagi balik haa. Tapi kalau sudah jatuh, boom sudah tidak boleh. Memang sudah *failed*. Ha itu sebabnya kita main layang ini, tak cukup cuma dua jenis biji layang. Nak ada sepuluh atau lima belas biji layang. Takut macam itu.

NAS: Jadi macam mana nak elakkan benda itu berlaku? Kena pandai-pandai - -

MSP: Haa itu sebabnya kita layang kita nak kena *test* dulu, dia bagi *straight*. Bila kena terbang, dia terus supp (tokoh menunjuk arah wau naik ke atas) lari sama sama. Haa kalau kita tak test, tak apa, mesti nak berlanggor (tokoh menunjukkan contoh wau berlaga antara satu sama lain) lah dia. Pasal kita, - tak jauh jarak dia antara

- pemegang layang ini, dengan yang sebelah tak jauh, tak jauh. Cuma dia agak
- agak-agak kita layang ini, liar sikit kan, kita kebelakang atau kedepan, bezanya macam itu sahaja.

NAS: Pihak penganjur yang susun macam itu ke macam mana?

MSP: Haa tak, dia - - okey, penganjur cakap “okey, jaraknya sampai kesana, taruk [tokoh maksudkan letak] dalam lima belas [15] meter je”, lima belas meter, okay *stop* [berhenti]. Tapi kita nak macam mana, kalau dah – dia kan ada satu pendek, dia ada had dia lah. Jangan kurang daripada lima belas [15] meter, umpunya macam itu lah. Okey belakang, jangan lebih sangat sangat sampai empat puluh [40] meter. Itu sudah terlampau jauh, jadi seimbang lah kalau kamu - - (tokoh menunjukkan posisi untuk bermain wau jika beramai-ramai). Dia itu cara dia macam itu (ayam berkokok) satu penerbangan layang itu.

NEB: Untuk pemilihan tempat untuk bermain wau, kebiasaanya akan dilakukan di kawasan yang macam mana?

MSP: Itu dipilhkan dekat kawasan padang lah, umpamanya padang sekolah, padang taman, yang sesuai untuk terbang layang. Pasal (ayam berkokok) nak keluasan lah – kawasan luas kan, jadi pun kita bukan sikit penyertaan. Kalau dah sampai 800 biji layang, sudah berapa puluh orang. Memang lah rame [ramai] kan, kena padang lah.

NAS: Contoh sekolah yang selalu menjadi tempat pertandingan?

MSP: Tumpuan? Pertandingan? Padang la. Padang awam ke padang apa jadi (ayam berkokok), padang sekolah ke, itu kalau pihak sekolah mengizinkan. Kita kena mohon, kena mohon dekat pejabat kolej MARA Banting ini kan. Haa kita mohon dahulu pada pihak sekolah, kita ada nak buat *game* [permainan]. Pertandingan layang, besar-besaran, ini ikut dun mana, ikut mana semua kan. Haa kita kena bincang, bawa kena bawa ke situ mohon lah.

NEB: Jadi kalau untuk kawasan Banting ini, selalu buat dekat Kolej MARA itu la?

MSP: Dia ini lah - - Ini kalau untuk Banting, (ayam berkokok) kita buat untuk area sini sahaja, kita buat Kolej MARA [Selangor]. Itu bermakna *open* [terbuka], maksudnya pertandingan *open*, banyakkan, besar kita buat dekat MARA. Dekat MARA pun kita kena buat dua padang (ayam berkokok), Padang A dan Padang B. Tapi kalau kita untuk main kampung-kampung je tak rame [ramai], kita buat masing-masing, kampung masing-masing. Dia ada tempat lah, pandai-pandai lah diorang nak terbangkan. Padang sekolah-sekolah biasa boleh.

NAS: Pihak penganjur lah yang selalu uruskan?

MSP: Haa (tokoh mengiyakan) itu pengurusan, pengurusan semua pihak penganjur.

NEB: Adakah rupa wau yang semasa pertandingan dengan wau untuk main sahaja, sama atau berbeza?

MSP: Berbeza - - ada perbezaannya (ayam berkokok).

NEB: Apa perbezaannya?

MSP: Dia bentuk, bentuk lah, bentuk wau. Haa bentuk sahaja.

NEB: Kalau cakap dari segi bentuk, bentuk yang bawah itu ke?

MSP: Haa iye bentuk yang bawah, kalau yang kepak ini, atas tak ada masalah. Haa dia bentuk ini, bentuk bawah ini bentuk kapal. Bentuk kapal.

NEB: Apakah peruntukan diberikan oleh kerajaan dalam memperkenalkan Wau Kapal?

MSP: Kalau dalam kerajaan, saya tak pasti lah. Tapi kalau dalam seni kebudayaan itu, dia akan digalakkan lah untuk buat Wau Kapal ini. Kadang-kadang dia adalah buat sambutan apa apa kan, dia bagi peruntukan. Macam saya takde, saya dulu pasal dengan yang kampung sebelah itu, Bukit Canggang itu kan. Jadi, kalau dapat sudah dapat peruntukan, dekat tempat dia lah. Jadi macam saya sekarang ini pun ada kawan-kawan, saya buat dekat kampung sendiri lah. (bunyi kapal terbang) macam itu.

NAS: Untuk masuk pertandingan, ada apa apa bayaran ke?

MSP: Ada. (tokoh ketawa) tapi macam tadi saya nak cakap, tapi saya tak nak cakapkan. (bunyi kapal terbang) Setiap pelayang, setiap satu layang, satu keping layang ini, dia akan bayarannya dahulu lima [5] ringgit. Haa itu dua puluh [20] tahun yang lepas, selepas itu tahun 2000, sepuluh [10] ringgit dan sekarang sudah dua belas [12] ringgit satu keping. Satu penerbangan, kalau kamu tak dapat, jatuh ke apa ke, dah lain, dah habis, dua belas [12] ringgit satu keping. Sebab itu, kita satu orang itu ada sepuluh [10] keping, kalau sepuluh [10] keping sudah 120 ringgit. Modal kita nak buat ini, masuk dalam pertandingan, itu pun kalau ada pihak penganjur. Dia dah keluarkan duit *sponsor* [taja] kan. Haa itu tidak tetap itu, kita pun kena bayar juga kalau *sponsor*. Haa itu sahaja, tapi kita kenangkan pada kita hobi, minat layang kan, seni, jadi kita ikut. Kalau kita tak dapat banyak, kita dapat sikit pun okey. Haa dia macam itu sebetulnya. Ini pasal berkenaan dengan hobi tau, seni budaya kita. Haa jadi kita buat juga, bayaran itu, kendian [kemudian]. Kita buat kita mampu, kita berapa biji, kalau cakap, okey kalau sepuluh sudah 120, kita tak mampu, kita amik lima [5] la, enam puluh [60] ringgit, okey lah, insyaAllah [jika Allah menghendaki] lah kan. Haa dia macam

itu. Dia kalau yang kelab-kelab, kita tak mampu, kadang-kadang, “okey, kau punya berapa biji? Berapa keping? Aku ambik, aku bayar.” Haa dia macam itu. Itu kena bincang lah sama.

NAS: Wak pernah dapat *sponsor* dari mana-mana?

MSP: Saya nak kata dapat *sponsor* itu, saya tak pernah lah. Saya nak buat sendiri sahaja. Kalau dapat *sponsor-sponsor* (ayam berkokok) pun kita nak buat *game* [permainan], *sponsor* kat – satu kita punya kelab lah, dekat kelab. Haa kita takde buat, kalau ada *sponsor*, *sponsor* personal. “Rin, engkau punya layang sepuluh aku bayar.” Haa itu lain cerita, haa itu lain. Haa itu hal peribadi la, kita pun tak nak cerita kan, macam itu kan. Kalau kau *sponsor* besar-besar, dia – pada kelab, pada kelab, persatuan kelab. Haa itu dia ada *sponsornya* dekat situ. Macam saya sudah ada kelab, dia sebagai ketua kelab itu lah yang uruskan. Saya jadi pengikut sahaja lah. Haa dia macam itu.

NEB: Jadi macam mana wak tahu pasal pertandingan, macam mana pertandingan itu diwar-warkan?

MSP: Kita ada persatuan kita, kita ada dalam – masing-masing ada *group* [kumpulan][merujuk kepada platform untuk para pelayang dapat maklumat] Okey, dia akan keluar, sampai ke Kelang ke, Kampar ke, Perak ke, dia ada wak ini, Kami semua ada *link* [pautan] dia.

NEB: So [jadi], semuanya melalui persatuan lah?

MSP: Melalui pesanan mudah alih ini lah, ahaa itu sahaja.

NEB: Macam mana dengan penerimaan orang dalam *join* [sertai] pertandingan ini?

MSP: Maksudnya?

NEB: Maksudnya memang akan ada ramai sambutan ke memang sikit sahaja orang *join* sekarang?

MSP: Tak ada, dia memang - - okey, saya dekat sini ada persatuan Selayang sini kan, dia memang automatik dia dapat, memang sudah beritahu, kat sini, haa kelab ini. Time cepat, sana pun dia hantor [hantar] sana. Jadi macam kami kawasan sini, kita ada bergabung – rakan kan, gabung rakan, bukan kelab kan. Kita ada empat [4] lima [5] *group*, jadi kalau satu beritahu [bagitahu], semua tahu. Haa dia macam itu.

NEB: Jadi yang *join* itu pun ramai lah?

MSP: Haa ramai lah, haa itu semua - - ramai.

NEB: Untuk menyertai pertandingan itu, diorang ada peringkat umur yang - - ?

MSP: Tiada. Iyalah kalau mandangkan pada umur yang berusia, sudah pencen-pencen, kesian pula, kat tengah panas, kat tengah padang, sempit dibuatnya nanti kang, jadi susah penganjur. Kalau budak pun tak boleh juga, kalau budak dia dekat dalam padang, dia nak buat apa. Sedangkan layang ini, untuk orang dewasa, lagipun bahaya. Bahaya dia layang ini. Kalau dia jatuh dari atas kan, dia (tokoh merujuk kepada bahagian kepala wau kapal) ini akan jatuh dahulu, kepala ini. Kalau kena kepala orang, kena budak tak – susahkan. Dia ini macam orang yang pelayang-pelayang itu, dia dah paham dah, tahu dah. Ini kalau budak-budak, tak boleh, tak boleh digalakkan lah, umur bawah – sekarang banyak-banyak, bawah tujuh tahun tak digalakkan lah, tak digalakkan.

NEB: Jadi pertandingan itu, yang selalu wak sertai, adalah secara individu atau memang persatuan sahaja?

MSP: Individu. Persatuan ada, individu pun ada. Haa kelab pun ada.

NEB: Kalau *under* [bawah] persatuan, berapa orang pemain yang akan terlibat pada masa yang sama?

MSP: Tiga [3] orang. Tak dan kita satu [1] kumpulan persatuan, kita tiga [3] orang. Kan nanti sana tiga [3] orang, tiga [3] orang, tiga [3] orang, tiga [3] orang (tokoh menunjukkan posisi setiap tiga orang satu kumpulan berada di tempat yang berbeza ada hari pertandingan) macam itu. Kadang-kadang yang ambil lima [5] enam [6] orang (laungan tarhim) ada.

NEB: Tadi wak ada cakap untuk masuk pertandingan, ada tiga orang yang terlibat. Apakah peranan tiga orang ini?

MSP: okey, sebetulnya layang ini, kita kalau tiga [3] orang sama tau. Saya layang saya lima belas [15] biji, dia lima belas [15] biji, yang lagi lima belas biji [15] (ayam berkokok). Kita akan bertukar, bertukar, bertukar, bergilir la. Kalau tidak, memang kita penat. Penerbangan dia ikut turn. Terus naik, terus naik. Tapi nombor satu [1], macam ini, okey dua [2] orang, dia akan bagi kertas tau, dia nama nombor cai. Haa dia nombor cai, penerbangan itu kan. Jadi, satu kena peka dalam, layang ini ko dah terbang belum, - tidak ke, haa itu yang penting. Yang dua itu, dia terbang, ko terbangkan okey layang mana pilih. Haa kita amik yang itu, dan lagi satu [1], okey layang ini - - dia nanti akan di cop, ada nombor yang - ada nombor kan, ini baharu semua ini. Dia ada nombor, dia akan nombor. Nombor itu kita akan pastikan, bila kena pusingan yang kedua, penerbangan yang kedua, kalau nombor itu tak ada, kita akan *dicancel* [dibatalkan], automatik. Sebab itu kita ada - peranan dua [2] orang penerbang dan sorang kena tulis nombor itu, kena *check* [periksa] betul-betul. Kalau tidak nanti, dekat juru setia ataupun dekat apa, memang kena tendang lah. Haa itu yang kita tak nak, kita

susah-susah terbangkan, keadaan cuaca panas apa semua, tengok nombor, tiada. “Kenapa ko naikkan, ko salah, tak nak kira”. Haa itu pasal kita kena tiga [3] orang. Tapi kewajipan dia, dua orang untuk penerbangan, tapi yang satu [1] itu untuk *ready* [bersedia] untuk *standby* [bersedia] - - macam itu. Kalau ramei, tak apa lagi – cantik, kalau ramei orang, lagi “haa ko bahagian , ko bahagian ko cepat” - - Nanti, kita dekat sini belum layangnya belum turun, Nombor kita sudah dipanggil, nombor yang akan terbang ini, akan dipanggil. Jadi, kelam kabut kalau kita dua [2] orang, kelam kabut. Kalau tiga [3] orang, empat [4] orang memang okey lah. Macam itu, macam itu sahaja kelebihan dia.

NEB: Tapi tadi wak ada sebut nombor cai tu, macam mana eja dia?

MSP: Dia nombor cai dia macam ini lah, (tokoh mengambil wau yang telah ditandakan nombor cai). Ha dia umpamanya macam ini nombor dia, haa yang kita penting nengok [tengok] nombor ini nombor ini, ha yang ini (tokoh menunjuk contoh nombor cai yang dicopkan pada wau) Okey, ‘P’ Penerbangan, - - ‘P’ Penerbangan kedua, nombor dia empat puluh enam, haa dia macam itu. Ha yang sini, nantikan, nengok, (tokoh menunjuk dan membaca nombor cai yang terdapat pada wau) ‘P’ penerbangan kedua, nombor tiga. Haa dia macam ini. Ini yang dikatakan nombor cai ini, kita nak pastikan nombor ini. Ha nombor ini - - semua ini. Bila layangnya dah di terbangkan naik, dia akan di cop (bunyi kamera). Dia ada cop dia, mesti ada cop, (bunyi pintu tertutup) haa ini cop dia dekat sini, dia ada cop dia. Haa ini berapa hari bulan - - kat sini semua ada. Haa ini tahun 2002 kan, bulan empat ha macam itu. Dan nanti ada cop, ada *sign* [tanda]. Bermakna layang itu, disahkan. Dah disahkan memang layang itu, akan layak ke peringkat-peringkat seterusnya macam itu lah. Sama juga semua, dia pasal dari kita dah tukar baru kertas dia, dah koyakkan, dah teruk, kita tukar baharu, hilang cop dia, tak apalah. Macam ini pun sama juga, dia ada cop dia semua. Itu yang kena - - nombor cai dia, macam itu, pentingnya. (tokoh meletakkan semula wau)

NEB: Jika wau itu rosak, apa yang wak lakukan semasa pertandingan itu berlangsung?

MSP: okey, kalau layang itu terlampau rosak umpamanya ya dan sedikit kerosakan, kalau sedikit kerosakan kepada kertas, kita akan segera kita gunakan salotape plastik tu, untuk *cover* [tutup]. Tapi kalau layang itu patah ke, kita akan ke urus setia, merujuk kepada urus setia, kita minta mohon, timbang rasa dia, “macam mana layang saya dah macam ini” - - kalau dia cakap “okey, kamu saya luluskan, kamu tuko [tukar] layang lain, bersebab layang kamu ini, dah tak boleh meneruskan perjuangan penerbangan ini” kan, dia tuko layang. Haa itu, kena merujuk kepada urus setia. Dia ada, dekat situ memang ada urus setia lah, khas memang. Haa dia macam itu lah.

NAS: Kenapa walaupun wau itu rosak sedikit, kenapa tak boleh di tukar? Macam kenapa penganjur itu tak bagi tukar je yang baharu?

MSP: Tak, dia rosak sedikit, kalau setakat kertas, boleh ditampal. Macam salotape, tiada masalah. Takde menjejaskan apa-apa. Tapi kalau patah, dia memang tercedera lah, cacat, cedera kan, tak boleh, memang tak boleh menampung. Tapi kalau setakat koyak sikit sini (tokoh menunjuk sebagai contoh pada wau), macam ini koyak dia macam ini kan, (tokoh mencari dan mengambil contoh wau yang terkoyak) Haa mana dia tadi yang koyak, umpamanya macam ini, setakat macam ini tiada masalah. Okey, berlubang macam ini, ya, ambil salotape tampal dengan salotape, dah okey. Ha sini, tampal salotape, dah okey boleh digam, tiada masalah.

Tapi kalau buluh ini patah (tokoh mengetuk buluh dari wau tersebut) memang dah tak boleh. Layang itu takkan terbang.

NAS: Walaupun gantikan dengan buluh sikit?

MSP: Dia gantikan sikit, kalau setakat ikut yang bawah sini, boleh. Tapi kalau kepak, dah tak boleh. Haa dia perbezaan dia, kalau setakat sini (tokoh menunjukkan bahagian bawah wau yang berbentuk kapal) sikit saja boleh, boleh dibuat, tak ada masalah. Kita ambil buluh yang kecil, kita memang ada bawakkan, semua *standby* [bersedia], semua barang itu semua cukup (bunyi wanita bersin), kalau untuk sini, kita boleh. Tapi, itu pun nak kena *balancing* [seimbang] sini juga, pasal dia dah lari. Kalau sini okey, sini dah di tambah, so dia dah lari, lari, berat sebelah dia dah lari. Ha itu nak kena kita *balance* kan juga. Tapi kalau yang ini (tokoh menunjuk bahagian kepak badan wau) dah patah, dah tak boleh. Memang (ayam berkokok) layang dia tak stabil. Dah tak stabil, itu sahaja. Kelebihan dia dan kekurangan dia, macam itu lah. Perbezaan dia.

NEB: Jadi berapa lama tempoh pertandingan ini dijalankan?

MSP: Maksudnya dalam faktor satu penerbangan ataupun satu *game* dari pagi sampai ke petang, haa dia macam itu.

NEB: Pagi sampai ke petang.

MSP: Woi, sampai ke senja kadang-kadang, tengok pada penyertaan. Kalau penyertaannya terlampau sampai lapan [8], seratus [100] biji layang kat atas sampai ke 1000, boleh sampei [sampai] waktu pukul tujuh la. Tapi kalau dalam lima ratus [500] hingga ke enam ratus [600] biji layang, dia hanya pukul lima [5], lima setengah dia akan habis. Akan selesai, kita akan dapat keputusan, siapa yang juara, siapa yang balik makan angin, siapa yang tak minum kedai pun (tokoh ketawa) biasalah. Namanya pertandingan kan, ada kalah ada menangnya.

NEB: Boleh saya tahu untuk pertandingan itu, macam mana pemenang itu dikira?

MSP: Diiktiraf jadi pemenang? Kalau saya nak tunjukkan, pasal alat-alat itu, saya tak -
- bukan saya tak ada, benda itu ada, tapi saya tak ada bawa kat sini lah. Dia – pertama, dia ada tiga [3] orang kat situ, juri kat situ itu, tiga [3] orang. Satu tangkap tali, yang satu masuk tempurung dalam air, dan satu akan, dia akan cucuk benang itu. Haa ini yang kalau ada tempat itu, *time* [masa] ada *game* haa kamu akan tengok lah nanti macam mana, sekali. Dia baldi ini ada air tau, haa lepas itu kita ada tempurung, tempurung sains ini, kita ada sahab dia, tempurung itu ada berapa *second* [saat]. Haa tujuh [7] *second* [saat], sebelas [11] *second*, empat belas [14] *second*. Tapi kita sekarang, guna kan kebanyakan tujuh [7] *second*. Bila layang itu, diorang sudah tarik semua, dia dah dipacak dekat besi, dia akan tempurung itu akan dimasukkan dalam air, dalam baldi itu. Bila tempurung itu dah turun, dia akan - - haa juri itu akan wisel, bunyikan wisel. Mereka wisel, layang itu - - dia ada satu pegang cucuk, macam pedang lah kan, dia akan tembak benang, layang tiga belas biji ini, macam ini, dia akan dicucuk macam ini (tokoh menunjukkan contoh wau dicucuk semasa pertandingan). Berapa yang kena, kalau tiga, tiga lah. Bermakna yang tiga itu akan dapat, tapi

kalau yang lain, tak akan dapat. Haa itu layang itu kita kena pilih itu, pasal layang itu semua nak kena terpilih. Bukan senang kerja buat ini, memang susah layang itu nak kena baik, kalau tidak kita penat membazir sahaja. Haa itu sebabnya, macam itu caranya. Benda itu ada, saya memang ada, saya buat sendiri. Memang semua, macam saya, ketua kan, orang panggil, setiap ketua mesti ada - benda ini semua. Siap air, siap tempurung, siap pedang, saya semua ada. My homlet memang ada, saya memang, dulu saya pun ada buat kerja macam itu, tapi sekarang saya dah tak nak buat itu, saya nak main. Jadi orang yang buat, jadi kalau orang nak suruh saya, saya ada benda itu, semua ada. Ada simpan, saya memang - -

NEB: Jadi cara permakahan bukan dari segi macam siapa bertahan lama?

MSP: Tiada. Dulu kita siapa lama, - - itu pun dalam berapa lama, kita pun dalam lima belas [15] *second*, kalau yang, siapa yang lambat jatuh, ha yang itu kamu katakan juara kan. Ini tak ada, sekarang dia ikut masa. Purata tujuh [7] *second*, cukup dia akan ambil berapa biji, contohnya dia ambil lima [5] biji, nasib lah siapa yang dapat. Mana layang yang tak *speed* [laju] naik atas, tak akan dapat. Dia nak layang yang *speed*, yang laju. Yang tegak (tokoh membuat gaya tegak sebagai contoh ketegakkan sesebuah wau kapal naik ke langit), dia macam itu. Ini yang dikatakan, sekarang dikatakan ini, bukan wau tegak lagi tau, sekarang wau lajak dikatakan, wau lajak. Pasal dia nak lajak kedepan, nak pantas, itu sebab dia taruk [letak] timah lebih, kepala itu (tokoh merujuk kepada bahagian kepala wau kapal). Haa dulu tak ada, dulu *stay* [kekal]. Kita boleh satu tegak macam ini, dalam masa lima belas [15] *second*. Sekarang tak boleh, tujuh [7] *second*.

NAS: Sejak bila nama wau kapal tegak dengan wau lajak itu ditukar?

MSP: Ha ini belum lama, belum lama. Itu lebih kurang dalam dua tahun. Haa itu lebih kurang dalam dua tahun, haa itu tak boleh kita nak bentangkan kat situ, pasal nanti takut perubahan itu kita tak berani nak cakap lah. Pasal ini belum dibawa ke kabinet persatuan layang-layang, kita pun tak berani. Tapi memang macam itu cara dia, memang. Belum lama, haa wau lajak ini, dalam ukuran dalam dua tahun lah. Kalau itu, wau tegak betul, sedap-sedap woo (tokoh gembira). Dia memang - - kita memang, puas hati kan, sekarang lajak woo (tokoh terkilan) sakit kepala, ramai yang dah tarik diri. Pasal layang itu dah buat memang nak kena *stay* [kekal] betul, memang nak laju, nak laju (bunyi wanita bersin) kedepan, dalam masa tujuh *second* itu, jangan jatuh layang itu. Kalau le - - kita dah tujuh *second* (ayam berkokok) cukup, belum masa, layang dah jatuh, tak dapat kira. Haa dia macam itu, tujuh *second*, ngam-ngam diorang amik benang itu, tali kita layang kita, haa itu baru kira betul. Ini kalau layang kita terlampau laju, terlampau *speed* lajak, tapi jatuh, dah tak kira. Dah tak kira, dia adalah dekat situ, memang dah ada kita, dah tahu lah semua masing-masing. Memang (ayam berkokok) pelayang-pelayang ini, semua dah beritahu dah. Haa macam itu lah.

NAS: Okey wak, sebelum kita masuk persatuan wau, macam mana wak simpan wau-wau semua ini? Wak simpan selepas dah siap wau, ataupun dah selepas habis pertandingan ke, wau itu akan disimpan macam mana? Adakah dia akan diletakkan sahaja ke?

MSP: Tidak, bila kita sudah habis, menjuarai atau tak menjuarai kan dalam persatuan itu, kita layang itu masing-masing bawa balik masing-masing. Macam dia punya, dia punya, aku punya, aku punya. Semua masing-masing, berkecuali kalau kita dekat kelab, kalau umpamanya, macam budak-budak lain itu, “haa biarlah wak,

layang dekat sini, wak jaga dekat sini”, apa. Haa itu lain, tapi biasanya kalau kita pergi, kita nanti kumpul satu kereta, kita naik satu kereta, balik pun kita sama bawa masing-masing. Haa dia macam itu sahaja.

NAS: Kiranya dibawa balik ke rumah sendiri lah?

MSP: Haa (tokoh mengiyakan) rumah masing-masing. Yang nak dibetulkan ke nak di apakan , kita kena masing-masing lah.

NAS: Adakah wau itu boleh diletakkan macam itu sahaja, atau perlu gantung?

MSP: Tiada, macam kita - - ikut – tak boleh, kita - - kalau yang sangkut, kita sangkutkan, kalau kita nak sandar, sandarkan betul-betul. Dia tak boleh main campak-campak, tak boleh. Tak boleh, kita nak kena taruk [letak] elok-elok bagi dia. Haa macam dekat rumah saya itu, saya dalam bilik saya khas lah, memang - - kalau dekat bawah, bawah, dekat atas, atas lah. - - tapi dia – memang ikut dia tak bersepah, tak ada lah. Macam itu, memang ikut, ikut peraturan lah.

NAS: Okey wak, macam wak cakap, wak ada masuk persatuan kan, boleh saya tahu nama persatuan tu persatuan apa?

MSP: Ini dia (tokoh menunjuk logo yang ada pada baju beliau) PKS betul tak?

NAS: Pelayang Kapal Selangor (membaca nama persatuan pada baju tokoh)

MSP: Betul tidak- - Betul kan, tengok ini. Ini lambang dia ini.

NAS: Dah berapa lama wak masuk?

MSP: Uii kalau saya nak ikutkan dalam ini lebih dari dua puluh [20] tahun saya rasa. Itu memang keadaan dia itu kadang-kadang *time* [masa] musim main, main, tiada musim tiada kan. Pasal tengok cuaca kan itu sahaja. Saya ingat jersey PKS ini dah bewarna-warni dah lepas saya dah beberapa tidak tahu kali pasang pakai tidak tahu dah. Bertuko-tuko - - [bertukar-tukar] ya betul. Ini lah, bukan saya nak yang persatuan dia kan, haa ini lah dia. Gambar dia pun gambar layang belakang. (tokoh menunjukkan bahagian belakang bajunya) Kapal Selangor kan.

(mengambil gambar)

NAS: Jadinya sejak umur berapa wak masuk dalam - -

MSP: Dalam kelab persatuan ini la? Saya rasa umur saya dah enam puluh satu [61] sekarang, dah kalau dua puluh [20] tahun umur, umur empat puluh [40] tahun lah lebih kurang tiga puluh sembilan [39]. Saya rasa lebih la pasal saya pun pikir-pikir dulu memang lebih saya rasa tapi lebih kurang dalam dua puluh [20] tahun, dua puluh lima [25] tahun la macam itu la.

NAS: Nak masuk kelab ini ada ciri-ciri apa yang diperlukan?

MSP: Kita masuk kelab ini kita ada layang, layang-layang dan kita ada kemahiran menerbangkan layang umpamanya macam itu lah. Kita faham cara layang, keseluruhan layang-layang ini kita faham. Okey, baru boleh terima macam itu.

NAS: Kiranya kena tahu serba sedikit lah baru boleh masuk?

MSP: Haa baru masuk. Kalau tidak tahu kita boleh ajar. Itu orang baru kita ajar kita didik - - macam itu sahaja. Tapi memang, yang penting memang dah tahu.

NAS: Wak dah menyertai pertandingan ini dah berapa kali?

MSP: Uuui ya allah. Nak dikira sampai terlupa la (ketawa). Terlalu banyak kali dah. Dari dulu macam mana kita sampai terlupa saya. Tapi tidak kurang daripada empat puluh [40] kali saya rasa. Tidak kurang dari empat puluh [40] kali la.

NAS: Wak ingat tidak tahun bila yang wak menang?

MSP: Saya rasa saya dapat hadiah, dapat hamper, dapat duit, itu masa dulu kita cuma dapat ringan-ringan saguhati saya tak nak kira la. Saya ambil podium la kan. Kalau podium macam saya tiga [3] orang ni pun buat sama-sama kan, yang podium baru -baru yang terbaru senang cite la 2000 - senang cerita lah. Tahun sebelum pkp. Masa pkp. Saya rasa tahun 2017 (tokoh berfikir) Tahun 2017 saya ada juara. Haa juara -- . Dan 2015 saya naib juara. 2016 saya cuma dapat saguhati , dua [2] saguhati macam itu lah. Itu yang saya ingat-ingat. Dulu tak ingat lah.

NAS: Yang juara itu wak menang kategori apa secara keseluruhan?

MSP: Keseluruhan lah. Kita yang terbaik - dan yang layang itu menjuarai memang tiada memang yang paling *stay* yang paling depan lah dalam masa itu, dia macam itu.

NAS: Jadi apa kenangan manis wak dalam penghasilan wau ini?

MSP: Kenangan manis bila kita mendapati menjuarai lah paling tidak pun nombor satu [1], dua [2], tiga [3], dapat nombor empat [4], nombor lima [5] pun dah cantik dah pasal kita saingan dia berat beratus-ratus biji wau. Bukan dua [2], tiga [3] biji. Kalau kita dapat nombor sepuluh [10] terbaik dah kira alhamdulillah dah. Betul saya cakap. Kepuasan kita memang ada dekat situ tau.

NAS: Jadinya yang wau juara itu disimpan di persatuan punya?

MSP: Oh, itu tidak, pasal *personal* [peribadi] kita tidak boleh. Itu *personal* itu lain. Kita ada persatuan tapi layang *personal* masing-masing. Hadiah boleh taruk [letak] dekat sana kalau macam piala-piala boleh simpan dekat sana tidak apa. Tapi layang tidak boleh pasal layang itu hak kita jadi kita kena simpan sendiri. Masalah duit itu kita nak belanja nak makan sama itu lain ceritanya. Tapi layang masing-masing tidak boleh bawa. Nanti dia akan diklon - - ini bukan apa la ada orang akan tengok setiap semua. Itu biasanya macam itu la. Kebiasannya la.

NAS: Yang juara itu dia antara kawasan ke macam mana?

MSP: Keseluruhan. Kalau katakan Selangor semua datang, dan juara pun satu [1] itu lah juaranya. *Personal* [peribadi] dia macam itu. Memang sedap. Itu la kepuasan dia. Macam itu la bila dapat ranking.

NEB: Okey wak, kita dah hampir ke penghujungnya. Sekarang nak tanya wak punya harapan untuk Wau Kapal ini.

MSP: okey.

NEB: Apakah harapan wak terhadap anak muda yang ingin meneruskan legasi wau kapal ini?

MSP: Iya lah, kalau boleh kan, generasi akan datang ini, memang satu daripadanya, zaman moden kan (ayam berkokok), zaman moden teknologi pun dah canggih-canggih, masing-masing semua, jadi budak-budak sekarang ini pun, memang banyak pada ini lah, benda ini kan (tokoh merujuk kepada telefon bimbit) semua kan, saya tak menafikan. Anak siapa pun, anak saya sendiri sekali pun. Saya tak menafikan lah benda ini, tapi cuma ada lah terhalang - - Tapi kalau boleh lah, jaman [zaman] anak-anak sekarang ini, kalau ada tiga empat adik beradik, salah satu mesti nak ada yang menceburi dalam seni, layang-layang, ataupun gangsing [gasing], ataupun seni kebudayaan lah. tradisional kita ini, nak kena mewarisi lah paling tidak lah. Kalau tak ada pun anak sendiri, anak buah, tak ada anak buah, anak kawan, ataupun budak-budak kampung. Mana yang dia nak menceburi kan, kita ambil. Kita buat, kita sambungkan untuk masa depan akan datang. Kita tak tak tahu, sampei [sampai] bila kita ni kan, *wallahuaklam* [merujuk kepada bahasa arab yang bermaksud dan Allah jua yang lebih mengetahui] (ayam berkokok) tapi seni kebudayaan ini memang dari asal kita nenek moyang kita dari dulu pun sudah ada. Kita pun sambung lah, macam itu lah, seterusnya lah. Saya minta-minta pun semua begitu. Pelajar-pelajar pun tak - - korang semua, pelajar-pelajar pun ada juga yang buat program-program macam ini. Betul tak? Memang ada. Pasal tahap pelayang ini, tradisi ini, bukan

sampai ke pangkat negeri, ke tahap negeri, D.O, apa semua, menteri-menteri semua memang ada buat. Haa itu kami - - kalau boleh, anak- anak ke siapa-siapa, teruskan lah, perjuangan ini, seni kebudayaan ini. Seni warisan lah, seni warisan nama nya. Senang cerita, itu sahaja lah.

NEB: Untuk wak sendiri, apa yang wak buat untuk macam nak ajak generasi muda ini?

MSP: Saya, kalau saya cara saya begini. Saya tengok *point* [tujuan] dia. Kadang-kadang ye, kita ada rezeki, umpamanya kewangan. “eh jom ikut saya jom” “mana wak?” dia cakap, “main layang”. “No lah wak, duit nanti tak” - - okey takpa, saya bayar. Walaupun saya tak dapat duit dari - -, saya kalah umpamanya, dalam pertandingan itu, saya tak dapat *ranking*, umpamanya. Saya ajak budak, saya akan bayar budak itu, supaya dia mesti lama-lama “ouhh dapat duit, wak ini bagi duit”, haa besok dia ikut balik, dia nak ikut balik. Haa jadi dari – cara dekat situ kita ajak dia. Budak-budak ini, lain, zaman sekarang dengan dahulu lain. Kalau jaman [zaman] dulu " Jom!" “Wei jom!”. Sekarang tak ada, “topup wak nak isi dulu topup”, haa kita bagi duit pujuk bebaik. Betul, kalau makan time tengah hari, makan, makan. Betul, walaupun saya tak dapat *ranking*, tak dapat hadiah, tapi saya yang saya bawa budak ini, saya kena tanggungjawab saya. Haa dia macam itu. Tanggungjawab lah, kepentingan itu sahaja pada budak-budak.

NEB: Itu yang wak lakukan untuk ajak generasi muda, tapi apa yang wak buat untuk kekalkan wau kapal ini berterusan?

MSP: Tapi, kalau untuk saya, ada kelab. Kalau ada kelab bermakna ada kekalkan. Haa pasal dia kelab ini ramai orang, kalau *personal*, alaa saya tak nak, memang dah tak ada lah kan. Tapi kalau ada kelab, ada persatuan, engko [engkau] tak ada, dia ada, dan dia tak ada, yang dia ada. Haa dia macam itu, sentiasa hidup la. Kalau boleh terus berpanjangan sampai bila-bila lah.

NEB: Jadi wak nak kekalkan melalui persatuan sahaja lah?

MSP: Haa persatuan, memang ada persatuan, ada kelab. Memang betul. Memang nak ada itu.

NEB: Tadi wak ada kata, wak nak ke peringkat D.O?

MSP: Ke mana?

NEB: Yang tadi yang wak ada sebut dekat - - saya ada tanya, untuk meneruskan legasi seni wau ke atas kan?

MSP: Haa (tokoh mengiyakan)

NEB: Wak ada sebut wak nak teruskan sampai tahap D.O.

MSP: D.O itu macam majlis lah, macam majlis daerah, haa buat majlis daerah - -

NEB: Macam wak sendiri cakap tadi, untuk wak sendiri nak kekalkan wau ini, dengan adanya persatuan, jadi dekat persatuan itu, apa yang pula mereka buat untuk kekalkan wau ini?

MSP: Dia ada aktiviti lah, umpamanya ada aktiviti lah. Selalu ada buat aktiviti perjumpaan, haa mesyuarat, haa cadangkan antara satu sama lain, okey, kita ni besok kita buat program, kita main layang *group* kita, tertutup. Haa itu - - macam itu lah kita ada bincang-bincang semua. Itu tertutup, memang untuk persatuan sahaja semua. Bila *open*, seluruh – kalau boleh - Malaysia, Malaysia lah. Tapi kebanyakan seluruh Selangor lah. Dia macam itu, itu menyeluruh, *open* kan. Kalau yang tertutup, bermakna, itu kelab kita, kita punya. Haa dia macam itu.

NEB: Jadi ada apa-apa perkara lain tak yang wak nak kami tambah dalam pendokumentasian kami ini supaya anak muda lebih tertarik pada kesenian wau?

MSP: Saya nak cakap pun susah juga ini, benda ini pasal anak-anak muda itulah, saya memandangkan - - memang ada, bukan tak ada, ada. Tapi dia tenggelam timbul

lah umpamanya. Sekejap besok ada, sekali besok main lagi, tak ada, penat kan, memang dia main layang ini (bunyi motosikal), perlukan tenaga, mental, itulah fizikal apa semua itu, meliputi lah. (ayam berkokok) Faktor usia, panas, apa semua kita kena, kena *control* [kawal]. Cabaran dia pun besor [besar] juga macam itu, tak ada semudah apa yang kita tengok haa. Bila kita turun padang kita sendiri, kita main layang ini, tahu lah kita macam mana. Pasal dalam masa - - kita pagi kena buat pendaftaran, bila pendaftaran, dia cakap “okey, pendaftaran tutup pukul sembilan setengah, pukul sepuluh layang akan terbang, penerbangan pertama”. *Time* [masa] itu lah kita nak semua, kadang keperluan tenaga, kita _____ semua kena tanggung tau. *Time* itu juga lah, sampai ke tahap bagi masa, “okey, sekarang waktu zuhur, kita berhenti seketika, untuk sembahyang solat, apa semua solat kan, pastu kita sambung balik”. Ha itu sahaja, sampai ke petang. Sampai waktu asar. Ini memang berat - - betul, saya cakap (tokoh ketawa), memang berat.

NEB: Jadi wak tak ada nak tambah apa apa lagi?

MSP: Saya rasa saya tak berani nak cakap, nak tambah apa lagi, pasal kita pun tak tahu. Mana yang ada, ini lah yang saya cakap macam itu, Saya nak tambah-tambah lagi, saya tak, tak berani lah. Cuma saya harap-harap minta-minta kalau boleh itu, bior [biar] ada – yang belakang ini ikutlah, itu sahaja. Tapi insyaAllah lah ada, insyaAllah ada - -.

NEB: Jadi dengan itu, temuramah ini akan di dokumentasikan dan tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai pendokumentasian sejarah lisan bersama Encik Mohd Sahirin Bin Pono. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan temubual ini. Sekian terima kasih.

MSP: Okey, pihak kami pun sama juga begitu juga sebaliknya ya? Terima kasih pada pihak kamu semua lah. Ini pun apa yang saya jelaskan, ini yang saya tahu dan apa yang saya faham, dan saya mengalami lah benda-benda ini semua ya. Itu sahaja lah yang dapat huraikan lah benda ini. (Tokoh ketawa)

NEB: Terima Kasih Wak.

MSP: Sama-sama.

TOKOH KEDUA: TUAN NUJIR BIN SARDONO

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah tradisi mengenai wau kapal, iaitu tentang sejarahnya, cara pembuatan wau kapal serta cabaran, strategi dan banyak lagi bagi memartabatkan seni warisan di selangor. Bersama-sama kami ialah Tuan Njujir bin Sardono yang merupakan seorang pembuat wau kapal. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 28 mei 2023 bersamaan dengan hari Ahad pada pukul 5:35 petang bertempat di Banting, selangor. Temubual ini dikendalikan oleh Saya nur aina sofia binti idris dan rakan saya Nur elyna balqis binti hamzah. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

NAS: Seperti yang kita tahu pakcik juga merupakan salah seorang daripada penggiat dalam pembuatan wau kapal. Jadi boleh pakcik ceritakan serba sedikit latar belakang pakcik? Apa nama penuh.

NSA: Nama saya Ngujir bin Sardono. Saya berasal dari kampung Labuhan Dagang. Dilahirkan di sini juga.

NAS: Boleh pakcik ceritakan serba sedikit mengenai latar belakang keluarga pakcik?

NSA: Semua keluarga saya semua lahir disini. Kebanyakannya bekerja kampung lah dan saya kerja *wireman* untuk kereta lah.

NAS: Maksudnya selain daripada membuat wau juga bekerja sebagai wireman kereta.

NSA: Ya (tokoh mengiyakan).

NAS: Boleh saya tahu nama ibu dan bapa pakcik?

NSA: Nama mak . Nama bapa Sardono bin Surprim.

NAS: Berapakah jumlah adik beradik pakcik?

NSA: Adik beradik lapan [8]orang dan dua [2] orang sudah meninggal. Tinggal enam [6] orang. Perempuan dua [2], lelaki enam [6].

NAS: Dan pakcik anak ke?

NSA: Saya anak yang kedua.

NAS: Apakah nama isteri pakcik?

NSA: Zuraidah binti Osman.

NAS: Pakcik mempunyai berapa orang anak?

NSA: Lima [5] orang anak.

NAS: Apa yang mereka sedang lakukan sekarang?

NSA: Empat [4] orang dah bekerja, seorang sekolah lagi.

NAS: Macam mana pakcik boleh minat dalam pembuatan seni wau kapal ini?

NSA: Sebab kita bercampur (bunyi kamera) dengan masyarakat yang memang ada minat layang-layang ini la. Sedikit sebanyak mungkin terpengaruh jugak la.

NAS: Jadi macam yang seperti pakcik cakap, adik beradik pakcik ada?

NSA: Lapan [8].

NAS: Lapan, adakah salah seorang daripada mereka juga terlibat dalam pembuatan wau?

NSA: Adik beradik tiada, bapa dulu ada terlibat dalam pembuatan wau.

NAS: Kiranya daripada bapa lah encik minat?

NSA: Ya.(mengiyakan)

NAS: Selain daripada bapa, kawan-kawan juga ada yang terlibat dalam pembuatan wau ataupun tiada?

NSA: Dia ramai juga la di kalangan masyarakat yang suka buat wau dan pandai buat wau.

NAS: Siapa yang mendorong atau penguat semangat untuk teruskan seni ini?

NSA: Benda itu hobi kan. Saya tiada hobi lain selain daripada main layang-layang.

NAS: Jadi pada umur berapa pakcik mula minat dalam pembuatan wau ni?

NSA: Sejak sekolah la dulu daripada buat (bunyi kamera) daripada kertas, di bentuk layang-layang. Sekolah rendah la.

NAS: Sekolah rendah.

NSA: Haa. (mengiyakan)

NAS: Jadi sudah berapa lama pakcik dalam bidang ini dari dulu sampai sekarang?

NSA: Lebih daripada empat puluh [40] tahun.

NAS: Jadinya wak memang (tersalah sebut wak) jadinya pakcik memang minat dalam semua pembuatan jenis wau?

NSA: Ha, iya lah.

NAS: Okey, boleh saya tahu latar belakang pendidikan pakcik?

NSA: Dulu, saya dulu sekolah tingkatan satu [1] tingkatan tiga [3] di Sekolah Menengah Bukit Changgang [Selangor]. Tingkatan empat [4] sampai enam [6] atas di Puan Rahimah Klang [Selangor]. (bunyi barang terjatuh)

NAS: Jadi adakah tempat pengajian itu memang terlibat dalam *skill* [kemahiran] pembuatan wau ataupun macam mana?

NSA: Bukan. Tiada. Dia belajar formal biasa.

NEB: Untuk soalan seterusnya, kita akan tanyakan soalan pada pak cik, tentang apa yang pak cik tahu tentang wau kapal. Soalan pertama, Apakah perbezaan wau dengan layang-layang?

NSA: Mungkin dia bahasa sahaja, kebiasaan Selangor, dia layang-layang. Kalau di pantai timur, Wau. Bendanya sama sahaja.

NEB: Boleh pak cik ceritakan lebih tentang wau di kawasan Banting ini?

NSA: Kawasan Banting ini memang terkenal Wau Kapal lah, tapi lain-lain wau pun ada, cuma dia jadi ketengah kan lah. Wau Kapal ini, kira mungkin sinonim dengan negeri Selangor. Sebab mungkin dulu-dulu, mereka ada pelabuhan ke, apa kan, jadi itu salah satu faktor yang menjadikan Wau Kapal ini kira wau rasmi negeri Selangor.

NEB: Okey faham. Tadi pak cik ada cakap, ada selain wau kapal, wau apa lagi ye yang ada dekat sini?

NSA: Ada, wau burung, wau bulan, wau itik, wau kapal pun ada wau kapal terbang.

NAS: okey kenapa wau yang sebelum itu macam tak berapa terkenal sangat?

NSA: Tak sangat sebab penggiatnya kurang, dia lebih kepada wau kapal, sebab boleh bersaing, boleh jumpa kawan-kawan daripada luar daerah.

NAS: Adakah wau-wau yang sebelum itu, dia tidak dipertandingkan?

NSA: Haa itu biasanya cuma hobi, bila ada musim angin. Sedangkan layang-layang wau kapal ini boleh ditarik walaupun tanpa ada angin.

NEB: Okey saya masuk balik kepada wau kapal, apa yang pak cik boleh kongsi tentang latar belakang wau kapal, yang pak cik tahu?

NSA: Wau Kapal yang ada sekarang pun, berbeza dengan yang dahulu. Yang dahulu ini, untuk main petang-petang sahaja. Yang sekarang, wau kapal yang ini dipertandingkan.

NEB: Adakah asal usul wau kapal ini berasal daripada Banting ataupun dia berasal daripada daerah lain ataupun negeri lain?

NSA: Mungkin kalau ikut sejarahnya, memang daripada Jeram, Sabak Bernam. Ikut sejarah lah, dahulu layang-layang apa dipanggil – layang-layang Jeram, tapi apabila benda itu dah dirasmi, jadi layang-layang Selangor sudah diiktiraf, sebagai layang rasmi Selangor diubah nama lah kepada layang-layang kapal Selangor.

NAS: Jadinya dari Jeram dibawa kesini-kesini, jadinya - -

NSA: Jeram itu Selangor lagi, Sabak Bernam. Dekat sana kawasan sawah padi, Sabak Bernam. Jadi ada mungkin tapak menuai ke apa ada, baru peluang dia main layang-layang lah itu.

NEB: Jadi wau kapal ini dia ada tak kisah tersirat yang ramai orang tidak tahu?

NSA: Untuk ini tak pasti, yang pastinya memang saya lahir itu, wau kapal ini sudah ada. Sejarah yang dulu, ye mungkin. Daripada Indonesia ke orang kemari, bawa sekali kesenian ini pun kita tak faham.

NAS: Jadinya wau Jeram itu masih ada sampai sekarang lah tapi tak di pertandingan ke macam mana?

NSA: Haa wau Jerai rasa ada. Tapi itu biasa untuk hobi sahaja lah.

NAS: ouhh hobi sahaja.

NEB: Apakah keistimewaan wau kapal berbanding wau yang terdapat di negeri lain?

NSA: Wau Kapal disini (ayam berkokok) sebab dia – kelajuan lah, biasa lebih cepat.
Selepas itu, cuma dia masalah nya senang jatuh sahaja.

NEB: Kenapa pak cik memilih untuk meneruskan legasi wau kapal ini?

NSA: Aaa (tokoh berfikir) sebab kita memang dari kecil hobi kita itu sahaja.

NEB: ouhh sebab hobi la?

NSA: Ha'ah.

NEB: Jadi pada pendapat pak cik, apakah kelebihan pak cik dalam pembuatan wau kapal ini yang orang lain tak ada?

NSA: Kalau membuat kap- layang-layang ini, lebih kurang semua sama sahaja, cuma komitmen masing-masing mungkin berbeza lah. Haa macam saya tidak buat wau kapal sahaja, kadang-kadang wau bulan pun ada, wau burung pun ada, tapi wau burung ni saya - - pada mu- dia musim angin, buat sahaja lah, kita boleh buat ini.

NAS: Jadinya wau burung itu dimain sahaja-sahaja je lah

NSA: Haa main saja-saa. Sebab kita tak tahu mungkin spek mana nak dipertandingkan, dia pun tak, tak berapa pasti. Kalau wau selangor ini, boleh dipastikan kelajuan dia, lagi – lagi satu, *maintain* [mengekalkan] nya di udara itu boleh ditandingkan lah. Kalau yang mana jatuh dulu itu dah dikira kalah kan, haa.

NAS: Kiranya wau burung ini adalah kawan-kawan sekali yang main

NSA: Haa (tokoh mengiyakan) ada lagi.

NEB: Pak cik ada tak rujuk mana-mana tokoh dalam pembuatan seni wau?

NSA: Tak rasa - - cuma kita melihat (ayam berkokok) dan buatnya rujukan itu, tak ada,
Tak ada rujukan.

NEB: Ouh okey, jadi selain daripada orang, pak cik tak ada rujuk sesiapa - -

NSA: Tak ada

NEB: Jadi buku-buku pun tak ada?

NSA: Cuma kita rujuk, cuba buat bentuk yang orang buat lah, macam itu. (ayam berkokok) haa kira kalau kapal selangor, macam mana bentuk, kita cuba buat.

NEB: So, rujuk untuk sekadar tengok bentuk - -

NSA: (tokoh mencelah) haa (tokoh mengiyakan)

NEB: Nak buat itu sendiri

NSA: Sendiri. Sebab meraut layang-layang, layang kapal ini lagi mudah daripada kita buat layang-layang macam bulan. Lagi susah layang-layang bulan, dia nak merautnya daripada kapal, layang-layang kapal lah

NAS: Jadinya antara semua wau yang pak cik sebut tadi itu, wau kapal sahaja yang paling senang nak buat?

NSA: Wau lain - - senang dia ringkas.

NAS: ouhh ringkas.

NSA: sebab dia punya (ayam berkokok) ekor kecil (tokoh merujuk kepada bahagian bawah wau) yang lain semua ekor panjang, besar. Macam wau bulan, dia macam bulan jadi panjang. Kalau wau kapal, dia cuma lebih kepada tiga kaki sahaja. Kalau wau bulan, buluh nak panjang paling tidak enam kaki.

NAS: Jadi remeh sikit lah cara pembuatan dia

NSA: Haa (tokoh mengiyakan) remeh sedikit, ha'ah remeh sedikit.

NEB: Pak cik sebagai pembuat wau kapal, apakah pencapaian membanggakan dalam dunia pembuatan wau kapal sebagai seorang pembuat wau?

NSA: (bunyi zink rumah) Kalau saya pernah jadi juara pertandingan wau kapal.

NAS: Pada pendapat pakcik, ada tak tips yang pakcik boleh kongsi untuk hasilkan wau itu yang menarik dan terbaik?

NSA: Minat lah. Kita minat kalau boleh jangan terlalu gopoh bila kita buat layang-layang.

NAS: Memandangkan tidak semua orang ada cara dia nak naik kan wau, jadi macam mana pakcik boleh naikkan wau itu dengan betul semua nya tips dia?

NSA: Tips dia bermakna kita naik kan wau biasa dua [2] orang. Seorang tarik seorang pegang. Jadi mula-mula kita tarik sahaja dulu mula-mula. Kalau senget, kalau ke tepi kita *adjust* [ubah] la dia punya teraju.

NAS: Pendapat pakcik apa kelemahan wau kapal ini?

NSA: Itulah kelemahan wau kapal ini apabila lepas daripada sembilan puluh [90] darjah, dia jatuh. Mudah jatuh.

NAS: Kenapa ya?

NSA: Sebab biasanya dia kepala dia lebih daripada ekor untuk lajak. Orang panggil lajak. Bila sampai sembilan puluh [90] darjah itu, dia mudah jatuh. Lagi satu [1], sebab ekornya kecil. Kalau ekor besar dia tidak boleh tegak. Dia akan tidak sampai sembilan puluh darjah.

NAS: Limit dia sembilan puluh darjah sahaja?

NSA: Tidak, dia sebenarnya boleh lebih sembilan puluh [90] darjah itu lagi elok la. Lagi lebih daripada sembilan puluh [90] darjah lagi elok.

NAS: Jadi macam mana nak atasi kelemahan wau kapal ini?

NSA: Okey kita cuba mungkin kurangkan kepala ke, (bunyi zink) besarkan kepak sedikit ke bagi mudah untuk mengambang.

NAS: (bunyi zink) Jadi pendapat pakcik adakah pakcik rasa pembuatan wau ini perlu dikekalkan?

NSA: Rasa perlu sebab benda ini tradisi kan.

NAS: Okey macam kita tahu, setiap orang cara pembuatan dia lain-lain, jadi apa teknik yang pakcik gunakan untuk buat wau ni?

NSA: Teknik yang macam mana itu?

NAS: Teknik macam dari segi motif untuk buat wau kapal tu. Corak dia ke?

NSA: Sebenarnya benda ini bergantung kepada kreativiti masing-masing la. Nak buat bentuk macam mana kepak itu, nak bentuk bulat ke nak bentuk bujur ke,

tajam, terpulang kepada masing-masing la apa bentuk yang dia nak buat dia raut la ikut bentuk kesesuaian yang dia nak sahaja.

NEB: Jadi macam contoh Wak Rin tadi dia punya ikut dia punya kreativiti sendiri menggunakan merah dan juga kuning. Jadi untuk pakcik?

NSA: Sebab saya lebih suka warna kuning dan hitam. Sebab dulu saya juara pun saya guna nama JKR [Jabatan Kerja Raya].

NEB: JKR?

NSA: Haa (mengiyakan). Sebab *colour* [warna] kuning dan hitam itu JKR sahaja pakai.

NEB: JKR itu apa?

NSA: JKR itu Jabatan Kerja Raya.

NEB: Ooo (ketawa)

NAS: Ooo (ketawa)

NSA: Sebab dia boleh tidak (ketawa) itu selalu JKR pakai. Saya ambil nama JKR la.
Nama kelab saya la.

NAS: (mencelah) Jadinya sampai sekarang la hitam kuning tu?

NSA: Ha ya la. Jadi itu untuk layangan kapal la. Kalau untuk layangan bulan, lain.
Saya lebih suka warna merah putih. Ikut tujuan la.

NAS: Okey, macam Wak Rin kata, corak patung ini tak berapa sesuai. Jadi pendapat pakcik pulak kenapa?

NSA: Corak apa? (mencelah)

NAS: Corak patung-patung dekat (bunyi zink) wau kenapa tidak sesuai?

NSA: Tidak sesuai ya la sebab kadang-kadang pantang larang pun ada juga.

NAS: Pantang larang yang macam mana? (mencelah)

NSA: Jangan buat benda- benda simbol benda hidup kan. Jangan (tokoh berfikir) apa panggil ini dipatungkan lah.

NAS: Adakah wak buat wau kapal ini dan jual?

NSA: Tiada. Saya tidak jual.

NAS: Apakah cabaran pakcik ketika buat wau kapal ini?

NSA: Cabaran dia kadang-kadang nak cari buluh sekarang dah susah.

NAS: Adakah buluh itu pakcik cari sendiri ataupun -?

NSA: Haa (mengiyakan) semua cari sendiri –

NAS: Bahan-bahan itu memang sendiri beli?

NSA: Sendiri. Kadang beli kadang cari sendiri.

NAS: Pada pendapat pakcik, antara wau tegak dengan tradisional ini mana yang lebih rumit?

NSA: Dari pembuatan wau tradisi, tapi untuk dapat keputusan yang baik susah lagi wau tegak. Pembuatan memang susah lagi wau tradisi.

NAS: Sebab guna corak corak.

NSA: Ha (mengiyakan) guna corak-corak lagi satu dia punya guna buluh yang banyak wau tradisi.

NEB: Untuk pak cik, lepas pak cik dah buat wau pak cik sendiri apa semua itu, kan pak cik akan naikkan kan, okey jadi berapakah ketinggian wau yang paling tinggi yang pak cik pernah naikkan?

NSA: Untuk wau tegak ini, dia biasa dia dihadkan panjang dia. Lebih kurang dia dalam tujuh puluh lima [75] meter ke, haa tapi kalau untuk (ayam berkokok) wau tradisi haa itu terpulang lah berapa banyak benang. Kadang-kadang ada yang 300 meter, ada yang 400 meter.

NEB: Macam yang kami buat rujukan sedikit, pasal wau, wau ini dia ada menghasilkan bunyi, tapi macam ada certain wau dia ada letak sesuatu dekat bahagian kepala dan benda itu yang buat bunyi. Jadi dengan wau kapal, dia ada buat bunyi juga ke?

NSA: Wau Kapal untuk pertandingan tak ada, tapi kalau untuk wau tradisi ada.

NEB: Jadi bagaimana bunyi itu terhasil? Yang tradisi itu?

NSA: Sebab benda itu diikatkan pada batang buluh, batang buluh itu ditarik sampai bengkok, apabila dia punya tali itu kena angin, dia bergetar. Yang situ menghasilkan bunyi.

NAS: Tali itu lah yang menghasilkan bunyi itu

NSA: (mencelah) Haa (tokoh mengiyakan) tali itu bergetar jadi menghasilkan bunyi.

NAS: Adakah pakcik melibatkan diri dalam apa-apa persatuan?

NSA: Persatuan apa Pelayang Selangor lah.

NAS: Sama seperti Wak Rin lah?

NSA: Sama.

NAS: Jadi apa ciri-ciri yang diperlukan untuk sertai persatuan tersebut?

NSA: Dia tiada ciri-ciri tertentu lah. Siapa nak jadi ahli, minat, boleh buat layang-layang boleh menyertai.

NAS: Ooo kiranya tanpa ada *basic* [asas] pon kita boleh masuk.

NSA: Haa boleh-boleh.

NAS: Macam pakcik cakap, pakcik pernah sertai pertandingan, jadi pada tahun bila pakcik *start* [mula] menyertai pertandingan?

NSA: Saya lebih kurang masa itu pelayang tegak ini belum lama sangat. Saya dulu banyak buat layang-layang kampung. Tapi bila tengok buat layang-layang tegak ini lebih senang daripada layang-layang kampung jadi mudah la kita nak buat. Haa ingat dalam tiga [3] tahun lepas macam tu. Dalam tahun 2020.

NAS: Menang kategori apa?

NSA: Dia tiada kategori. Dia memang layang pacak Selangor cuma di buat di Tanjung Sepat [Selangor] la.

NAS: Menang juara la?

NSA: Haa menang juara (ayam berkokok)

NAS: Macam mana pakcik boleh *join* [menyertai] dalam persatuan PKS itu tadi?

NSA: Yela tawaran daripada kawan-kawan sebab saya biasa buat layang-layang kampung sahaja, jadi dia sudah kekal la untuk sertai kelab.

NAS: Maksudnya daripada kawan boleh masuk.

NSA: Haa (mengiyakan).

NAS: Kenangan manis sepanjang pakcik buat wau ini?

NSA: Kenangan manis bila jadi juara dapat duit la.

NSA: (Ketawa)

NEB: (Ketawa) (ayam berkokok)

NAS: Selain daripada dapat duit itu?

NSA: Kita ramai kawan. Jadi kita punya ciptaan bermakna *qualified* [layak] lah.

NAS: Ooo.

NEB: Ooo.

NAS: Kenangan manis juga sebab menang dalam pertandingan (ayam berkokok) ramai kawan semua tu.

NSA: Haa (mengiyakan)

NEB: Untuk seterusnya, saya nak tanya harapan pak cik lah (ayam berkokok) untuk wau kapal ini. Okey, apakah harapan pak cik terhadap anak muda yang ingin meneruskan (bunyi zink) legasi wau kapal?

NSA: Yaa harapannya – mudah-mudahan adalah yang meneruskan tradisi macam ini, supaya generasi akan datang kenal lah wau tradisi negeri Selangor.

NEB: Jadi untuk kekalkan itu, apakah yang pak cik sendiri buat untuk kekalkan wau kapal ini? (ayam berkokok)

NSA: Kita bila kita *test* [uji] layang-layang kita ajak lah budak-budak, untuk tengok.

NAS: Jadi dari situ lah cara pak cik nak ajak

NSA: Kalau ada layang-layang lebih kita bagi dekat dia, biar dia main.

NEB: Untuk temubual kami dengan pak cik, adalah secara ringkas, (ayam berkokok) jadi ada kata tak daripada pak cik sendiri yang pak cik nak tambah untuk kami masukkan dalam pendokumentasian tentang wau kapal ini?

NSA: Dia - - mudah-mudahan wau kapal ini boleh jadi lebih dikenali dengan ada di peringkat kebangsaan ke apa macam itu lah.

NEB: Jadi dengan kata itu, temuramah ini akan di dokumentasikan dan tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai pendokumentasian sejarah lisan bersama Encik Njujir Bin Sardono. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan temubual ini. Sekian terima kasih.

TOKOH KETIGA: TUAN HAIRIZAN BIN MUSLIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah tradisi mengenai wau kapal, iaitu tentang sejarahnya, cara pembuatan wau kapal serta cabaran, strategi dan banyak lagi bagi memartabatkan seni warisan di selangor. Bersama-sama kami ialah Tuan Hairizan bin Muslim yang merupakan seorang pembuat wau kapal. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 28 mei 2023 bersamaan dengan hari Ahad pada pukul 6 petang bertempat di Banting, selangor. Temubual ini dikendalikan oleh Saya nur aina sofia binti idris dan rakan saya Nur elyna balqis binti hamzah. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

NEB: Boleh kita mulakan sesi temubual ini?

HMU: Boleh, boleh, boleh.

NEB: Seperti yang kita tahu, encik merupakan salah seorang daripada penggiat dalam pembuatan wau kapal, jadi boleh encik ceritakan tentang latar belakang diri encik?

HMU: Saya asal dari Labuan Dagang [Selangor], Kampung Labuan Dagang ini lah saya mula belajar buat wau kapal ini selepas sekolah lah. Lepas sekolah dulu saya belajar main wau kapal, tengok orang itu, macam mana nak buat, ada di situ lah kita naik naik naik sampai sekarang.

NEB: Apa nama penuh encik?

HMU: Hairizan Bin Muslim

NEB: Ada nama panggilan lain untuk kami - -?

HMU: Nak panggil? Ijan boleh.

NEB: Ijan?

HMU: Ijan boleh, Abang Ijan pun boleh. Tak kisah lah.

NEB: (bunyi kamera) Bila encik dilahirkan?

HMU: 1971

NEB: Tarikh? Bulan?

HMU: sembilan [9] - -

NEB: (mencelah) Itu tahun, 1971.

HMU: Dua enam [26]. Sembilan [9]

NEB: Encik sekarang tinggal di mana?

HMU: Saya tinggal dekat Bangi [Selangor]

NAS: (ayam berkokok) jadinya datang sini untuk jumpa - -

HMU: Saya macam mana saya nak cakap ye, (bunyi kapal terbang) sebab dekat sini, orang panggil saya sini balik kampung, kesana saya pun balik kampung, susah juga lah nak jawab sebab macam mana ye.

NEB: Jadi memang selalu ulang-alik lah kan

HMU: Ha'ah memang ulang alik lah.

NEB: Boleh encik ceritakan serba sedikit mengenai latar belakang keluarga encik?

HMU: Saya ada dua orang anak.

NEB: Dua-dua sedang - -

HMU: Satu dah kerja, satu sekolah. (tokoh merujuk kepada status anak-anak nya)

NEB: Boleh saya tahu nama ibu bapa? (ayam berkokok)

HMU: Nama ibu bapa saya? Muslim Bin Daihat, nama ibu,

NEB: Encik ada berapa orang adik-beradik?

HMU: Aaa sepuluh. [10]

NEB: Encik yang ke-?

HMU: Kedua

NEB: Nama isteri encik?

HMU: Norliza.

NEB: Adakah ahli keluarga encik terlibat juga dalam seni pembuatan wau?

HMU: Tak ada.

NEB: Tak ada, encik seorang sahaja?

HMU: Ha'ah saya seorang sahaja yang hobi ini lah.

NEB: Okey, selain daripada keluarga, ada tak kawan-kawan yang turut berminat dalam pembuatan wau?

HMU: Adalah, ramai lah.

NEB: Boleh (ayam berkokok) kami tahu seorang, dua orang yang terlibat sama?

HMU: Nama dia ke macam mana itu?

NEB: Ha'ah

HMU: Nama. Rashid. Macam mana nak cakap ye, itu lah nama - - ye lah dikalangan kita lah, macam itu lah lebih kurang. (ayam berkokok) susah lah nak cakap.

NEB: Siapa yang mendorong encik ataupun jadi penguat semangat encik untuk teruskan lagi seni pembuatan ini?

HMU: Sebab minat, haa sebab minat.

NEB: Adakah encik mahir dalam membuat semua jenis wau atau wau kapal sahaja?

HMU: Haa semua lah. Untuk wau tradisional pun boleh buat (ayam berkokok) untuk wau kapal Selangor pun boleh buat.

NAS: Wau Jeram semua pun boleh lah?

HMU: InsyaAllah [bermaksud, “jika Allah menghendaki”] lah, kalau boleh.

NEB: Boleh ceritakan sedikit apa pekerjaan encik sekarang selain daripada membuat wau?

HMU: Pekerjaan mana ye, pekerjaanya biasa lah, pekerja am.

NEB: Boleh saya tahu latar belakang pendidikan encik?

HMU: Tingkatan 3, sekolah.

NEB: Tempat pengajian encik itu ada tak (ayam berkokok) macam terlibat sama dalam mendapatkan pengetahuan atau *skill* [kemahiran] pembuatan wau?

HMU: Tak ada. (tokoh geleng kepala)

NEB: Soalan seterusnya yang lepas ini saya nak tanya ini, lebih kepada apa yang encik tahu tentang wau kapal. Jadi yang pertama, boleh encik ceritakan sedikit tentang wau dikawasan Banting ini?

HMU: Sebab wau ini dia berbeza-beza. Kalau yang kita reka bentuk macam ini (tokoh merujuk kepada wau kapal lajak), ini untuk wau pertandingan, biasanya. Tapi kalau untuk wau kapal Selangor, yang kira untuk tradisional dia akan berbeza dari segi bentuk dia lah.

NAS: Jadinya, yang orang akan kenal nanti wau kapal Selangor itu, yang ini (merujuk kepada wau kapal lajak) lah?

HMU: Haa (tokoh mengiyakan)

NAS: Kebanyakkan nya kan?

HMU: Haa kebanyakannya yang ini lah, untuk pertandingan biasanya. Sebabnya kalau untuk tradisional ini dia lain daerah, lain bentuknya.

NAS: ohhh, lain daerah lain bentuk.

HMU: Haa dia mungkin sana dia besar sikit, kalau dekat sini mungkin dia kecil sikit.
Haa dia akan berbeza-beza daripada satu daerah ke satu daerah.

NAS: Tapi kalau kapal Selangor ini, satu Selangor sama.

HMU: Haa kalau yang ini dia memang bentuk dia sama.

NEB: Jadi wau kapal ada berapa jenis?

HMU: Kalau wau kapal yang sekarang ini, ada dua jenis lah. Yang satu untuk tradisional, yang satu untuk wau pertandingan.

NEB: Ouhh so untuk pertandingan ini lah yang - -

HMU: (mencelah) Ha'ah wau Selangor, wau kapal Selangor itu pertandingan lah.

**NEB: Boleh encik ceritakan lebih tentang latar belakang wau kapal ini, yang encik tahu?
Contohnya asal usul wau kapal ni, dia memang berasal dari Banting atau di ambil dari kawasan lain atau negeri lain?**

HMU: Dia sebetulnya mula-mula saya masuk bidang untuk pertandingan dia, mula-mula campur-campur. Dia bercampur-campur daripada Sabak Bernam [Selangor] sana sampai lah dekat Tanjung Sepat [Selangor] dia kapal nya masing-masing lah, berbeza-beza macam traditional punya. Tapi lama lama diorang kita ambil pendekatan untuk kita sama kan dia punya bentuk dia kan, haa bermakna yang ini, wau kapal Selangor untuk pertandingan. Jadi kita selaraskan lah benda itu. Untuk kita selaraskan dia punya bentuk dia, sebab kita pun ada juri dia apa-apa (bunyi kapal terbang) jadi apabila kita nak buat sesuatu pertandingan kita kena jumpa dia punya ini lah. Dia nanti, dia akan bagi syarat-syarat pertandingan apa semua, nanti dia akan bagi. Bentuk dia, yang ini tak boleh, yang ini boleh. Haa macam itu.

NEB: Jadi ada tak encik tahu sejarah tersiratnya tentang Wau Kapal ini? Maksudnya selain daripada dimainkan, ada tak dia macam sebagai penanda?

HMU: Tak tau lah, yang itu saya tak tahu lah. Sebab saya - - (tokoh ketawa)

NEB: Kenapa encik pilih untuk meneruskan legasi wau kapal ini?

HMU: Itu lah tadi, minat lah. Sebab kita minat kan, buat sebab kita pembuatan. Apabila kita buat, jadi benda itu baru kita boleh main tapi kalau setengah-setengah orang dia tak boleh buat, dia beli, ha yang itu yang sekejap-sekejap la. Dia cuma macam angan-angan taik ayam lah lepastu habis benda itu. Apabila yang buat ini, macam kami ini buat, benda itu boleh lama lah sebab kita bila kita pertandingan layang-layang itu boleh *challenge* [cabar] dengan masing-

masing layang, itu yang kita jadi kita bangga lah, maksudnya. Seronok kat situ, dia punya *feel* [rasa].

NAS: Dari situ lah yang rasa - -

HMU: Haa (tokoh mengiyakan) kita dapat *feel* [rasakan] macam mana orang buat, kita pertandingan haa.

NEB: Daripada pendapat encik sendiri, apakah kelebihan encik dalam pembuatan wau kapal ini yang orang lain tak ada?

HMU: Tak tau lah, yang itu mungkin sama rata lah. Orang lain nanti yang boleh nampak

NEB: Encik ada tokoh rujukan tak dalam seni pembuatan ini?

HMU: Tokoh itu tak ada lah, tapi untuk kita belajar buat itu adalah, guru-gurunya. Ada guru

NEB: Boleh kami tahu gurunya siapa?

HMU: Haa yang banyak dekat sini, Wak Ismail lah, Bukit Canggang [Selangor], kalau orang kenal, Wak Kancil. Haa itu cuma kita rujukan, tapi kalau kita segi pembuatan, kita sendiri-sendiri sebab memang kita dah buatkan, dah pandai buat jadi kita cuma perlu rujukan yang mana yang perlu, mana yang tak. Itu sahaja.

NEB: Selain daripada rujuk Wak Kancil, ada tak rujuk buku atau - -?

HMU: Buku-buku tak ada, semua pakai _____, sebab saya dulu dekat Bukit Kuching [Selangor] ada satu orang tua nama dia Wak Buang, tapi mereka dah meninggal. Macam dekat Tancun pun kita ada macam Wak Rahman. Ha semua itu, kira dia tunjuk ajar macam itu lah. Tapi dari segi pembuatan kita masing-masing. Jadi -
-

NAS: Selain itu ada tak rujuk dalam internet ke dalam YouTube, cara nak buat ke macam mana? Ada tak?

HMU: Tak ada

NEB: Tadi ada sebut wak apa tadi? Yang dua selain Wak Ismail.

HMU: Ha'ah Wak Rahman. Itu semua dah ada arwah. Wak Buang, nama betulnya saya tak tahu lah tapi itulah yang jadi rujukan kita guna, haa.

NEB: Untuk encik sendiri, apakah pencapaian yang membanggakan dalam dunia pembuatan wau sebagai seorang pembuat wau?

HMU: Yang membanggakan, jadi juara lah. Ha'ah juara. Untuk yang paling membanggakan, itu sahaja.

NAS: Ada tidak tips yang encik boleh kongsi macam mana encik hasilkan wau menarik dengan terbaik?

HMU: Dia tips dia kena buat lah wau ini banyak-banyak dia tidak boleh satu [1], dua [2] wau. Nak kita sentiasa kena buat, buat *upgrade-upgrade* [penambahbaikan] - - dia punya bentuk, dia punya macam mana.

NAS: Tips untuk naik kan wau memandangkan tidak semua orang boleh naikkan wau itu dengan betul.

HMU: Maksud dia macam mana ya?

NAS: Kan nak naik wau kapal ini kan ada cara-cara dia, kalau tidak naik kan dengan betul boleh jatuh. Itu macam mana ya tips?

HMU: Itu kita perlukan teknikal la. Sebab *skill* [kemahiran] dengan teknikal itu pun kita perlu ada. Kalau kita duduk dekat padang ataupun apabila *time* [masa] kita pertandingan kita perlu buat *skill* teknikal dia macam mana. Sebab itu benda itu bersangkutan semua.

NAS: Pada pendapat encik apa kelemahan wau kapal ini?

HMU: Kelemahan dia banyak la. Itu la yang kita perlu *upgrade* [menambah baik] - setiap masa - la. Kita nak kena pertingkatkan - -.

NAS: Contohnya apa kelemahan dia?

HMU: Mungkin daripada segi buluh. Kadang dari segi rautan dia tidak betul ke macam mana kan.

NAS: Kiranya raut buluh ini pun mainkan peranan penting la kalau tidak jadi dia tidak terbang elok semua kan.

HMU: Haah iya (mengiyakan).

NAS: Pada pendapat encik, adakah pembuatan wau ini perlu dikekalkan?

HMU: Perlu lah. sebabnya kita tradisi kita orang melayu kita mulanya daripada situ. Sebab kaum cina ada layang-layang tetapi dia lain. India pun ada tetapi mungkin dia lain. Haa sebab itu (ayam berkokok) jadi kebanggaan kita la orang melayu boleh buat macam ini kan.

NAS: Jadi adakah encik akan memartabatkan seni pembuatan wau ini pada peringkat yang lebih tinggi?

HMU: Iya kalau ada untuk buat pertandingan lebih besar ke daripada ini pun okey.

NAS: Setiap orang ada cara mereka tersendiri untuk buat wau, jadi apa teknik yang encik gunakan untuk buat wau ini?

HMU: Teknik itu macam mana nak cakap, susah jugak la. Itu *skill* [kemahiran] masing-masing lah.

NAS: Adakah encik ada jual wau kepada orang lain?

HMU: Ada.

NAS: Kalau ada berapa harga yang encik jual?

HMU: Biasanya kalau kita kosong, kita buat kosong dia bawak semua (ayam berkokok) barang dia, upah kita buat seratus [100] la.

NAS: Kalau yang sudah siap?

HMU: Sudah siap biasanya dalam seratus lima puluh [150] macam itu. Tapi yang untuk biasa-biasa la. Tapi kalau untuk *game* [pertandingan] boleh mencecah sampai tiga ratus [300] setengah la.

NAS: Ooo kiranya harga untuk pertandingan dengan saja-saja ini lain la.

HMU: Haa (mengiyakan) berbeza.

NAS: Adakah dia punya bahan-bahan pun berbeza macam mana?

HMU: Berbeza dari segi buluhnya, tengoklah kita macam mana buluhnya ke dia punya kertas nak buat macam mana.

NAS: Pada pendapat encik apa cabaran ketika buat wau ini?

HMU: Cabaran dia cuma jadi tidak jadi itu sahaja.

NAS: Okey setiap orang ambil masa yang berbeza (bunyi pintu tertutup) untuk raut buluh tapi kalau encik sendiri berapa lama masa yang diambil?

HMU: Bergantung kepada (ayam berkokok) buluh tu. kalau buluh yang keras agak makan masa tapi kalau yang lembut sikit tu mungkin sekejap la.

NAS: (bunyi motosikal) kiranya satu hari itu boleh siap?

HMU: Boleh - - siap kat luar ni boleh dapat la.

NAS: Pada pendapat encik sendiri, seperti yang kita tahu encik Ngujir dengan Wak Rin ada *colour-colour* [warna-warna] mereka tersendiri, kalau encik pula apa yang encik minat *colour*?

HMU: Saya tidak minat *colour* [warna] apa (bunyi zink) la yang senang. Kalau biru, biru, hijau, hijau itu sahaja (bunyi bendentum)

NAS: Kiranya apa yang ada itu la yang encik guna, ooo betul faham.

HMU: (tokoh mengangguk)

NAS: Okey pada pendapat encik ada tidak petua-petua yang encik amalkan?

HMU: Ahh tiada-tiada.

NAS: Berapa ketinggian wau yang paling tinggi encik boleh naik?

HMU: Yang paling tinggi untuk pertandingan ke untuk yang - -

NAS: Dua - dua.

HMU: Dua-dua. Kalau untuk pertandingan biasa dalam lima puluh [50] meter, dia jarak dia tali itu kita lima puluh [50] meter. Tapi kalau untuk tradisional punya kita boleh satu gulung benang lebih kurang dalam dua ratus [200] meter (bunyi zink) ke macam itu la tiga ratus [300] meter ke dua ratus lima puluh [250] meter ke macam itu la.

NAS: Paling jauh la?

HMU: Ya.

NAS: Adakah encik pernah melibatkan diri dalam persatuan?

HMU: Buat masa ini belum lagi la.

NAS: Jadinya atas diri sendiri la semua ini masuk pertandingan?

HMU: Ha'ah iya.

NAS: Jadinya macam encik cakap tadi encik pernah juara, jadinya itu adalah persendirian juga?

HMU: Persendirian.

NAS: Pada tahun bila?

HMU: Macam mana eh dalam 2000 jugak la. 2000 dua [2], tiga [3] kali la. Dalam daripada 2020 sampai 2023 ini dalam dua [2], tiga [3] kali la saya jadi juara.

NAS: Itu juara keseluruhan.

HMU: Haa ya ya, juara keseluruhan untuk sesuatu pertandingan kita yang menjurai.

NAS: Satu selangor ini?

HMU: Haah.

NEB: Jadi macam mana encik tahu pasal pertandingan itu? Macam Wak Rin dia kata dia tahu pertandingan melalui persatuan dia. Persatuan dia ada inform ada pertandingan dekat sana sini.

HMU: Dia bukan yang itu dia bukan bersiaran macam kita buat satu *group* whatsapp ke macam mana dia akan *upload* [muat naik] di situ haa okey 25/10 contoh kan, ada pertandingan di Bangi [Selangor] ke di Klang [Selangor] ke kita cuba tengok *tour* [lawatan] dia la.

NEB: Kawan-kawan macam tu la.

HMU: Haa kawan-kawan.

NAS: Encik sendiri ada tidak rasa minat hendak sertai persatuan macam itu?

HMU: Aaa tidak tahu la.

NAS: ketawa

NEB: ketawa

NAS: Pertandingan juara itu menang dari segi kategori keseluruhan macam wau paling cantik, wau paling tinggi macam tu la kan?

HMU: Ooo tidak. Untuk yang itu kita beza. Untuk wau tegak, lain, untuk wau cantik pun lain. Dia ade dua [2] kategori. Maksudnya kategori untuk wau cantik terkena layang-layang cantik tu tak terbang layang tu. kalau wau tegak dia akan terbang.

NEB: Yang encik *join* [sertai] itu yang terbang itu punya la.

HMU: Haa yang terbang.

NEB: Yang cantik itu benda lain?

HMU: Haa benda lain. Dia tidak boleh disatukan. Dia berbeza.

NAS: Apa kenangan manis dalam dunia wau ini?

HMU: Yang paling manis apabila kita menyertai satu pertandingan, kita nampak layang-layang kita buat itu akan bersaing dengan sepuluh [10] ke lima belas [15] layang-layang lain itu kita dapat.

NAS: Lagi-lagi encik juara.

NEB: Jadi kita dah hampir ke penghujung, so saya nak tanya harapan encik lah, so yang pertama, apakah harapan encik terhadap anak muda yang ingin meneruskan legasi seni wau kapal?

HMU: Haa ye, elok lah untuk diteruskan masa akan datang, sebabnya kita pun ketanggusan generasi baharu. Haa sekarang generasi baharu kan tak ada yang berminat untuk main Wau Kapal ke, wau tradisional ke, salah satunya cara pembuatan dia, diorang pun banyak yang tak tahu.

NEB: Apakah yang encik lakukan untuk kekalkan wau kapal ini?

HMU: Untuk yang, semua lah iya. (bunyi kapal terbang) kita cuba mainkan balik lah. Haa kadang-kadang kita main kan, kadang kita ada *game*, kita pergi *game*. Haa itu nak hidupkan balik lah dia punya.

NEB: Jadi ada apa-apa tak yang encik nak tambahkan dalam pendokumentasian kami yang kami tak tanya tapi encik rasa macam benda itu encik nak kami dokumen kan?

HMU: Rasanya tak perlu lah.

NEB: Okey jadi dengan itu, temuramah ini akan di dokumentasikan dan tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai pendokumentasian sejarah lisan bersama Encik Hairizan Bin Muslim. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan temubual ini. Sekian terima kasih.

HMU: Sama-Sama

6.0 LOG TEMUBUAL

MASA	PERKARA	CATATAN
00:00	Ucapan pembukaan	
01:00	Latar belakang tokoh	1. Nama: Sahirin bin Pono. 2. Nama panggilan: Wak Rin 3. Tarikh lahir: 25 September 1962 4. Tempat lahir: Kampung Labuhan Dagang. 5. Nama ibu: Sum binti haji talib 6. Nama bapa: pono bin haji bakar 7. Bilangan adik beradik: 11 orang 8. Anak ke: 2 9. Bilangan anak: 6 orang 10. Pendidikan sehingga darjah enam. 11. Hanya beliau seorang yang mewarisi pembuatan wau daripada 11 orang adik beradik.
02:59	Minat beliau terhadap pembuatan dan bermain Wau Kapal.	• Mula minat sejak usia 7 tahun dan hasil pertama pembuatan wau ketika berusia 9 tahun. • Belajar sendiri sehingga mahir membuat semua jenis wau Selangor. • Penguat semangat di dalam pembuatan wau adalah rakan-rakan. • Beliau meneruskan legasi wau kapal atas sebab hobi dan minat pada seni layang. • Kerana ia adalah seni kebudayaan Selangor dan perlu diteruskan.
06:05	Latar belakang tentang Wau Kapal	• Perkataan wau kebiasannya digunakan oleh pantai timur.

		• Layang-layang hanya segelintir masyarakat Selangor yang menggunakannya. • Pada masa kini wau kapal diutamakan di kawasan Banting dan wau tradisional jarang digunakan. • Wau kapal adalah wau yang berasal dari Negeri Selangor. • Selngaor pernah menjadi tempat jajahan kapal luar negara di kawasan Jugrah untuk berdagang. • Wau kapal adalah simbolik penanda bagi kapal-kapal untuk berhenti di satu tempat. • Wau kapal juga menjadi simbolik kerana di Selangor terdapat banyak pelabuhan kapal. • Wau kapal diberi nama sempena rupa bentuk ekornya seperti kapal.
10:35	Pendapat beliau tentang Wau Kapal	• Keistimewaan wau kapal adalah dari segi cara bermain. • Ia berbeza dari wau-wau yang terdapat di negeri lain iaitu Kelantan dan Terengganu. • Wau kapal mempunyai wau tradisional dan wau kapal lajak. • Wau tradisional digunakan untuk bermain mengisi masa lapang sahaja. • Wau kapal lajak pula digunakan untuk petandingan. • Wau kapal lajak mempunyai keistimewaan tersendiri iaitu ia

		boleh ditarik tegak sehingga melebihi 90 darjah. • Manakala wau yang terdapat di negeri lain tidak boleh ditarik tegak sehingga 90 darjah. • Wau kapal lebih sesuai digunakan untuk petandingan kerana wau tradisional kampung kurang sesuai untuk dipertandingkan. • Bentuk wau kapal tradisional adalah berbentuk asli manakala wau kapal tegak adalah yang kedua. • Wau kapal sebetulnya mempunyai satu jenis sahaja, tidak pelbagai dan tidak berubah. • Wau kapal tidak boleh diubah suai kerana ia tidak boleh masuk di dalam penyertaan.
14:13	Bahan rujukan beliau untuk membuat wau.	• Ketika mula berminat di dalam pembuatan wau, beliau tidak mempunyai tokoh rujukan untuk membuat wau kapal. • Ketika beliau berusia 8 atau 9 tahun, orang yang lebih berusia yang menjadi bahan rujukan untuk membuat wau. • Kini, Wak Kancil iaitu Tuan Ismail bin Yahya merupakan tokoh rujukan beliau. • Beliau juga mempunyai rakan yang bersama-sama dalam membuat wau iaitu tuan Muhyi dan Tuan Matarom pada ketika dulu.

		• Hanya rakan-rakan dan sahabat sahaja yang menjadi bahan rujukan.
17:00	Kemahiran dalam pembuatan dan Wau Kapal	• Kemahiran seseorang untuk mahir membuat wau sekurang-kurangnya pada usia 15 tahun keatas. • Ia mengambil masa selama dua atau tiga bulan untuk mahir membuat wau.
17:33	Pencapaian yang membanggakan beliau.	• Kepuasan sehingga dapat mencapai tahap final dan grand final. • Grand final dikira nombor satu, dua dan tiga sahaja. • Final pula hanya dikira sehingga lima sahaja.
18:28	Tips, kelemahan, dan cara untuk memartabatkan seni wau kapal.	• Tips untuk menghasilkan wau yang terbaik adalah dengan memilih buluh yang berkualiti, liat dan susah untuk patah. • Untuk menaikkan wau ia perlu keseimbangan wau yang betul iaitu dari segi ukuran saiz wau dan kekemasan. • Kelemahan wau kapal adalah dari segi pembuatan seseorang tersebut. Ia tidak boleh terlampau kering, lembut dan keras kerana ia tidak dapat menampung angin. • Cara mengatasi adalah dengan membaikinya semula sehingga berjaya.

21:37	Teknik yang diperlukan untuk membuat wau dan perbezaan wau kapal dan wau tradisional.	• Memerlukan teknik dalam peralatan, cara perautan, jenis-jenis buluh yang perlu digunakan. • Corak wau kapal adalah ringkas dan tidak berlebihan mengikut kehendak dan kreativiti masing-masing. • Pembuatan wau kapal lebih mudah berbanding wau kapal tradisional. • Wau kapal tradisional memerlukan teknik di dalam ukiran, manakala wau kapal tidak mempunyai ukiran. • Wau kapal tiada sesuai untuk memasuki pertandingan kerana ia lebih berat dan susah untuk diterbangkan. • Wau kapal mempunyai saiz nya yang tertentu iaitu 36 inci untuk panjang dan 30 inci bagi ketinggian.
28:15	Bahan untuk membuat wau kapal.	• Beliau mencari bahan mentah sendiri iaitu buluh bagi memastikan buluh itu berkualiti. • Bahan yang diperlukan untuk membuat wau adalah ringkas iaitu buluh, gam, tali, pisau, benang dan kertas warna. • Terdapat dua jenis gam yang digunakan untuk membuat wau iaitu gam kayu dan gam kertas. • Terdapat jenis tali digunakan iaitu tali teraju dan tali bulu kambing.

		• Terdapat juga jenis benang yang digunakan iaitu benang tangsi dan benang jaring.
30:43	Jenis buluh yang sesuai dalam pembuatan wau.	• Buluh yang digunakan hendaklah berkualiti dimana ia perlu mempunyai lenturan yang baik. • Buluh tersebut perlu dijemur dahulu sehingga kering. • Buluh perlu dikering selama dua minggu mengikut keadaan cuaca. • Buluh yang tidak berkualiti akan mudah rosak dan tidak sempurna.
37:59	Kaedah pembuatan wau kapal.	• Kaedah pembuatan wau mempunyai turutan yang perlu diikuti iaitu perlu dimulai dari bawah sehingga ke atas. • Pertama adalah memilih buluh yang berkualiti dan raut sehingga mendapat lenturan yang dikehendaki dimana ia tidak mudah patah. • Seterusnya memastikan ukuran buluh dan benang adalah sama dan mula mengikat buluh di antara satu sama lain. • Sekiranya ukuran buluh tidak sama ia akan tidak seimbang. • Selepas selesai mengikat buluh, ia diteruskan dengan menampal kertas. • Kertas warna perlu dironyok dan diseterika terlebih dahulu supaya proses layangan menjadi mudah.

		• Letakkan timah di bahagian kepala untuk memberi keseimbangan. • Letakkan tali pada wau dan selesai. • Masa yang diperlukan untuk meraut buluh memakan masa sekitar 4 sehingga 8 jam bergantung individu. • Perautan buluh hanya dilakukan untuk sebuah wau sahaja. • Tidak boleh meraut buluh untuk jumlah wau yang banyak supaya dia tidak mengolah. • Penggunaan segulung benang boleh digunakan untuk 10 buah wau. • Pengahsilan wau kapal memerlukan teknik tebuk iaitu tebuk lukisan tersebut dan tampal semula. •
73:37	Cara bermain wau kapal semasa pertandingan	• Wau kapal memerlukan dua orang ahli iaitu untuk menarik dan untuk memegang wau. • Tuan kepunyaan wau akan memegang wau manakala pasangannya akan menarik wau tersebut. • Pertandingan wau akan berlangsung mengikut kesesuaian faktor cuaca. • Undian akan dicabut sekiranya pada hari pertandingan cuaca kurang memuaskan bagi menentukan pemenang. • Kebiasaan tempat pertandingan berlangsung adalah di padang-padang awam, sekolah.

103:30	Persatuan wau kapal	• Beliau telah menyertai kelab Pelayang Kapal Selangor. • Sudah menyertai kelab tersebut melebihi 20 tahun. • Ciri-ciri yang diperlukan untuk memasuki kelab adalah menegtahui serba sedikit mengenai wau kapal.
105:50	Kemenangan dan menyertai dalam pertandingan wau kapal	• Lebih daripada 40 kali menyertai pertandingan wau kapal. • Pernah memenangi pertandingan pada tahun 2017 bagi kategori juara dan naib juara pada tahun 2015. • Memenangi juara keseluruhan bagi wau kapal negeri Selangor. • Kenangan manis apabila menjuarai dan mendapat mendapat nombor terbaik diantara ratusan ahli yang bertanding.
109:20	Harapan tokoh untuk wau kapal	• Harapan beliau agar anak-anak muda dapat mewarisi dalam menceburi seni kebudayaan. • Beliau mngajak generasi dengan cara membantu mereka dari segi kewangan dengan harapan mereka minat untuk menyertai wau kapal. • Beliau akan mengekalkan wau kapal melaui persatuan. • Melalui kelab dan persatuan ia terdapat aktiviti yang dilakukan dan berterusan.

7.0 RALAT

Sewaktu sesi temubual bersama tokoh terdapat beberapa permasalahan gangguan yang tidak dapat dielakkan sama ada secara langsung atau secara tidak langsung. Ralat tersebut adalah seperti berikut:

- Gangguan daripada isteri tuan rumah dan rakan-rakan
- Bunyi enjin kereta
- Bunyi motosikal
- Bunyi kapal terbang
- Bunyi ayam berkokok
- Bunyi pintu
- Bunyi zink
- Bunyi kamera
- Bunyi suara kanak-kanak
- Bunyi bacaan Tarhim

8.0 RINGKASAN

Nur Aina Sofia Binti Idris dan Nur Elyna Balqis Binti Hamzah telah berjaya menjalankan sesi temubual sejarah lisan bersama tokoh pembuat wau kapal yang mempunyai banyak pengalaman dalam membuat permainan tradisional ini. Sesi temu bual ini telah berlangsung di tempat kediaman Encik Ngujir bin Sardono yang merupakan salah seorang daripada tokoh pembuat wau, iaitu di Kampung Labuhan Dagang, Selangor. Sesi temu bual yang dijalankan adalah tiga sesi pada pukul 2 sehingga 5 petang. Sesi temubual bersama tokoh pertama dijalankan berdurasi selama 2 jam 20 minit, bagaimana pula, untuk tokoh kedua berdurasi selama 25 minit dan akhir sekali untuk tokoh ketiga berdurasi 20 minit.

Sesi temubual ini bertujuan untuk merungkai secara keseluruhan mengenai Wau Kapal Selangor, sejarah disebalik wau kapal, keunikan dan perbezaan Wau Kapal Selangor berbanding wau yang terdapat di negeri lain. Melalui proses temubual ini juga, ia dipercayai bahawa, setiap daripada tokoh-tokoh ini mempunyai pahaman, keterangan dan pengetahuan yang berbeza dan ada juga beberapa maklumat yang sama mengenai wau kapal. Tambahan pula, kajian ini dilakukan adalah untuk menambah ilmu pengetahuan dan membuka mata masyarakat tentang kesenian di dalam permainan tradisional yang terdapat di Negeri Selangor.

Ketiga- tiga tokoh ini telah dilahirkan dan membesar di Kampung Labuhan Dagang, Selangor. Melalui kisah penceritaan, kehidupan mereka ini telah sebatikan dengan wau kapal sejak mereka dibangku sekolah lagi. Bukan itu sahaja, minat dan sifat ingin tahu mereka yang mendalam terhadap wau kapal ini telah menarik minat mereka untuk mewarisi kesenian wau kapal ini daripada bapa-bapa mereka. Maka, dari situ lah tokoh-tokoh ini mula berkecimpung di dalam bidang kesenian wau kapal sehingga kini. Sepanjang berkecimpung di dalam bidang pembuatan seni wau kapal, ketiga-tiga daripada mereka pernah menjurai secara keseluruhan dan mendapat nombor yang terbaik di dalam pertandingan. Setiap pengalaman yang dikongsikan oleh tokoh-tokoh ini amatlah menarik, memberi banyak maklumat dan bermakna kepada semua penyelidik kerana penglibatan mereka di dalam bidang kesenian permainan tradisional adalah lebih daripada 20 tahun sehingga kini.

Hasil kajian yang didapati berdasarkan pengongsian yang diberi oleh tokoh-tokoh mengenai sejarah Wau Kapal, Wau Kapal telah wujud dan dimainkan setelah sekian lamanya akan tetapi Wau Kapal ini tidak terkenal pada khalayak ramai. Wau Kapal berasal dari negeri Selangor iaitu di kawasan Banting, Jeram, Tanjung Sepat dan Sabak Bernam. Tokoh juga ada menyatakan bahawa pada zaman dahulu, Wau Kapal bukan sekadar permainan tradisional yang

biasa tapi ia merupakan sebagai penanda untuk pelayar atau pedagang yang berlayar di lautan dan kawasan Selangor juga merupakan kawasan pelabuhan kapal-kapal, jadi ia merupakan salah satu faktor yang menjadikan Wau Kapal Selangor adalah wau rasmi untuk negeri Selangor.

Wau Kapal juga mempunyai dua jenis, iaitu pertama sebagai Wau Kapal Tradisional dan kedua adalah Wau Kapal Lajak. Tokoh ada menyatakan bahawa Wau Kapal yang selalu dibuat dan dipermainkan oleh mereka adalah Wau Kapal Lajak. Ini kerana Wau Kapal Lajak adalah wau yang dibuat untuk dipertandingkan. Melalui sesi temubual ini juga, ia serba sedikit dapat merungkai proses penghasilan wau yang dipercayai mempunyai cara dan bentuknya tersendiri dari segi kaedah pembuatan, cara bermain dan pelbagai lagi berbanding dengan wau daripada negeri lain. Dari segi pembuatan Wau Kapal, para tokoh mempunyai cara pembuatan yang sama akan tetapi dari segi corak atau perhiasan mereka sahaja menunjukkan perbezaan kerana itu bergantung pada kreatifan seseorang individu.

Seterusnya, dari segi cara Wau Kapal ini dipermainkan juga berbeza dari Wau di negeri lain. Seperti yang dikatakan diatas, Wau Kapal Selangor bukan lah sekadar Wau tradisional yang biasa akan tetapi ia juga untuk dipertandingkan. Seperti yang kita ketahui bahawa wau adalah permainan tradisional yang hanya diterbangkan ke langit dan sekadar untuk menambahkan aktiviti pada masa lapang, maka itu ia sama juga untuk Wau Kapal Tradisional, akan tetapi uniknya Wau Kapal Selangor, ia ada juga diperbuat untuk pertandingan dan dikenali sebagai Wau Kapal Lajak. Berdasarkan pengalaman yang dikongsikan, cara bermain dan peraturan untuk permainan Wau Kapal itu dipertandingkan sangat unik dan berbeza dan ianya hanya jadi lebih mudah untuk mereka yang mahir sahaja.

Kesimpulannya, temubual ini dapat memberikan banyak informasi yang menarik yang menunjukkan keunikan Wau Kapal Selangor dari pelbagai perspektif iaitu dari segi sejarahnya, pembuatannya, permainannya dan banyak lagi untuk dibezakan dengan wau yang lain. Wau Kapal adalah keunikan yang sangat menarik untuk Selangor yang perlu dikekalkan dan diketahui orang ramai.

9.0 GLOSARI

A
Anjung Wau dipegang oleh dua ahli dan ahli kedua akan memegang tali yang dikenali sebagai juru anjung yang terdapat pada hujung bahagian wau.
Automatik Bukan sesuatu yang berlaku atau bergerak dengan sendirinya atas bantuan mesin dan sebagainya.
B
Buluh Sejenis tumbuhan yang batangnya keras iaitu berongga dan beruas.
Benang Tali halus yang diperbuat daripada sutera, kapas, dan pelbagai lagi untuk dijadikan sebagai bahan menjahit dan menenun.
Berbeza Ia adalah berlainan.
